MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI SELASA : 6 JUN 2023

SOALAN NO : 08

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD (JERLUN)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD (JERLUN) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan langkah segera dan strategi yang berkesan dalam membantu warga emas yang lebih suka tinggal bersendirian di rumah berbanding tinggal bersama ahli keluarga atau di Pusat Jagaan Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada aspek keselamatan, rawatan kesihatan dan kewangan agar diri mereka sentiasa terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam konteks memperkasa dan mensejahterakan warga emas di negara ini. Inisiatif dan program yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada dimensi penuaan yang terkandung dalam Dasar Warga Emas Negara (DWEN) iaitu penuaan aktif, penuaan positif, penuaan sihat, penuaan produktif dan penuaan menyokong.

2. Justeru, dalam membantu warga emas yang lebih suka tinggal bersendirian di rumah, berbanding tinggal bersama ahli keluarga atau di pusat jagaan, KPWKM telah mengambil langkah dan strategi yang bersesuaian seperti berikut:

(i) Pertama: penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).
PAWE merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas dalam komuniti. Di PAWE, warga emas boleh menjalankan pelbagai aktiviti harian seperti aktiviti senamas, kerohanian, rekreasi, interaksi digital, kesenian dan pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan harian warga emas. Sebanyak **161 buah PAWE** telah ditubuhkan dengan lebih 50 ribu **orang ahli berdaftar**. KPWKM sentiasa menyokong usaha pihak-pihak terlibat untuk menambah pembukaan PAWE baharu.

(ii) Kedua: melaksanakan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR@*Home Help Services*)
Khidmat Bantu Di Rumah merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan OKU terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Program ini bercorak pendampingan sosial *(social outreach)* dan berkonsepkan kebajikan sebagai

tanggungjawab bersama Sukarelawan yang dilatih dan melaksanakan tugas mereka berdasar konsep dan prinsip kesukarelaan. Sehingga kini seramai **hampir 7 ribu warga emas** telah menerima manfaat daripada program ini melibatkan **2,225 sukarelawan** khidmat bantu di rumah.

(iii) Ketiga: Bantuan Warga Emas (BWE)

KPWKM turut menyediakan Bantuan Warga Emas (BWE) sebanyak RM500 sebulan kepada warga emas yang layak, iaitu mereka yang menepati syarat penerima bantuan kewangan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pada tahun 2022 sahaja, BWE ini memberi manfaat kepada **lebih 140ribu warga emas** melibatkan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan berjumlah **lebih RM830juta**.

(iv) Keempat: Pelaksanaan Program Khidmat Sokongan Sosial Setempat (PSSS).

PSSS menawarkan perkhidmatan psikososial yang holistik kepada masyarakat seperti sesi bimbingan dan kaunseling, sesi intervensi, *art therapy*, teknik relaksasi, rujukan bantuan, psiko pendidikan dan pusat transit sementara yang berbentuk kelegaan segera (*immediate relief*) kepada wanita dan kumpulan sasar. Pengoperasian PSSS ini dilaksanakan secara tetap (premis) dan secara bergerak (*mobile*) bagi memastikan ketersampaian (*accessibility*) perkhidmatan psikososial kepada masyarakat dioptimumkan sepenuhnya. Sehingga kini sebanyak **9 PSSS** telah menyantuni lebih 3,700 warga emas

3. KPWKM sentiasa mengalu-alu dan menekankan pendekatan *community empowerment* bagi membolehkan komuniti setempat turut memainkan peranan aktif dalam menjaga kesejahteraan warga emas terutama mereka yang tinggal bersendirian.

Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 160)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN LEE CHEAN CHUNG (PETALING JAYA)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang perincian faktor dan piawaian yang diambil kira untuk penyaluran peruntukan kepada Jabatan Kerja Raya di setiap daerah berikutan terdapat isu-isu kekurangan dana untuk melaksanakan projek penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan, serta adakah penyelenggaraan melalui Roadcare akan disemak semula bagi menjimatkan kos.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pertanyaan yang diajukan, di peringkat Jabatan Kerja Raya, bagi setiap kerja yang dimajukan untuk permohonan peruntukan akan melalui proses semakan kriteria keutamaan berdasarkan beberapa faktor pertimbangan seperti mana yang telah digariskan dalam Senarai Semak Kriteria Keutamaan.

Antara kriteria utama yang diambil kira bagi penentuan keutamaan kerja pembaikan adalah **tahap kerosakan yang berlaku**, **isipadu trafik di lokasi** dan status **aduan-aduan** yang berkaitan. **Cadangan kaedah pembaikan dan rawatan akan ditentukan terlebih dahulu berdasarkan pemeriksaan di tapak oleh pihak Jabatan Kerja Raya** bersama-sama dengan syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan. **Anggaran kos yang dicadangkan bagi setiap kerja pembaikan dan lokasi adalah tertakluk kepada keperluan kaedah pembaikan sebenar di tapak** berdasarkan **tahap kerosakan yang berlaku**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) Senggara Jalan, pihak JKR akan menyediakan **Anggaran Peruntukan Jalan (APJ) secara tahunan yang melibatkan semua program penyengaraan Jalan.** Seterusnya berdasarkan senarai APJ tersebut pihak JKR akan menyediakan senarai keutamaan bagi perlaksanaan program kerja pembaikan mengikut had nilai peruntukan yang diluluskan. Disebabkan kekangan peruntukan yang diterima pihak Kementerian, pelaksanaan pembaikan hanya boleh dilaksanakan di lokasi yang sangat kritikal. Kerja pembaikan ini seterusnya akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi. Secara amnya pelaksanaan program pembaikan kerosakan jalan persekutuan adalah tertakluk kepada nilai peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal

kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh perjanjian konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia akan tamat pada Februari 2026. Berdasarkan semakan terkini, kadar harga bagi kerja penyenggaraan berdasarkan Jadual Kadar Harga Penjanjian Kontrak Penyenggaraan Konsesi adalah rendah berbanding kadar harga pasaran semasa berikutan berlaku kenaikan mendadak harga barang binaan, kos gaji dan upah akibat impak ekonomi yang disebabkan pandemik Covid 19. Kementerian ini juga sentiasa memastikan pelaksanaan kontrak penyenggaraan jalan mengikut dasar perolehan semasa yang ditetapkan pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan isu lambakan Doktor dan apakah tindakan kementerian dan kerajaan MADANI mengenainya.

NO. SOALAN : 12

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan telah menetapkan pencapaian sasaran nisbah satu doktor kepada 400 penduduk (nisbah 1:400) menjelang tahun 2025 dan satu doktor kepada 330 penduduk (nisbah 1:330) menjelang tahun 2030. Sasaran ini dibuat mengambil kira pertambahan penduduk, peningkatan beban penyakit dan sistem kesihatan, keperluan perkembangan perkhidmatan serta mengambil kira unjuran penuaan penduduk di Malaysia menjelang tahun 2030.

2. Berdasarkan maklumat Petunjuk Kesihatan, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk pada tahun 2021 adalah 1:420. Sungguhpun nisbah pada tahun 2021 menunjukkan penambahbaikan daripada yang dilaporkan pada tahun sebelumnya, nisbah tersebut masih jauh rendah apabila dibandingkan dengan negara-negara lain khususnya negara berpendapatan pertengahan atas dan negara berpendapatan tinggi.

3. Sebagai contoh bagi negara berpendapatan tinggi, nisbah doktor berdaftar kepada penduduk di New Zealand adalah 1:280 (2021), di Jerman adalah 1:152 (2021) dan di Norway 1: 144 (2021). Bagi contoh negara berpendapatan pertengahan atas, nisbah doktor berdaftar kepada penduduk di Argentina adalah 1:246 (2020), di Costa Rica adalah 1:303 (2020) dan di Mauritius adalah 1:370 (2020), Thailand adalah 1:1111 (2020). Manakala bagi negara berpendapatan pertengahan rendah seperti Indonesia mempunyai nisbah doktor berdaftar kepada penduduk 1: 1667 (2020).

4. Walau apapun kedudukan sasaran dan/atau pencapaian nisbah doktor kepada penduduk ini dan pencapaian sasaran pegawai perubatan berkhidmat di Kementerian Kesihatan, kelihatannya jumlah pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan masih belum mencukupi. Perkara ini berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti peningkatan kedatangan dan kemasukan pesakit ke fasiliti Kementerian Kesihatan dan maldistribusi penempatan pegawai berbanding keperluan perkhidmatan yang sentiasa

berubah dan dinamik.

5. Oleh yang demikian Kementerian Kesihatan terus komited untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan termasuk menambah jumlah pegawai perubatan tetap demi kesejahteraan masyarakat Malaysia Madani.

6. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan telah mendapat kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk melantik tetap pegawai perubatan kontrak. Semenjak tahun 2019 hingga 31 Disember 2022, seramai 4,333 pegawai perubatan kontrak telah dilantik tetap. Pada tahun ini, SPA telah memuktamadkan pengambilan tetap sebanyak 4,263 Pegawai Perubatan dan pemakluman diberi kepada calon yang berjaya. Urusan penempatan akan dilaksanakan pada Julai 2023.

7. Selain itu, semasa sesi soal jawab di Parlimen pada 4 April 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan langkah untuk mewujudkan hampir 12,800 perjawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) tahun hingga menjelang tahun 2025.

8. Bagi menangani isu graduan perubatan berbanding dengan keupayaan Kerajaan menawarkan pelantikan tetap, langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

(i) pertamanya, Kementerian Kesihatan terus menunaikan obligasi menurut Akta Perubatan 1971 bagi menyediakan peluang latihan siswazah dan khidmat wajib di fasiliti kesihatan yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia.

(ii) pegawai yang telah memenuhi kedua-dua syarat obligasi tersebut iaitu latihan siswazah dan khidmat wajib, boleh meneruskan perkhidmatan kontrak berdasarkan tempoh yang ditetapkan (tujuh tahun atau hingga sebelas tahun bagi pegawai perubatan kontrak yang ditawarkan latihan kepakaran) atau memilih untuk berkhidmat di luar Kementerian Kesihatan;

(iii) meneruskan urusan pengambilan bagi pelantikan secara tetap menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berdasarkan jumlah kekosongan jawatan tetap dari semasa ke semasa.

9. Kerajaan pada 31 Mac 2023 juga telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (*High Level Comitttee - HLC*) berhubung pegawai perubatan. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi ini berperanan meneliti isu pegawai perubatan dan memuktamadkan langkah penyelesaian segera, jangka sederhana dan jangka panjang bagi menangani isu pegawai perubatan. Oleh itu, Kementerian Kesihatan berharap penglibatan pihak berkepentingan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Ekonomi dapat menangani isu pegawai perubatan secara berkesan dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah sudah terdapat mana-mana syarikat yang dikenalpasti boleh menyeimbangkan fungsi Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) dalam usaha untuk menghapuskan monopoli syarikat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada masa ini sedang memuktamadkan semua peraturan, syarat-syarat, garis panduan dan lain-lain dokumen berkaitan yang akan ditetapkan kepada mana-mana pihak lain yang akan dipelawa untuk menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan motor di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Seperti umum mengetahui, pada masa ini Kerajaan hanya telah melantik pihak PUSPAKOM untuk melaksanakan fungsi pegawai pengangkutan jalan dan menyediakan pemeriksaan kenderaan motor bagi pihak JPJ. Semua perkara tersebut dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya sebelum akhir tahun 2023, dan proses pelawaan kepada pihak yang

berminat akan boleh dimulakan dalam penggal pertama tahun 2024. Proses penilaian pula dijangka mengambil masa sehingga tiga bulan. Proses pelantikan pihak lain yang berjaya memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan pula dijangka dapat dilaksanakan dalam penggal kedua tahun 2024 kelak.

2. Dalam hubungan ini, MOT akan memastikan bahawa pembukaan pemeriksaan berkala kepada pihak-pihak lain tidak menyumbang kepada ketidakpatuhan kepada peraturan sedia ada sehingga menyumbang kepada peningkatan risiko berlakunya kemalangan jalan raya. Perlu ditekankan bahawa kewajipan menjalani pemeriksaan kenderaan motor adalah bertujuan memastikan tahap *road-worthiness* dan keselamatan kenderaan motor tersebut apabila digunakan di atas jalan. Pemeriksaan berkala kenderaan motor ini adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya lain terutamanya penunggang motosikal serta mengelakkan berlakunya kerosakan kepada infrastruktur jalan yang akan membawa implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan dan negara.

3. Mana-mana pihak yang berjaya memenuhi semua syarat ditetapkan akan dipelawa dan dibenarkan beroperasi sebagai pusat pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak JPJ di masa hadapan. Syarat-syarat yang bakal ditetapkan adalah setara seperti mana ditetapkan kepada pihak PUSPAKOM bagi memastikan wujudnya persekitaran perkhidmatan yang berdaya saing, adil dan mematuhi semua peraturan yang telah diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan SPM untuk setiap tahun sejak 2018 hingga sekarang dan berapa jumlah pelajar yang berjaya diterima untuk meneruskan pelajaran ke peringkat IPT.

SOALAN NO : 14

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018, seramai 391,641 orang calon telah menduduki peperiksaan manakala seramai 389,498 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi tahun 2019. Seterusnya, bagi tahun 2020, seramai 381,896 orang calon telah menduduki peperiksaan SPM dan 382,156 orang calon bagi tahun 2021.

KPM menerusi Sistem eProfil Kerjaya Murid (ePKM) telah mengumpul maklumat berhubung kemasukan murid lepasan SPM ke institusi
pengajian tinggi (IPT). Berdasarkan ePKM, seramai 141,186 orang calon lepasan SPM tahun 2018 telah melanjutkan pelajaran di pelbagai IPT, manakala seramai 162,301 orang calon bagi tahun 2019. Manakala pada tahun 2020, jumlah calon lepasan SPM yang menyambung pelajaran di IPT adalah seramai 211,942 orang. Bagi calon lepasan SPM tahun 2021 pula, data sehingga 2 Mei 2023, menunjukkan seramai 187,393 orang calon sedang menyambung pelajaran di IPT.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi musim panas yang melanda negara. Kebakaran rumah, hutan dan kawasan tanaman mudah berlaku disebabkan musim panas yang berpanjangan.

SOALAN NO : 15

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam membangkitkan isu berhubung cuaca panas yang sedang melanda negara pada masa kini. Sebagai salah satu agensi penyelamat utama negara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa komited untuk memastikan tahap *readiness* berada dalam keadaan yang terbaik di samping pemantapan mutu perkhidmatan kebombaan bagi menghadapi sebarang kejadian luar jangkaan.

KPKT melalui JBPM telah merencana empat (4) strategi utama bagi menghadapi situasi kemarau yang boleh menyebabkan berlakunya peningkatan kes kebakaran terbuka. Strategi-strategi tersebut adalah seperti berikut:

i. memperluas kaedah pemantauan;
ii. meningkatkan kecekapan pemadaman;
iii. memperkukuh kolaborasi antara agensi; dan
iv. memperkasa program kesedaran awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, JBPM sentiasa memantau situasi cuaca dan suhu (amaran, ramalan dan cuaca semasa) yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sepanjang 24 jam melalui Pusat Pengurusan Operasi (PPO), Ibu Pejabat JBPM dan Pusat Gerakan Operasi (PGO) JBPM Negeri-Negeri.

Pada masa yang sama, pelaksanaan pemantauan secara fizikal atau rondaan secara berkala juga dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada kawasan *prone area* dan *hot spot* kebakaran terbuka melalui kaedah:

i. *air surveillance* (tinjauan melalui helikopter & unit drone jabatan);
ii. rondaan balai-balai bomba di seluruh negara;
iii. kolaborasi dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar; dan
iv. kerjasama dan bantuan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) serta penglibatan komuniti setempat.

Bagi **operasi pemadaman** kebakaran terbuka berskala besar pula,

SOALAN NO : 15

JBPM telah mengenal pasti sumber air terbuka beserta keperluan jentera yang akan digunakan bagi operasi melibatkan:

i. sungai, parit atau tasik berhampiran;
ii. *tube well*;
iii. *check dam*;
iv. *portable* pam JBPM; dan
v. *tanker* JBPM (HPPM & *Prime Mover Water Tanker*).

Bagi memastikan kesiapsiagaan JBPM berada pada tahap yang terbaik, jumlah kekuatan keanggotaan terus diperkasa dengan seramai **27,052** orang yang melibatkan **12,957** Pegawai Sepenuh Masa (PSM), **2,111** Pegawai Bomba Bantuan (PBB) dan juga bantuan daripada **11,984** anggota PBS di seluruh negara. JBPM juga berkolaborasi bersama agensi-agensi berkaitan seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain agensi. JBPM juga telah melatih kakitangan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) berhubung teknik pemadaman kebakaran hutan agar mereka mampu bertindak sebagai *first responder* seandainya berlaku sebarang kebakaran di kawasan hutan.

Pemerkasaan Program Kesedaran Awam terus dipertingkat dalam memastikan komuniti setempat peka terhadap isu-isu yang melibatkan pembakaran terbuka. Antara program-program yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

i. kempen kesedaran dengan kerjasama PBS dan komuniti serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK);
ii. sebaran maklumat tentang kesedaran orang awam melalui institusi keagamaan. Contoh: khutbah Jumaat di surau/masjid;
iii. hebahan melalui media massa seperti media cetak dan elektronik; dan
iv. hebahan melalui platform media sosial seperti *Twitter, Facebook* dan laman sesawang jabatan (website).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD (BAGAN SERAI)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD (BAGAN SERAI) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan statistik peratusan pelajar yang mendapat tajaan MARA terutama di luar negara kembali berkhidmat di Malaysia selepas menamatkan pengajian mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2022, MARA telah menaja seramai 4,739 orang pelajar di luar negara. Dan seramai 632 orang pelajar telah menamatkan pengajian di mana 550 (87%) orang pelajar telah kembali berkhidmat di Malaysia.

MARA akan sentiasa berusaha untuk membantu memastikan kadar kebolehpasaran yang tinggi kepada graduan dibawah MARA dengan menarik minat mereka untuk pulang berkhidmat di Malaysia melalui inisiatif seperti program "*Career Crafting"* bersama dengan industri yang bertujuan untuk memberi peluang penempatan pekerjaan kepada para graduan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN (TENOM)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN RIDUAN BIN RUBIN (TENOM) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan apakah bentuk bantuan yang ditawarkan kepada pasangan suami isteri yang tidak berkemampuan untuk menampung kos rawatan kesuburan yang ditawarkan di Klinik Subfertiliti LPPKN bagi membolehkan mereka memiliki cahaya mata.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Klinik Subfertiliti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan pelbagai rawatan kesuburan pada harga yang berpatutan bagi membantu mereka yang menghadapi kekangan kewangan untuk menampung kos rawatan kesuburan yang mahal. Berdasarkan data profil klien LPPKN yang terkini, hampir keseluruhan klien yang mendapatkan perkhidmatan Klinik Subfetiliti LPPKN ini adalah daripada golongan M40 dan ke bawah.

2. Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif kepada pasangan dalam mendapatkan rawatan kesuburan. Antaranya ialah:

i. Program Bantuan Subsidi Rawatan Permanian Beradas (IUI) (i-KASIH) di LPPKN. Melalui program ini, pasangan yang memenuhi syarat kelayakan akan menerima subsidi rawatan IUI sebanyak RM350 bagi satu kitaran (*cycle*) rawatan secara (one-off). Antara syarat kelayakan program ini adalah:
   - pasangan tidak pernah hamil sebelum ini;
   - berpendapatan kasar isi rumah kurang daripada RM10,000 sebulan;
   - pasangan suami isteri Warganegara Malaysia yang sah berkahwin dan berdaftar mengikut undang-undang Malaysia; serta
   - pasangan tidak pernah mendapat sebarang bantuan rawatan Subfertiliti dari mana-mana agensi swasta atau kerajaan.

ii. memberi pengecualian cukai bagi rawatan kesuburan sehingga RM8,000;

iii. membenarkan pengeluaran wang caruman Akaun 2 KWSP untuk tujuan rawatan kesuburan (berkuatkuasa 1 September 2020); serta

iv. tuntutan daripada majikan bagi perbelanjaan rawatan kesuburan (bagi penjawat awam).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan kod sukan selamat yang dilancarkan pada bulan Mac lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan perkara-perkara yang termaktub di bawah Kod Sukan Selamat memerlukan kesepaduan usaha daripada pelbagai pihak termasuk badan kerajaan, badan bukan kerajaan, syarikat dan individu.

Susulan daripada itu, beberapa kumpulan yang terdiri daripada pemegang taruh sukan telah pun menyatakan komitmen mereka dalam melaksanakan Kod ini dengan menandatangani perakuan sokongan yang melibatkan sebanyak 95 persatuan sukan, 40 persatuan belia, semua majlis sukan negeri, atlet-atlet dan pegawai sukan di bawah program kendalian Majlis Sukan Negara (MSN), Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan 200 syarikat dan pengusaha gimnasium.

Pada masa ini, keberkesanan Kod Sukan Selamat belum dapat diukur secara menyeluruh memandangkan ia masih di peringkat awal pelaksanaan. Namun begitu, KBS sudah menyediakan mekanisme

pemantauan dan pelaporan untuk mengendalikan sebarang isu berkaitan. Sebarang aduan berhubung salah laku yang melanggar Kod Sukan Selamat boleh dikemukakan melalui http://kbs.spab.gov.my atau hubungi di talian 03-88713498. Malah pihak Majlis Olimpik Malaysia turut memberikan sokongan padu kepada inisiatif Kod ini dengan mewujudkan talian khusus untuk menyalurkan aduan ini iaitu melalui whistleblowing@olympic.org.my atau hubungi di talian 03-27152810. Di samping itu, Talian Kasih bebas tol 15999 yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat turut boleh digunakan untuk melaporkan kes-kes berkaitan. KBS turut menjalinkan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meneliti perkara-perkara berbangkit berkaitan pelaksanaan Kod ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah utama yang diambil KBS bagi memastikan pelaksanaan Kod ini berjalan dengan teratur ialah dengan melantik *safeguarding officer* untuk menguruskan aduan serta memberi khidmat nasihat kepada atlet-atlet yang berkaitan.

Selain itu, sebagai langkah mempromosi dan memberi kefahaman kepada semua pihak terlibat, KBS dengan kerjasama beberapa badan bukan kerajaan sedang menggiatkan usaha melaksanakan program advokasi di seluruh negara bermula pada bulan Jun tahun ini. Penyertaan kepada program ini memberikan keutamaan kepada penggiat sukan di peringkat negeri dan daerah.

Sebagai tambahan kepada Kod Sukan Selamat, KBS melalui Institut Sukan Negara (ISN) telah membangunkan Kursus Sukan Selamat untuk membantu semua pemegang taruh yang terlibat dalam sukan untuk lebih memahami dan melaksanakan perkara yang termaktub di dalam kod. Modul ini akan dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam Skim Pelesenan Kejurulatihan Kebangsaan (SLKK) dan Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) yang dikendalikan oleh ISN. Sehingga kini seramai 500 orang jurulatih telah pun menyertai kursus ini. KBS berharap pelaksanaan Kod ini mendapat sokongan menyeluruh masyarakat bagi memastikan hak dan kebajikan atlet serta komuniti sukan sentiasa dilindungi.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah persediaan Kementerian untuk membasmi secara total penyalahgunaan rokok elektronik kerana sebilangan kecil pengguna mencampurkan CBD Oil dalam cecair nikotin.

NO. SOALAN : 19

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan menyedari bahawa rokok elektronik atau vape boleh disalahgunakan untuk penggunaan bahan terlarang. KKM sedang berusaha untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok pada sesi Parlimen kali ini di mana RUU ini lebih komprehensif merangkumi kawalan produk merokok dan Generasi Penamat Rokok.

2. Di bawah RUU ini, terdapat satu peruntukan khusus bagi pendaftaran produk merokok di mana semua produk tembakau dan rokok elektronik atau vape perlu didaftarkan dan keputusan ujian makmal berkaitan kandungan produk merokok perlu dikemukakan sebelum produk tersebut dibenarkan untuk dijual di pasaran. Ini bagi memastikan produk yang dijual mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan, dan seterusnya mencegah penggunaan dadah terlarang atau bahan berbahaya dalam cecair rokok elektronik.

3. Bagi peruntukan Generasi Penamat Rokok pula, ia bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok. Peruntukan ini merupakan satu keperluan mendesak memandangkan situasi peratusan merokok termasuk rokok elektronik atau vape telah meningkat dengan ketara semenjak ia memasuki pasaran di Malaysia pada tahun 2015. Peningkatan ini sangat ketara terutama dalam kalangan remaja yang rata-rata merupakan pengguna baharu. Peruntukan ini juga akan dapat mengekang isu penyalahgunaan bahan terlarang melalui penggunaan rokok elektronik atau vape dalam kalangan generasi muda. Ia juga selari dengan hasrat KKM untuk mencapai status negara bebas dari sebarang bentuk amalan merokok pada tahun 2040.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha untuk membantu golongan B40 di seluruh negara terutama anak muda untuk mendapatkan rumah mesra rakyat/rumah mampu milik.

SOALAN NO : 20

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini terdapat tiga (3) program perumahan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi golongan B40 di seluruh negara termasuk golongan anak muda. Program tersebut merangkumi Program Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Belia Madani (RBM). Di bawah program perumahan PPR, KPKT telah memperkenalkan skim *Rent-to-Own* (RTO) iaitu skim pembiayaan mudah khusus bagi membantu pemilikan rumah golongan berpendapatan B40 yang telah ditawarkan unit PPR tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Sehingga kini, terdapat 159 projek PPR yang merangkumi 99,296 unit rumah telah siap dibina di seluruh negara manakala sebanyak 24 projek PPR dalam peringkat pembinaan merangkumi 9,737 unit.

Program RMR pula dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah dengan pendapatan bulanan isi rumah RM5,000 ke bawah untuk membina rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum dan usia termasuk anak muda yang berumur 18 tahun ke atas. Harga RMR adalah bermula dari RM75,000 seunit. Bagi membantu golongan B40 untuk mendapatkan RMR, Kerajaan memberikan subsidi RM20,000 seunit setiap pemohon yang layak dan kemudahan pinjaman ditawarkan bagi menampung baki harga RMR tersebut. Selain itu, bagi pemohon yang berumur tidak melebihi 42 tahun termasuk golongan anak muda, mereka tidak perlu memenuhi syarat tambahan untuk menyediakan penama kedua untuk memohon RMR. Sehingga kini, sejumlah 56,410

unit RMR telah siap dibina, 4,950 unit sedang dalam pembinaan dan 380 unit telah diluluskan untuk pembinaan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua program tersebut merupakan program perumahan subsidi bersasar, di mana Kerajaan menanggung subsidi bagi memastikan golongan tersebut dapat memiliki rumah. Selain itu, KPKT juga sedang merancang pembinaan RBM di kawasan Lembah Klang. Inisiatif RBM adalah inisiatif Kerajaan dalam penyediaan perumahan secara transit untuk golongan belia yang berumur 35 tahun dan ke bawah untuk mendiami rumah tersebut bagi suatu tempoh yang dirasakan cukup sehingga mereka dapat mengukuhkan kedudukan kewangan dan seterusnya memiliki kediaman sendiri. RBM yang pertama akan dibangunkan di Mukim Batu, Sentul melibatkan 1,048 unit rumah.

Bagi membantu golongan sasar ini memiliki rumah, KPKT telah memperkenalkan i-Biaya iaitu Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP). Melalui Belanjawan MADANI 2023, SJKP bersedia menjamin nilai pinjaman sehingga RM5 billion bagi memanfaatkan 20,000 peminjam perumahan, khususnya pembeli rumah pertama. Jaminan Kerajaan ini adalah bagi membantu peminjam yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Berdasarkan data yang dilaporkan oleh SJKP sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 16,808 pinjaman pembiayaan telah diluluskan di bawah skim ini. 65.11% (10,945) pemohon yang berjaya adalah dalam julat umur 35 tahun ke bawah. Nilai keseluruhan pembiayaan yang telah diluluskan oleh SJKP sejak mula dilancarkan adalah sebanyak RM2.32 bilion.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG (AYER HITAM)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyak lebuh raya bertol dan tidak bertol yang sedang dan akan dibina di seluruh Malaysia dan bagaimana Kementerian dapat menyelesaikan masalah “bottleneck” sehingga tahap perkhidmatan jalan (Level of Service - LOS) mencapai status F di kawasan pertembungan lebuh raya-lebuh raya yang berlainan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua

Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini sejumlah lima (5) projek lebuhraya sedang di dalam peringkat pembinaan di bawah skop dan tanggungjawab pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) seperti berikut:

1) Lebuhraya Pantai Barat (WCE);
2) Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Klang (SUKE);
3) Lebuhraya Setiawangsa – Pantai (SPE);
4) Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE); dan
5) Lebuhraya Maju Expressway 2 (MEX2).

Bagi cadangan lebuh raya baharu yang telah ditandatangani Perjanjian Konsesi (Concession Agreement - CA) dan sedang di dalam proses memenuhi Syarat-Syarat Duluan (Conditions Prescedent – CP) pula adalah Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link).

Manakala, sebanyak tujuh (7) cadangan lebuh raya baharu telah mendapat kelulusan prinsip dan sedang di dalam semakan dan penelitian aspek teknikal dan kewangan seperti berikut:

1) Cadangan Projek Putrajaya – Bangi (PBE);
2) Cadangan Projek West Ipoh Span Expressway (WISE);
3) Cadangan Projek DUKE Fasa 2A (DUKE 2A);
4) Cadangan Projek Kuala Lumpur Northern Dispersal Expressway (KL-NODE);
5) Cadangan Projek Senawang – KLIA (SKLIA);
6) Cadangan Projek Paroi – Senawang Link (PSL); dan
7) Cadangan Projek Sambungan Lebuhraya Baru Pantai 2 (NPE2).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan tiada isu “bottleneck” di kawasan pertembungan lebuh raya-lebuh raya yang berlainan, ianya adalah berdasarkan kepada Laporan Penilaian Impak

Trafik (Traffic Impact Aasses - TIA). Seterusnya rekabentuk lebuh raya akan dilaksanakan oleh Jurutera Perunding yang bertauliah bagi tujuan memastikan aliran trafik lancar selepas lebuh raya dibuka kepada lalulintas.

Bagi lebuh raya yang sedang beroperasi, pihak KKR melalui LLM telah mengkoordinasi dengan syarikat konsesi bagi langkah-langkah mitigasi mengurangkan kesesakan secara penyelesaian jangka pendek (*quick win*) dan jangka panjang. Antara inisiatif *quick win* yang telah dilaksanakan pada masa ini adalah dengan pelaksanaan laluan kontra dan penggunaan bahu jalan (smart lane) sebagai lorong tambahan bagi menambah kapasiti trafik. Pada masa ini terdapat lapan (8) lokasi laluan kontra dan tiga (3) lokasi ‘smart lane’ (penggunaan bahu jalan) yang dilaksanakan pada waktu puncak yang melibatkan sepuluh (10) lebuhraya di Lembah Klang. LLM juga sedang mengenalpasti lokasi-lokasi lain yang bersesuaian di lebuh raya untuk pelaksanaan laluan kontra atau ‘smart lane’ ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah nisbah speech therapist kepada populasi di Malaysia dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah kekurangan speech therapist di sektor awam dan swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Nisbah Speech Therapist kepada Populasi Malaysia

i. Jumlah Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) (*Speech-Language Therapist)* di Kementerian Kesihatan Malaysia (sehingga 15 Mei 2023) ialah sebanyak 156 orang pegawai.

ii. Nisbah Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) di Kementerian Kesihatan Malaysia adalah 1:209,615. Secara perbandingan, nisbah *Speech-Language Therapist* di Amerika Syarikat adalah 57.7:100,000 pada 2021.

iii. Jumlah keseluruhan *Speech-Language Therapist* di Malaysia tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana ketiadaan maklumat bagi *Speech-Language Therapist* di sektor swasta.

NO. SOALAN : 22

2. <u>Langkah-langkah menangani masalah kekurangan *Speech Therapist di sektor awam*</u>

i. Bilangan ambilan baharu Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) di bidang Kerajaan tidak menunjukkan trend yang memberangsangkan pada setiap tahun. Ini berikutan kerana tarikan insentif di sektor swasta lebih menarik seperti emolumen yang jauh lebih lumayan, waktu bekerja yang lebih fleksibel, persekitaran kerja yang lebih kondusif.

ii. Tiada pengambilan *speech-language therapist* secara kontrak di KKM dilaksanakan pada masa ini kerana masih terdapat kekosongan pada perjawatan tetap sedia ada.

iii. Sehubungan itu, Kertas Cadangan 'Perkhidmatan Wajib bagi Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) selama 24 bulan' di Kementerian Kesihatan bagi semua graduan yang ingin berkhidmat di Malaysia sedang disediakan, susulan kesukaran mendapatkan pegawai baharu dan kadar *attrition* yang semakin bertambah saban tahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD** **[BAGAN SERAI]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang Kementerian dalam mengurus pelajar-pelajar genius atau pintar dan adakah Kementerian berhasrat untuk membenarkan golongan pelajar pintar ini menduduki SPM seawal mungkin.

SOALAN NO : 23

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil perhatian akan keperluan murid pintar dan berbakat di dalam negara. Ini adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 -2025 yang menggariskan murid pintar cerdas akan turut mendapatkan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka.

KPM telah menyediakan program khusus iaitu untuk murid pintar. Program yang dinamakan GENIUS@Pintar merupakan satu inisiatif khas mencari bakat kepintaran kognitif atau intelek murid dengan memberi fokus khusus kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan pemikiran komputasional. Pemilihan murid untuk mengikuti program ini adalah berdasarkan pelbagai ujian saringan. Murid berumur 11 dan 12 tahun yang melepasi semua ujian saringan akan ditawarkan ke sekolah yang menyediakan program khusus ini sama ada di Kolej GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia atau di Akademi Sains Pendang, Kedah yang turut dikenali sebagai Sekolah Menengah Sains Pendang.

Sehingga tahun 2022, sebanyak 72.3 peratus alumni program ini telah meneruskan pengajian dalam bidang STEM di peringkat yang lebih tinggi. Pencapaian ini selaras dengan hasrat Kerajaan yang menetapkan sasaran untuk mencapai nisbah 60:40 pelajar sains berbanding sastera atau sains sosial pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Di samping itu, Program Digital Innovator (DIP) turut diperkenalkan kepada murid yang mengikuti Program GENIUS@Pintar. Program DIP yang merupakan kerjasama dengan Malaysia Digital Economic Cooperation (MDEC) bertujuan untuk menyediakan kepakaran modal insan sejajar dengan keperluan industri menuju status negara maju. Program DIP dapat membentuk kemenjadian murid secara holistik dengan kemahiran teknologi digital, kreativiti yang tinggi dan kemahiran penyelesaian masalah serta kecekapan komunikasi bertaraf antarabangsa. Selain itu, program ini

juga menyediakan dua laluan iaitu melanjutkan pengajian tinggi dalam bidang teknologi digital yang terbaik atau pun meningkatkan kecekapan tekno-digital untuk laluan kerjaya dalam industri teknologi. Dengan kualiti holistik yang diterapkan dalam program DIP, ia dijangka menghasilkan graduan yang mempunyai keboleh pasaran yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid yang mengikuti Program GENIUS@Pintar akan mengikuti pendidikan berasaskan kurikulum kebangsaan di samping menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selaras dengan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Namun, bagi memenuhi keperluan kognitif murid pintar yang memerlukan kurikulum yang luas, mendalam dan rapi (*rigorous*) terdapat kurikulum dan pentaksiran tambahan yang ditawarkan untuk dijadikan nilai tambah kepada murid pintar dan berbakat ini.

Buat masa ini, murid yang mengikuti Program GENIUS@Pintar akan menduduki peperiksaan mengikut kohort umur seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan, KPM. Justeru, tiada ketetapan khusus untuk kumpulan murid pintar yang mengikuti Program GENIUS@Pintar untuk menduduki SPM lebih awal daripada kohort umur seperti yang disyaratkan.

Secara keseluruhan, Program GENIUS@Pintar menyediakan satu program pendidikan yang menjadi pelengkap kepada sistem pendidikan kebangsaan sedia ada dengan memenuhi keperluan khusus murid pintar dan seterusnya dapat membantu melonjak dan mengoptimumkan potensi sebenar mereka. Program GENIUS turut memberi impak positif dalam melengkapi sistem pendidikan kebangsaan sedia ada bagi membangunkan modal insan berkualiti tinggi kepada negara.

Sekian, terima kasih.

RJM37

SOALAN NO : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]**
TARIKH	**:**	**14 JUN 2023 (RABU)**

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pihak Kementerian melihat kepentingan sekolah satu aliran sebagai wadah penyatuan bangsa Malaysia akan menjadi lebih baik berbanding sekolah pelbagai aliran pada waktu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam memastikan sistem pendidikan kebangsaan dapat memenuhi aspirasi negara Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berpaksikan kepada usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu menjadi teraju utama dalam mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Keseimbangan insan yang dihasratkan adalah berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Hasrat dan matlamat FPK ini adalah seiring dengan konsep Malaysia Madani yang berteraskan kepada enam tonggak dasar iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan). Pada masa yang sama, KPM juga telah membangunkan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM bagi memastikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM masih mengekalkan dasar sedia ada yang menyediakan pendidikan melalui sekolah aliran perdana (sekolah kebangsaan) serta sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil (SJKC dan SJKT). Dasar ini adalah selaras dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah seksyen 27.

Dalam memastikan agenda perpaduan dapat diterap dan digarap dalam jiwa anak Malaysia sejak awal persekolahan, KPM mengutamakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan murid dan ibu bapa pelbagai kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengoperasian SJKC dan SJKT adalah berlandaskan peraturan dan syarat-syarat sedia ada bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang berhasrat agar anak mereka dapat belajar dalam bahasa ibunda masing-masing. Walaupun SJKC dan SJKT

menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar, aspek perpaduan di sekolah tersebut masih diutamakan melalui:

i. penggunaan Kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan;
ii. mewajibkan Bahasa Kebangsaan diajar di institusi yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan;
iii. memperkenalkan mata pelajaran Sejarah dari peringkat sekolah rendah lagi; dan
iv. memperkukuhkan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM turut menerapkan elemen patriotisme, perpaduan dan kecintaan terhadap agama, bangsa dan negara dalam kurikulum kebangsaan melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta melalui pendekatan merentas kurikulum dalam mata pelajaran lain.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

(a) sejauh mana kurikulum pembelajaran sekolah telah melalui proses penilaian dan semakan kerana dikhuatiri masih menggunakan silibus yang kurang sesuai, khasnya di peringkat sekolah menengah; dan
(b) adakah ada perancangan untuk memendekkan tempoh pembelajaran di sekolah menengah daripada lima tahun kepada tiga tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menambah baik kurikulum bagi memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghasilan sesuatu kurikulum persekolahan memerlukan suatu tempoh masa yang mencukupi dan dilaksanakan dengan mematuhi prinsip dan prosedur yang telah ditetapkan. Prinsip pembangunan kurikulum yang diguna pakai oleh KPM

bercorak kitaran yang mengandungi enam proses iaitu analisis keperluan, perancangan, pembangunan dan pengembangan, uji rintis/pelaksanaan terhad, penyebaran dan pelaksanaan, pengesanan dan penilaian.

Pada masa kini, KPM sedang melaksanakan semakan semula kurikulum selepas kitaran kurikulum lengkap pusingannya. Semakan kurikulum ini dilaksanakan dengan mengambil kira semua input dan pandangan dari pelbagai pihak yang berkepentingan. Dalam masa yang sama, bagi memastikan kurikulum sedia ada kekal relevan dan selari dengan keperluan semasa, KPM melaksanakan pemugaran kurikulum. Melalui pemugaran kurikulum, KPM melatih guru menyusun semula kandungan kurikulum dan mencadangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersesuaian untuk dilaksanakan di bilik darjah. Sebagai bahan sokongan, Modul Bimbingan (MOBIM) disediakan bagi membantu guru merancang PdP dengan lebih berstruktur melalui integrasi beberapa standard pembelajaran yang sesuai. Justeru, kandungan kurikulum lebih mudah dioperasikan dan guru mampu menyelesaikannya dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tiada perancangan untuk merombak tempoh pendidikan peringkat menengah dengan memendekkan dari lima tahun kepada tiga tahun. Ketetapan ini selaras dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], sistem dan dasar pendidikan lepas menengah, pendidikan tinggi serta pelaksanaan sistem pendidikan menengah di peringkat antarabangsa. Selain itu, struktur pendidikan sedia ada telah dirangka dengan mengambil kira kandungan kurikulum mengikut keperluan masa kini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kaedah dan keberhasilan polisi melibatkan inisiatif khas pengasingan kemudahan khas mengikut jantina pada pengangkutan awam.

NO. SOALAN : 26

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTMB telah memperkenalkan koc wanita untuk perkhidmatan KTM Komuter di Lembah Klang sejak tahun 2010. Kaedah yang dilaksanakan adalah dengan pengasingan dua koc tengah setiap tren Komuter dan disediakan ruang menunggu yang dilabel khas untuk wanita di stesen-stesen keretapi terpilih seperti stesen KL Sentral, Subang Jaya, Kajang 2, Salak Selatan, Putra, Batu Caves, Serdang, Shah Alam, Midvalley, Kepong Sentral dan Bank Negara.

2. Pelaksanaan pengasingan kemudahan khas seperti koc wanita ini dilihat memberi impak yang positif kepada para penumpang wanita dari sudut keselamatan dan keselesaan semasa menaiki pengangkutan keretapi terutamanya pada waktu puncak pagi dan petang. Bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan dengan berkesan, Polis Bantuan KTMB juga menjalankan pemantauan dan rondaan dari semasa ke semasa di stesen-stesen utama dan di dalam tren.

3. Selain itu, pengumuman automatik sentiasa dibuat di dalam tren bagi memaklumkan dan mengingatkan penumpang bahawa dua tren KTM Komuter iaitu koc C dan D adalah koc khas untuk wanita.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) komitmen Kementerian terhadap dasar dan inisiatif Generasi Penamat (GEG) dan sejauh manakah kajian telah dilaksanakan untuk memperhalusinya; dan

(b) tindakan penguatkuasaan yang telah diambil susulan pengecualian produk cecair dan gel nikotin daripada jadual Akta Racun 1951 memandangkan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok dijangka hanya akan dibentang dalam sidang Parlimen pada Mei 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia komited untuk meneruskan peruntukan Generasi Penamat Rokok (*Generational Endgame*, GEG) di dalam Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok yang akan dibentangkan pada sidang Parlimen kali ini.

2. Peruntukan Generasi Penamat Rokok ini merupakan satu keperluan mendesak memandangkan situasi peratusan merokok

termasuk rokok elektronik atau vape telah meningkat dengan ketara semenjak ia memasuki pasaran di Malaysia pada tahun 2015. Peningkatan ini sangat ketara terutama dalam kalangan remaja yang rata-rata merupakan pengguna baharu.

3. Melalui kajian *Adolescent Health Survey*, terdapat peningkatan peratusan pengguna rokok elektronik atau vape dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun di mana ia telah meningkat daripada 9.8% pada tahun 2017 kepada 14.9% pada tahun 2022. Kumpulan ini merupakan generasi masa hadapan yang akan menjadi tonggak utama dalam pembangunan negara.

4. Sekiranya situasi ini berterusan, beban komplikasi penyakit terutama dalam kalangan golongan produktif akan meningkat dan kematian pramatang akan bertambah. Kajian telah terbukti bahawa penggunaan tembakau terutamanya rokok konvensional atau rokok tembakau, kekal sebagai punca utama kematian pramatang di seluruh dunia.

5. Dianggarkan sebanyak 6 juta kematian setahun dilaporkan berpunca daripada penggunaan tembakau (*WHO Tobacco Fact Sheet*, 2016). Di Malaysia, hampir 20,000 orang mati setiap tahun (*Tobacco Atlas*, 2015) manakala kos bagi merawat tiga (3) daripada enam (6) penyakit akibat komplikasi penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah sebanyak RM 2.92 billion (*Global Adults Tobacco Survey*, 2011).

6. Manakala penggunaan rokok elektronik atau vape sungguhpun pada awalnya ia dicipta sebagai alternatif yang dikatakan lebih selamat daripada rokok tembakau namun kajian-kajian saintifik terkini telah membuktikan bahawa rokok alaf baharu termasuk rokok elektronik atau vape adalah tetap berbahaya.

7. Kos untuk merawat sejenis penyakit baharu yang dikesan iaitu Electronic Cigarette or Vaping Associated Lung Injury (EVALI) dianggarkan mencecah sebanyak RM 150,000.00 bagi tempoh 12 hari kemasukan ke wad. Terkini sebanyak 18 kes EVALI dan 20 kes

lain berkaitan penggunaan rokok elektronik telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia semenjak 2022. Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan ini, KKM bertekad untuk memastikan peruntukan Generasi Penamat Rokok diteruskan.

8. Pada masa yang sama, Kerajaan telah pun memberikan pengecualian kepada sediaan yang mengandungi nikotin yang digunakan untuk tujuan merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik dalam bentuk cecair atau gel daripada Senarai Racun di dalam Jadual Pertama, Akta Racun 1952 [Akta 366] pada 31 Mac 2023.

9. Pengecualian ini telah dilaksanakan atas dasar tanggungjawab bersama KKM kepada Kerajaan susulan keputusan Kerajaan untuk mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape bermula 1 April 2023.

10. Lanjutan pengecualian ini, sediaan cecair atau gel mengandungi nikotin untuk tujuan merokok menggunakan rokok elektronik atau peranti pengewapan elektronik kini adalah suatu barangan berduti eksais dan dikawal di bawah Akta Eksais 1976 [Akta 176]. Akta Eksais 1976 di bawah Kementerian Kewangan memperuntukkan kawalan antaranya dengan melesenkan aktiviti pengilangan dan penggudangan yang melibatkan sediaan ini. Mana-mana orang yang mengilang barangan berduti eksais tanpa lesen boleh dikenakan tindakan undang-undang.

11. Namun, bagi memastikan terdapat kawalan menyeluruh terhadap sediaan nikotin atau gel mengandungi nikotin di dalam cecair rokok elektronik atau vape, KKM akan membentangkan RUU yang akan mengawal selia semua produk merokok termasuk bahan merokok yang mengandungi nikotin yang digunakan untuk tujuan merokok pada sidang Parlimen kali ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenal dan menggunakan tenaga solar untuk lampu-lampu jalan di luar bandar, khasnya di Sarawak.

SOALAN NO : 28

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sedang menjalankan kajian penggunaan lampu jalan solar bagi program Lampu Jalan Kampung (LJK). Kajian perlu dibuat bagi menilai ketahanan lampu tersebut serta implikasi kos pemasangan dan operasi sebelum pelaksanaan dibuat di bawah program ini.

Buat masa ini, Kementerian hanya melaksanakan program LJK dengan pemasangan lampu jenis *light emitting diode* (LED) dengan menggunakan tiang sedia ada milik Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi Semenanjung Malaysia, Sarawak Energy Berhad (SEB) di Sarawak dan Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) di Sabah. Penggunaan lampu ini mampu mengurangkan kos operasi apabila penggunaan lampu dengan kadar watt yang rendah boleh digunakan dengan kadar pencahayaan yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI (KUALA LANGAT)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pembangunan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) dan adakah ada perancangan untuk menaiktaraf jalan FT 37 menghala ke pekan Banting dan ke KLIA.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) terbahagi kepada dua kaedah iaitu kaedah penswastaan bagi lebuhraya bertol yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan kaedah konvensional bagi lebuhraya tidak bertol yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKRM).

Kaedah konvensional merujuk kepada pelaksanaan menaik taraf Laluan Persekutuan 5 (FR5) di bawah JKRM. Ianya melibatkan 3 jajaran, 2 jajaran telah siap dan 1 jajaran masih dalam fasa pembinaan. Fasa-fasa projek yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

i) Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Sabak Bernam Ke Hutan Melintang yang telah siap pembinaannya pada 25 Jun 2018;

ii) Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Tanjong Karang Ke Sabak Bernam, Selangor telah siap pembinaannya pada 22 Februari 2022; dan

iii) Kerja Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan Ke Kg.Lekir) Perak Darul Ridzuan dijangka akan siap pada 9 September 2023 dengan kemajuan fizikal semasa di tapak ialah 99.68%.

Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) ini merentasi dua (2) buah negeri iaitu Negeri Selangor dan Negeri Perak sejauh 316 km dibina di sepanjang persisiran pantai barat untuk kemudahan penduduk setempat dan juga pengguna lebuh raya ke utara. Panjang jajaran Lebuhraya WCE yang dilaksanakan secara penswastaan oleh *West Coast Expressway Sdn. Bhd.* (WCESB) adalah sepanjang 233 km manakala jajaran sepanjang 83km dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan.

Pembukaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi telah dibuka secara berperingkat mulai tahun 2019 melibatkan Seksyen 5 di Selangor (dari Persimpangan Bandar Bukit Raja ke Persimpangan Kapar) serta Seksyen 8, 9 dan 10 di Negeri Perak (dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan dan dari Persimpangan Kg. Lekir ke Persimpangan Beruas).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya WCE ini dijangka siap secara sepenuhnya pada tahun 2025, khususnya bagi jajaran di Negeri Selangor. Status kemajuan semasa pembinaan Lebuhraya WCE (penswastaan) bagi tempoh masa berakhir 25 April 2023 adalah sebanyak 86.08%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan menaiktaraf jalan menghala ke pekan Banting dan ke KLIA yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah Jalan Banting – Semenyih FT 31. Cadangan projek menaik taraf yang dimaksudkan adalah Menaiktaraf Dan Meluruskan Jalan Banting-Semenyih (FT031), Dalam Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Fasa 1: Dari SMK Vokasional Banting Hingga Persimpangan Paya Indah Wetland, Daerah Kuala Langat. Cadangan projek ini pernah dimohon ketika Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), namun tidak dapat dipertimbangkan berdasarkan kedudukan keutamaan projek dan agihan siling peruntukan pembangunan yang terhad untuk projek baharu.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan meneliti sekiranya projek ini dimohon dalam Rolling Plan, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat untuk kelulusan, tertakluk kepada kedudukan keutamaan projek dan ketersediaan agihan peruntukan pembangunan

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa bilangan guru yang mengalami masalah stress dan kemurungan di Sarawak. Apakah sebab dan puncanya serta apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dan peka dengan kebajikan guru, termasuk kesihatan mental. Berdasarkan data Sistem Pengurusan Perkhidmatan Psikologi Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia (e-2PK), guru yang dikenal pasti mengalami stres di negeri Sarawak adalah seramai tujuh orang. Manakala guru yang dikenal pasti mengalami kemurungan pula adalah seramai 25 orang. Data Stress dan Kemurungan dinilai secara berasingan bagi mengenalpasti kesejahteraan guru secara terperinci. Ini kerana tekanan dan kemurungan adalah dua masalah yang berbeza. Tekanan boleh menjadi satu perkara positif yang membantu seseorang individu untuk menjadi lebih bermotivasi dalam melakukan sesuatu. Namun, tekanan yang terlalu tinggi dan berpunca dari pelbagai sumber serta sekiranya tidak ditangani dengan betul, akan memberikan kesan negatif emosi, fizikal dan juga mental. Berbeza dengan tekanan, kemurungan atau depresi menunjukkan simptom yang lebih serius dan berpanjangan. Kemurungan mengakibatkan individu

cepat marah, terlalu sedih dan berputus asa, keletihan yang teramat dan menggangu kefungsian diri. Kemurungan juga akan menyebabkan perubahan dari segi somatik (badan) dan kognitif (minda).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca kepada stres dan kemurungan yang dialami oleh guru adalah disebabkan kurangnya kesedaran dan keupayaan mengurus emosi, pekerjaan, fizikal, kewangan dan perhubungan. Bagi menangani perkara ini, KPM menyediakan perkhidmatan kaunseling, konsultasi dan advokasi di bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), institut pendidikan guru (IPG) dan kolej matrikulasi oleh Kaunselor Pendidikan. Guru yang memerlukan perkhidmatan ini boleh membuat temu janji menggunakan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Psikologi Kaunseling (e-2PK) manakala ketua jabatan yang ingin merujuk guru untuk mendapatkan bantuan pengurusan emosi, pekerjaan, fizikal, kewangan dan perhubungan juga boleh menggunakan sistem tersebut.

KPM telah melaksanakan intervensi kepada guru yang dikenal pasti memerlukan sokongan psikologi. Khusus di negeri Sarawak seramai 21,694 guru telah diprofilkan menggunakan Inventori Kesejahteran Psikologi (IKPsi). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 98.6 peratus iaitu seramai 21,401 guru telah mencapai kesejahteraan psikologi. Manakala 1.3 peratus guru yang dikesan belum mencapai kesejahteraan psikologi akan menjalani intervensi yang bersesuaian. Intervensi ini dilaksanakan oleh Kaunselor Pendidikan menggunakan Modul Kesejahteraan Diri (MKD).

KPM terus komited untuk memastikan kebajikan guru sentiasa diberi perhatian.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' ROSOL BIN WAHID** **[HULU TERENGGANU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menangani ketidakselarasan insentif kewangan antara pihak yang terlibat dalam membiayai bangunan (kos modal) dengan pengurusan (kos penyelenggaraan) bangunan berikutan perumahan sosial dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan tetapi kos penyelenggaraan ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

SOALAN NO: 31

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kekal komited untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada rakyat antaranya melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi golongan B40. Pada awal pelaksanaan PPR, persetujuan bersama telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri melalui kerjasama strategik yang mana pembinaan PPR adalah di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan setelah siap bangunan ini, ianya diserahkan kepada kerajaan negeri untuk pengurusan pengisian penerima PPR termasuk kutipan sewa atau hasil jualan dan penyelenggaraan bangunan tersebut.

Walau bagaimanapun, daripada 159 PPR yang dibina, sebanyak 15 PPR masih di bawah pengurusan dan penyelenggaraan KPKT yang mana ianya menggunakan peruntukan di bawah Tabung Kumpulan Wang Amanah PPR Dimiliki (PPRM). Pada tahun 2020 hingga 2022, sebanyak RM25.6 juta telah dibelanjakan untuk pengurusan PPR ini selain RM18 juta di bawah peruntukan mengurus tahunan KPKT. Skop-skop kerja untuk pengurusan dan penyelenggaraan PPR tersebut adalah seperti berikut:

i. perkhidmatan pengurusan pentadbiran bangunan dan sewaan;
ii. perkhidmatan pengurusan kebersihan bangunan dan landskap;
iii. pengurusan dan penyenggaraan sistem elektrikal dan mekanikal;
iv. pengurusan dan penyenggaraan sistem pembentungan;
v. pengurusan dan kawalan serangga makhluk perosak; dan
vi. pengurusan dan kawalan keselamatan harta awam.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan khas untuk kerja-kerja penyelenggaraan bangunan berstrata kos rendah awam dan pengurusan PPR. Antara insentif kewangan Kerajaan dalam pembiayaan penyelenggaraan bangunan adalah melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) yang mana Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM19.3 juta pada tahun 2020, RM18.8 juta pada tahun 2021 dan RM12.9 juta pada tahun 2022 (bersamaan RM51 juta) bagi perumahan berstrata PPR di seluruh negara. Skop kerja PPP merangkumi 11 perkara seperti berikut:

i. membaiki atau mengganti lif;
ii. membaiki atau mengganti tangki air dan sistem retikulasi;
iii. membaiki atau mengganti paip sanitari;
iv. membaiki atau mengganti bumbung;
v. membaiki atau mengganti tangga dan susur tangan (*handrail*);
vi. mengecat semula bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun);
vii. pendawaian semula dan kerja elektrik;
viii. membaiki atau mengganti kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
ix. mengganti atau membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan;
x. pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan; dan
xi. membaiki atau membina infrastruktur di dalam kawasan kediaman berstrata kos rendah termasuk *Anti Vandalism Lift System* (AVAS).

Di samping itu, kesedaran dan penglibatan komuniti terus diperkasa bagi melahirkan komuniti yang mempunyai *sense of belonging* terhadap kawasan yang didiami. Antara pelaksanaan Program Pemerkasaan Komuniti di bawah Kluster 1 : Infrastruktur dan Penyelenggaraan Dasar Komuniti Negara (DKomN) adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 31

1. Program Ceria Program Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra: Bulat Air Kerana Pembetung, Bulat Manusia Kerana Muafakat;
2. Program #Kitasatubumbung Bersama Keluarga PPRS Pinggiran Putra;
3. Program Seindah Syurgaku PPRS Pinggiran Putra;
4. Program Pembudayaan Amalan Kebersihan dan Pencegahan Vandalisme Bersama Komuniti PPR Seri Sena;
5. Program Keceriaan Melukis Mural di Pusat KOSIS PPR Kota Bharu;
6. Program Ceramah Pencegahan Jenayah Vandalisme Bersama-Sama Remaja di PPR Kempas Permai;
7. Program Menyelenggara dan Gotong-Royong di PPR Lembah Subang 2;
8. Program Jom Turun@PPR Desa Mutiara; dan
9. Program Taklimat Kesedaran Penggunaan Lif kepada Penduduk PPR Kota Bharu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkasakan pembangunan E-Sukan Negara agar sukan tersebut dapat membawa pulangan yang setimpal dengan peruntukan yang diberikan daripada Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2019, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menerima peruntukan sebanyak RM27.45 juta melalui tiga agensi utama iaitu Majlis Sukan Negara (MSN), Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dan Impact Integrated. Dari sudut infrastruktur, Kementerian telah membangunkan 16 studio sukan elektronik di seluruh Malaysia, sebuah hub sukan elektronik di Puchong dan melaksanakan lebih 120 program untuk pembangunan sukan elektronik di seluruh negara.

Sehingga kini, atlet e-sukan negara telah mencatatkan prestasi membanggakan di pentas antarabangsa. Antara yang paling penting pada tahun lalu ialah keupayaan atlet kita mendapatkan dua pingat emas bagi acara DOTA2 dan satu pingat emas untuk acara eFootball semasa Kejohanan E-Sukan Komanwel 2022. Selain itu, semasa Sukan SEA di Kemboja baru-baru ini, atlet e-sukan turut menyumbang satu pingat perak dan dua pingat gangsa, masing-masing menerusi acara Mobile Legends Bang Bang dan PUBG Mobile.

Dalam usaha mengetengahkan bakat baharu e-sukan, KBS akan meneruskan penganjuran tahun ketiga Malaysia Esports League (MEL) dan Malaysia Esports Championship (MEC) pada tahun ini. Kejohanan ini telah diterima sebagai salah satu platform persediaan kompetitif individu atau pasukan sebelum menyertai kejohanan lebih besar di peringkat antarabangsa. Kedua-dua kejohanan ini telah menarik minat penyertaan 67,000 peserta dan mencapai 7.67 juta jumlah tontonan.

Di samping itu, bagi memastikan pembangunan e-sukan negara berada di landasan kukuh, Kementerian kini sedang melaksanakan semakan dan penilaian separuh penggal Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik 2020-2025 berpandukan kepada pencapaian sehingga tahun 2022. Hasil semakan dan penilaian ini kelak akan digunakan untuk merangka strategi lebih berkesan bagi memastikan pembangunan e-sukan negara adalah setimpal dengan peruntukan yang telah disalurkan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) langkah bagi mengekang penjualan produk vape yang menyasarkan kepada pelajar sekolah; dan

(b) perincikan justifikasi Kementerian membenarkan penggunaan nikotin dalam cecair vape.

NO. SOALAN: 33

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius isu peningkatan peratus pengguna rokok elektronik atau vape dalam kalangan remaja. Ini berikutan terdapat kepelbagaian produk rokok elektronik atau vape di pasaran yang menarik dan menyerupai mainan kanak-kanak.

2. Bagi mengekang penjualan rokok elektronik atau vape yang menyasarkan pelajar sekolah, pihak KKM akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok yang turut merangkumi larangan penjualan dan penggunaan produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape melibatkan individu yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya pada sidang Parlimen kali ini.

3. Sementara menunggu RUU ini diluluskan, KKM telah mengambil tindakan segera bagi menangani isu berkaitan kawalan produk merokok terutama penjualan kepada kanak-kanak dan remaja dengan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mempertingkatkan penguatkuasaan kawalan import, kawalan peranti, pelesenan premis, dan pelesenan pengilangan.

4. Selain itu, KKM juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menjalankan intervensi bersasar kepada pelajar sekolah yang telah terjebak dengan tabiat merokok melalui program intervensi oleh pasukan pergigian sekolah, program intervensi oleh pasukan kaunselor sekolah, dan pengukuhan pekeliling larangan menggunakan barang terlarang seperti rokok elektronik atau vape.

5. Bagi program pencegahan tabiat merokok termasuk rokok elektronik atau vape dalam kalangan pelajar, selain KPM, KKM juga bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan untuk

menjalankan aktiviti advokasi dan promosi mengenai bahaya rokok elektronik atau vape melalui Pelan *Generational Endgame* Anti Rokok 18 (GEGAR-18) bagi memastikan para pelajar sekolah faham dan tidak mencuba atau memulakan amalan merokok terutama rokok elektronik atau vape.

6. Pada masa yang sama, KKM mengambil maklum isu berkaitan kawalan terhadap rokok elektronik atau vape yang mengandungi nikotin susulan pengecualian kepada sediaan yang mengandungi nikotin yang digunakan untuk tujuan merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik dalam bentuk cecair atau gel daripada Senarai Racun di dalam Jadual Pertama, Akta Racun 1952 [Akta 366] pada 31 Mac 2023.

7. Pengecualian ini telah dilaksanakan atas dasar tanggungjawab bersama KKM kepada Kerajaan susulan keputusan Kerajaan untuk mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape bermula 1 April 2023.

8. Justeru, bagi memastikan terdapat kawalan menyeluruh terhadap semua jenis produk merokok, KKM komited untuk membentangkan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok bagi mengatasi isu kawalan terhadap terhadap rokok elektronik atau vape.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI (LUBOK ANTU)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI (LUBOK ANTU) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kemudahan dan bantuan kebajikan terkini yang disediakan untuk warga emas di bawah Kerajaan MADANI serta apakah usaha memastikan bantuan tersebut turut dapat dinikmati oleh warga emas di kawasan luar bandar dan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin dalam memastikan kesejahteraan warga emas di negara ini termasuklah menyediakan kemudahan dan bantuan kebajikan yang bersesuaian kepada warga emas tanpa mengira lokaliti mereka sama ada di kawasan bandar, luar bandar mahupun pedalaman.

2. Dalam menyediakan kemudahan dan bantuan kebajikan kepada warga emas, KPWKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuklah:

(i) Menubuhkan Institusi Perlindungan Warga Emas seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan;

(ii) menyalurkan peruntukan kepada Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan yang menjalankan aktiviti penjagaan warga emas;

(iii) melaksanakan pemberian bantuan kewangan bulanan kepada warga emas yang layak dan memerlukan bantuan berjumlah RM500 sebulan. Setakat Februari 2023, seramai 140,778 warga emas sedang mendapat manfaat daripada bantuan ini;

(iv) melaksanakan Khidmat Bantu DiRumah (KBDR) iaitu kemudahan penjagaan kepada warga emas yang sebatang kara dan memerlukan di dalam komuniti;

(v) menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif.

3. Tanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan warga emas terpelihara bukanlah hanya terletak di bahu Kerajaan semata-mata, tetapi ia adalah tugas bersama, khususnya ahli keluarga mereka. Justeru, KPWKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama semua pihak dan sentiasa membantu dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan menyemak dan menaikkan gred bagi guru-guru yang berjaya menyambung pengajian peringkat sarjana atau doktor falsafah (PhD).

SOALAN NO : 35

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menghargai guru yang memiliki Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran atas usaha melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

KPM telah menawarkan pelbagai insentif bagi menggalakkan guru menyambung pengajian mereka sama ada di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Salah satu daripadanya ialah dengan menawarkan Hadiah Latihan Persekutuan kepada guru yang layak berdasarkan prestasi dan potensi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru yang sedang berkhidmat dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran akan diberikan kelebihan merit dalam kriteria tahap akademik untuk dipertimbangkan urusan kemajuan kerjaya seperti Program Penilaian Kepimpinan Pendidikan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan KPM (*Profiling*).

KPM sentiasa menggalakkan guru untuk meningkatkan kemahiran secara berterusan termasuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Usaha untuk melanjutkan pengajian bukan sahaja untuk kelebihan merit guru tetapi sebagai usaha untuk memastikan nilai ilmu sentiasa diberikan perhatian.

KPM turut meneliti cadangan penambahbaikan insentif kepada guru yang mempunyai kelayakan akademik Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Walaubagaimanapun, pertimbangan ini tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah aduan berkenaan kesan sampingan vaksinasi COVID-19 yang diterima oleh Kementerian. Berapa jumlah wang pampasan telah dibayar oleh Kementerian kepada pengadu selama ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dimulakan pada bulan Februari 2021 sehingga 30 April 2023, sejumlah **72.6 juta dos vaksin** COVID-19 telah diberikan. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah menerima sejumlah 26,716 laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) vaksin COVID-19 melalui Sistem Pelaporan NPRA. Kadar pelaporan AEFI yang diterima adalah bersamaan dengan 368 laporan bagi setiap sejuta dos diberikan.

2. Majoriti laporan AEFI (93%) yang dilaporkan adalah tidak serius dan kebiasaannya akan sembuh dalam tempoh beberapa hari tanpa atau dengan rawatan. Daripada 26,716 laporan AEFI yang diterima, hanya 1,869 laporan (7 laporan bagi setiap sejuta dos) diklasifikasikan sebagai serius*.

3. Berkenaan Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19, bantuan tersebut hanya layak diterima oleh pemohon yang merupakan penerima vaksin COVID-19 yang mempunyai Kesan Advers Susulan Imunisasi/ *Adverse Events Following Immunisation* (AEFI) yang serius atau hilang upaya kekal serta waris penerima vaksin yang meninggal dunia. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 oleh Kerajaan adalah dibuat atas dasar prihatin Kerajaan dan tanpa pengakuan kepada apa-apa liabiliti oleh Kerajaan (bukan pampasan).

4. Sehingga 15 Mei 2023, sebanyak 318 permohonan Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 telah diterima oleh Kementerian Kesihatan.

5. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 150 permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM2.556 juta.

6. Sebanyak 30 permohonan masih dalam penilaian manakala 138 permohonan telah ditolak.

7. Daripada 30 permohonan tersebut, 12 permohonan dalam penilaian Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19 (JFK) manakala enam (6) permohonan dalam penilaian Jawatankuasa Teknikal Perubatan (JTP). Baki sebanyak 12 permohonan dalam penilaian Jawatankuasa Induk Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19.

8. Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 ini akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria lain yang perlu dipenuhi seperti berikut:

(i) AEFI hendaklah dikategorikan sebagai serius berdasarkan laporan penilaian oleh Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19;

(ii) laporan AEFI yang disahkan termasuk dalam kategori AEFI

serius hendaklah dihantar kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) oleh anggota kesihatan yang merawat pesakit;

(iii) AEFI serius telah berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan selepas menerima vaksin;

(iv) bagi kes kematian, laporan bedah siasat atau rekod perubatan (yang mana berkaitan) yang menyatakan sebab kematian adalah berkaitan dengan suntikan vaksin COVID-19 hendaklah disertakan; dan

(v) permohonan untuk menerima bantuan ini hanya layak dipertimbang sekiranya dihantar dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berlaku AEFI. Bukti dan rekod dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan.

9. Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 boleh dipertimbang untuk diberikan pembayaran sekiranya hasil siasatan dan penilaian mendapati:

(i) kemudaratan disahkan berpunca dari vaksin COVID-19 yang diterima; atau

(ii) terdapat kemungkinan kemudaratan tersebut berpunca dari vaksin COVID-19 yang diterima atau kemungkinan kemudaratan tersebut berpunca dari vaksin COVID-19 tidak dapat ditolak (*indeterminate/ possible association*).

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status laluan keretapi di Rantau Panjang bagi membantu meningkatkan ekonomi negara melalui laluan rel di dalam inisiatif *Rantau Panjang Revival*.

NO. SOALAN : 37

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi tren KTMB di antara Stesen Pasir Mas dan Stesen Rantau Panjang bagi perkhidmatan penumpang telah lama dihentikan sejak tahun 1982 manakala perkhidmatan kargo dihentikan pada tahun 2003 atas faktor keselamatan seperti yang diarahkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Pada masa ini, keadaan infrastruktur landasan di laluan ini telah rosak teruk akibat banjir besar yang berlaku pada tahun 2007. Justeru, perkhidmatan tren di laluan ini adalah tidak sesuai dari segi keselamatan.

2. Kementerian juga sedang melihat kepada potensi meningkatkan penggunaan rel sedia ada di Rantau Panjang – Sg. Golok bagi membawa barangan dan penumpang khususnya dari Selatan Thailand. Pembangunan semula laluan ini turut dibincangkan di platform Mesyuarat *Malaysia-Thailand Railway Joint Working Committee* yang diadakan sebanyak 2 kali setahun.

3. Selain itu, pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (*Immigration, Customs, Quarantine and Security* – ICQS) di Rantau Panjang melalui peruntukan *Rolling Plan* 1 (RP1) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12). Projek pembinaan ICQS Rantau Panjang ini dijangka akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi bagi Malaysia dan Thailand.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN (HULU LANGAT)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha dan tindakan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Saujana Impian, Kajang menuju ke Pekan Semenyih termasuk masalah kesesakan keluar masuk di Taman Desa Jenaris, Kajang terutama jalan keluar ke Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan Kementerian ini dengan Jabatan Kerja Raya Selangor memaklumkan jalan yang dibangkitkan adalah merupakan Jalan Persiaran Saujana Impian/ Pintasan Kajang - Semenyih. Jalan ini dalam proses pewartaan kepada Jalan Negeri. (*Landmark* : Lotus Kajang hingga Giatmara Hulu Langat). Segala kelulusan pembangunan di jalan berkenaan masih lagi di bawah Majlis Perbandaran Kajang.

Jalan ini juga menghubungkan *Cheras-Kajang Expressway*, *Kajang Dispersal Link Expressway (SILK)* dan *Kajang-Seremban Highway* (LEKAS) untuk ke Semenyih.

Pewartaan jalan ini perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan dan cadangan mengatasi masalah kesesakan persimpangan Taman Jenaris dan juga Simpang Saujana Impian dapat diteruskan bagi mengenalpasti bidang kuasa dan sumber peruntukan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mendermakan sebahagian daripada 8,000,000 dos vaksin COVID-19 yang akan luput pada September kepada negara lain yang memerlukan vaksin memandangkan setakat 28 Februari 2023, sebanyak 2,796,638 dos pelbagai jenama vaksin bernilai kira-kira RM81.4 juta telah luput.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini Kerajaan telah menyumbangkan sebanyak 1,892,000 dos vaksin pelbagai jenama kepada negara seperti Bangladesh, Myanmar, Laos dan Bosnia Herzegovina.

2. Sebagai langkah berterusan untuk menggalakkan lebih ramai penduduk Malaysia mengambil dos penggalak, KKM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

i. Pelanggan boleh membuat tempahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera dan bebas memilih tarikh, masa, PPV dan jenis vaksin yang dikehendaki;

ii. Menawarkan perkhidmatan vaksinasi dos penggalak secara terus tanpa janji temu (*walk-in)* kepada golongan berisiko tinggi

di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seluruh negara;

iii. Melaksanakan pemberian dos penggalak secara oportunistik. Klinik kesihatan, hospital dan klinik swasta yang beroperasi sebagai PPV akan mewarkan dos penggalak kepada pesakit dan pelanggan yang hadir ke fasiliti kesihatan semasa mendapatkan rawatan bagi lain-lain penyakit;

iv. Melaksanakan polisi vial terbuka (*open vial)* di semua PPV. Oleh itu PPV boleh memberikan vaksin tanpa mengumpulkan pelanggan bagi memenuhi kuota satu (1) vial vaksin. Contohnya tidak perlu menunggu enam pelanggan untuk membuka satu vial vaksin jenis *Comirnaty;*

v. Meningkatkan hebahan melalui media sosial, media arus perdana dan hebahan kawasan setempat. Pelbagai program seperti slot media / radio, ceramah dan webinar telah dilaksanakan. Mesej berkenaan dos penggalak juga telah dihasilkan dalam bentuk infografik, FAQ dan video dalam pelbagai bahasa. Bahan-bahan ini telah dimuat naik di laman web KKM dan media sosial KKM; dan

vi. Pelaporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) secara berkala dalam laman web Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi memberi maklumat sebenar kejadian AEFI.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bahawa pemegang kad kebajikan yang menggunakan mesin cuci darah (dialisis) di hospital Kerajaan pada tahun ini telah dikenakan caj pembayaran. Adakah cadangan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan perkhidmatan percuma kepada pemegang kad kebajikan tersebut kerana sebahagian besar pemegang kad kebajikan ini di dalam kategori B40.

NO. SOALAN: 40

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemegang kad kebajikan adalah layak mendapat pengecualian bayaran bagi wad kelas ketiga dan pesakit luar. Bagi perkhidmatan dialisis, pemegang kad kebajikan adalah tertakluk kepada caj rawatan sebanyak RM10.00 dan RM3.00 untuk caj wad *daycare* bagi perkhidmatan di pusat rawatan harian KKM. Kadar caj ini adalah masih rendah jika dibandingkan dengan pusat dialisis swasta dengan purata caj melebihi RM100.00 bagi setiap rawatan.

2. Bagi meringankan bebanan kewangan pesakit yang kurang berkemampuan, KKM telah menyediakan bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis bagi pesakit buah pinggang melalui pusat-pusat hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang diiktiraf oleh KKM. Setakat ini, KKM telah mengiktiraf sebanyak 135 Pusat Hemodialisis NGO di seluruh negara. Jumlah pesakit semasa yang telah menerima subsidi adalah seramai 2,957 orang.

3. Melalui bantuan tersebut, pemegang kad kebajikan yang diluluskan bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis hanya perlu membayar caj tidak melebihi RM10.00 bagi setiap rawatan yang diterima.

4. Bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis yang diberikan oleh Kerajaan adalah sebanyak RM100.00 bagi setiap rawatan hemodialisis dengan tidak melebihi 14 kali sebulan. Suntikan Erythropoetin (EPO) berjumlah RM18.50 untuk setiap suntikan juga diberikan kepada pesakit tidak melebihi 13 suntikan sebulan dengan kos maksimum sebanyak RM240.50. Kos rawatan keseluruhan hemodialisis dan suntikan EPO bagi seorang pesakit yang tidak mendapat bantuan subsidi Kerajaan adalah dalam lingkungan RM1,640.50 sebulan.

5. Kementerian Kesihatan perlu memperuntukkan sebanyak RM105 juta bagi tahun 2022 bagi membiayai subsidi kos rawatan hemodialisis di hospital awam dan pusat-pusat dialisis NGO.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO . : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH (LEDANG)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH (LEDANG) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengukuhkan sektor ekonomi digital melibatkan golongan belia dan kesukaran yang wujud bagi langkah digitalisasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memandang serius usaha-usaha mengukuhkan sektor ekonomi digital melibatkan golongan belia dan sentiasa memberikan kerjasama erat kepada Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) yang menjadi peneraju kepada agenda digitalisasi negara.

Melalui Model Pembangunan Belia Madani 2030 yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Sambutan Hari Belia Negara pada 28 Mei lalu, KBS memberikan penekanan terhadap aspek penguasaan ekonomi digital dan perkara ini diterjemahkan melalui pelaksanaan nafas baharu Rakan Muda.

Melalui inisiatif nafas baharu Rakan Muda, KBS memperkenalkan gaya hidup terkini melibatkan aspek ekonomi digital iaitu Rakan Digital dan Rakan Niaga. Kedua-dua gaya hidup ini bertujuan memberi peluang untuk anak muda meningkatkan potensi diri dan dalam masa sama membina kerjaya bersesuaian dengan minat dan kreativiti mereka. Antara tumpuan yang diberikan termasuk pelaksanaan kursus-kursus kemahiran media sosial dan rekaan grafik serta pelaksanaan program Pasar Belia. Semua inisiatif ini akan dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah serta dijangka mampu memanfaatkan lebih 30 ribu golongan belia.

Program di bawah Rakan Digital dan Rakan Niaga ini akan dilaksanakan melalui kerjasama rentas kementerian dan agensi. KBS telah mengadakan perbincangan pada 15 Mei 2023 lalu bersama Kementerian terlibat iaitu Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebagai rakan peneraju dalam membantu pelaksanaan program bagi kedua-dua gaya hidup berkenaan.

KBS terbuka dalam pelaksanaan program sebegini sama ada mewujudkan program baharu dengan kerjasama dengan kementerian berkenaan ataupun melaksanakan program sedia ada yang ditambah baik dengan bantuan agensi terlibat yang merupakan pemain utama dalam menggerakkan inisiatif ini. KBS akan bertindak selaku pemudahcara dalam mempromosikan program dan membuka peluang kepada lebih ramai belia untuk menyertai program berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU (BARAM)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO ANYI NGAU (BARAM) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status permohonan/pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar di Long Lama, Long Laput, Kawasan Peking Tinjar, Kawasan Pengelayan Baram serta status perlaksanaan Bekalan Eletrik Luar Bandar di kawasan Long Teran, Long Jegan dan kawasan Peking Baram.

SOALAN NO : 42

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di kawasan Long Teran, Long Jegan dan kawasan Peking Baram dilaksanakan melalui projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Program Projek Rakyat iaitu Projek *Last Miles* yang melibatkan penyambungan daripada talian grid sedia ada.

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak (KUTS), kos pelaksanaan projek ini adalah sebanyak RM29.5 juta dan sedang dalam pelaksanaan serta dijangka siap pada Jun 2023.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Laput kini dalam proses tender dan dijangka dapat dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2023. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 168 buah rumah di kawasan Long Laput.

Bagi Projek BALB Kawasan Long Lama pula, projek kini di peringkat penyediaan dokumen tender dan dijangka dapat dilaksanakan pada suku keempat tahun 2023. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 435 buah rumah daripada 6 buah kampung yang terlibat.

Bagi kawasan Pengelayan, Baram pula adalah termasuk di bawah pelaksanaan Projek BALB Kawasan Baram Hilir, Bahagian Miri, Sarawak dan dalam peringkat pelantikan perunding. Projek ini dijangka memberi manfaat kepada 373 rumah yang melibatkan 7 buah kampung.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam Bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan bagi mengawal lonjakan harga tiket tambang penerbangan terutama menjelang musim perayaan bagi laluan domestik, dan apakah jaminan Kerajaan supaya perkara seperti ini tidak berlaku kelak dan sekali gus meringankan bebanan rakyat.

NO. SOALAN: 43

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kudat bersekali dengan Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Arau yang bertarikh 12 Jun 2023 kerana pertanyaan adalah mengenai isu yang sama.

2. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tiket umumnya akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Hal ini adalah kerana syarikat-syarikat penerbangan menggunakan mekanisme *dynamic pricing* dan menjual tiket berdasarkan *Reservation Booking Designator (RBD)* di mana tiket dijual mengikut bakul harga ("*price buckets*") yang ditetapkan. Melalui mekanisme *dynamic pricing*, tiket dalam bakul harga yang murah akan dijual terlebih dahulu dan harga tiket akan semakin meningkat apabila tiket dalam sesuatu bakul harga itu habis dijual.

4. Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan MAVCOM dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.

5. Selain itu, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehala bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak sempena perayaan Pesta Kaamatan yang akan disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023. Ini melibatkan inisiatif Kerajaan membeli

semua baki tiket penerbangan sehala dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut. Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Batik Air juga akan menyediakan perkhidmatan penerbangan sewa khas (*charter*) bagi laluan Johor Bahru-Sibu memandangkan tiket penerbangan untuk laluan tersebut telah habis dijual.

6. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak akan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman untuk tempoh perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

7. Seterusnya, Yang Berhormat Kinabatangan turut bertanyakan mengenai kekurangan bilangan penerbangan domestik di negeri Sabah terutamanya melibatkan Kota Kinabalu ke Sandakan. Buat masa ini, Malaysia Airlines Berhad, Firefly, dan AirAsia Berhad menyediakan perkhidmatan penerbangan berjadual bagi laluan Kota Kinabalu–Sandakan dengan jumlah kekerapan sebanyak 64 penerbangan seminggu. Jumlah kekerapan ini adalah kurang berbanding sebelum penularan pandemik COVID-19 iaitu sebanyak 78 penerbangan seminggu.

8. Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Syarikat penerbangan akan mengambil kira daya maju komersial (*commercial viability*) untuk meningkatkan kekerapan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar kematian yang berlaku dalam tempoh menunggu respon kes termasuk yang berlaku ketika dalam perjalanan ke pusat rawatan.

NO. SOALAN: 44

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, pangkalan data bagi memantau prevalens dan kadar kematian yang berlaku dalam tempoh menunggu respon kes termasuk yang berlaku ketika dalam perjalanan ke pusat rawatan / hospital di negara ini masih belum dibangunkan. Namun begitu, terdapat beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan bagi membolehkan KKM bertindak dengan lebih efisien dan objektif dalam menangani kes-kes sebegini di masa akan datang.

2. Inisiatif pertama adalah penglibatan KKM dalam *Pan Asian Resuscitation Outcomes Study (PAROS) Clinical Research Network*. Kolaborasi ini bertujuan mempertingkatkan sistem perkhidmatan Perubatan Kecemasan dan kelangsungan hidup kes-kes *Out-of-Hospital Cardiac Arrest* (OHCA) di rantau Asia Pasifik. Ia dilaksanakan dengan mengumpul maklumat *baseline* berkenaan *prevalence*, perawatan dan *outcome* kes-kes OHCA, menerangkan variasi yang terdapat di dalam kesemua sistem perkhidmatan Perubatan Kecemasan yang terbabit dan seterusnya mencadangkan beberapa intervensi yang boleh dilaksanakan bagi menangani kes-kes OHCA di rantau ini.

3. Data-data bagi kes kematian dalam tempoh menunggu respon kes termasuk yang berlaku ketika dalam perjalanan ke pusat rawatan / hospital adalah berdasarkan kepada kes yang dilaporkan kepada fasiliti kesihatan KKM yang berkaitan.

4. Hasil daripada analisa data-data PAROS ini, jumlah kematian semasa menunggu ambulans dan respons kes adalah dilaporkan sebanyak 11 hingga 82 kes dari tahun 2010 hingga 2019. Manakala jumlah kematian ketika dalam perjalanan ke pusat rawatan / hospital dilaporkan sebanyak 3 hingga 31 kes dari tahun 2010 hingga 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR (LIBARAN)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan cadangan menaik taraf 30 batang jalan untuk diturap seperti yang dimohon oleh JKR Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, semakan Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya Sabah mendapati cadangan menaik taraf 30 bilangan jalan raya untuk diturap adalah berstatus Jalan Negeri. Oleh yang demikian, bidang kuasa bagi pelaksanaan projek tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat **6 permohonan kerja penyenggaraan jalan persekutuan** yang dimohon oleh JKR Sandakan melibatkan **Jalan Kota Kinabalu – Sandakan di Laluan 22** sepanjang 12 km berjumlah **RM9 juta** pada tahun ini. Skop kerja yang terlibat adalah secara ***Mill & Pave*** dan telah dimasukkan ke dalam senarai Permohonan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) Tahun 2023. Kementerian ini telah meluluskan **2 permohonan kerja penyenggaraan jalan** secara ***Mill & Pave*** di bawah peruntukan **G1-G4 sebanyak RM3 juta** dan juga telah meluluskan **1 permohonan kerja** secara ***Localised Heavy Patching*** sepanjang **46 km** yang melibatkan jalan tersebut, juga di bawah peruntukan **G1 - G4** sebanyak **RM1.5 juta.**

Kementerian ini sentiasa berusaha memastikan keselamatan dan keselesaan jalan raya berada pada tahap yang baik serta memastikan peruntukan diagih dengan seimbang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan senarai kerja adalah bergantung kepada senarai keutaman yang dikemukakan oleh JKR Sabah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM (SUNGAI SIPUT)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan Sungai Siput merupakan satu daerah kecil di mana kadar kemiskinan masih berada di paras yang tinggi iaitu 14%. Purata pendapatan seisi rumah ialah hanya (RM 3,800 – RM 3970). Apakah program-program yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk memulihkan pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan penduduk B40 Sungai Siput.

SOALAN NO : 46

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi utama KKDW adalah untuk membangunkan kawasan luar bandar dari segi infrastruktur, ekonomi dan sosial, di mana sebahagian besar peruntukan pembangunan KKDW adalah tertumpu kepada pembangunan infrastruktur seperti jalan perhubungan, bekalan elektrik dan bekalan air di kawasan luar bandar. Di samping itu, KKDW merupakan salah satu daripada agensi Kerajaan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan termasuk di kawasan luar bandar.

Bagi pembasmian kemiskinan, KKDW masih meneruskan pelaksanaan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang mensasarkan golongan belia berumur 15 sehingga 40 tahun dari kumpulan miskin tegar, miskin dan B40 di luar bandar untuk meningkatkan keboleh pasaran dan mendapat pekerjaan. Bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk latihan/kursus kemahiran dengan kadar maksimum RM15,000 bagi setiap peserta di samping penyediaan peluang pekerjaan. Untuk tahun 2023, sebanyak RM1.9 juta telah dicadangkan oleh pelbagai agensi untuk pelaksanaan PLKK di negeri Perak.

Selain itu, KKDW turut melaksanakan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi membantu golongan miskin dan B40 untuk menjalankan projek ekonomi secara kecil-kecilan seperti perusahaan produk makanan, perniagaan, aktiviti perkhidmatan, aktiviti pertanian serta penternakan. Bantuan yang diberikan adalah peralatan, mesin, penyediaan premis niaga, bengkel, bahan-bahan mentah serta latihan bimbingan kepada setiap peserta dengan nilai maksimum bantuan berjumlah RM10,000 untuk setiap peserta. Untuk tahun 2023, sebanyak RM12 juta diperuntukkan untuk PPP dan KKDW mengalu-alukan permohonan daripada penduduk Parlimen Sungai Siput yang berkelayakan.

Seterusnya, Kursus Kemahiran *Quick Win* di bawah KEMAS turut dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran sedia ada yang bertujuan

meningkatkan pendapatan peserta termasuk bagi yang ingin memulakan perniagaan. Bagi tahun 2023, sebanyak RM48,000 telah diperuntukkan bagi program *Quick Win* Jahitan di Parlimen Sungai Siput dan memberi manfaat kepada 10 peserta.

Selain itu, aktiviti ekonomi berkelompok seperti Program Desa Lestari turut dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan komuniti desa melalui platform koperasi. Bagi Parlimen Sungai Siput, sebanyak 3 buah kampung terlibat dengan Program Desa Lestari iaitu Kampung Perlop 3, Kampung Orang Asli (KOA) Pos Yum dan KOA Pos Kuala Mu dengan keanggotaan koperasi seramai 309 orang dan memberi manfaat kepada 1,236 peserta. Program Desa Lestari di Sungai Siput ini telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 91 orang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap serta pendirian Kementerian tentang penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah- sekolah serta institusi-institusi pendidikan di negara pada masa ini.

SOALAN NO: 47

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di sekolah serta institusi pendidikan di negara ini. Ini disokong oleh Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) serta Anjakan Kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 – 2025 iaitu menghasilkan murid yang berkemahiran dwibahasa.

Untuk memenuhi hasrat ini, KPM telah menyediakan *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*. Pelan ini memperincikan perubahan yang diperlukan dalam pendidikan bahasa Inggeris secara sistemik dan sistematik bermula daripada prasekolah sehingga universiti serta institusi pendidikan guru bagi memastikan tahap pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia mencapai penarafan antarabangsa sejajar dengan standard piawaian antarabangsa, *Common European Framework of References for Languages* (CEFR). Penjajaran sistem pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia dengan CEFR melibatkan penambahbaikan kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran dan latihan guru daripada peringkat prasekolah sehingga ke pendidikan tinggi.

KPM juga komited dalam memastikan guru-guru bahasa Inggeris mempunyai tahap penguasaan yang diperlukan bagi menghasilkan murid yang mahir berbahasa Inggeris. Justeru, *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025* telah menetapkan bahawa semua guru opsyen bahasa Inggeris perlu meningkatkan penguasaan BI ke tahap CEFR C1. Keperluan ini juga telah termaktub dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Berdasarkan Piawaian *Common European Framework of Reference for Languages* Dalam Kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Opsyen Bahasa Inggeris Yang Berkhidmat di Institusi Pendidikan/ Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah

bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi guru Bahasa Inggeris dalam perkhidmatan, pelbagai program dan kursus telah dilaksanakan supaya dapat mengekalkan kemahiran, profisiensi dan pedagogi mereka. Program dan kursus ini adalah sejajar dengan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Inggeris, *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*. Program dan kursus yang dilaksanakan termasuklah:

i. Program *Professional Upskilling of English Language Teachers* (Pro-ELT) yang bermula pada tahun 2013. Program khas ini bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru BI. Program Pro-ELT merangkumi latihan bersemuka, latihan dalam talian dan latihan berbentuk komuniti pembelajaran guru (PLC). Guru BI diberi bimbingan dan sokongan oleh jurulatih utama, guru cemerlang dan pensyarah yang berada pada satu tahap penguasaan yang lebih tinggi iaitu pada tahap CEFR C2.

ii. Program Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan Guru Prasekolah (PPBIGP) khas untuk guru prasekolah di bawah KPM. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan BI dalam kalangan guru prasekolah dalam perkhidmatan dengan menyasarkan 1000 orang guru bagi tahun 2022.

iii. Menyediakan pelantar IMPROVE (*Integrated Microlearning Programme with Robust Virtual Experience*) mulai tahun 2020 yang menawarkan pelbagai kursus mikro akses kendiri secara dalam talian. Kursus-kursus yang ditawarkan dapat membangunkan pengetahuan pedagogi, teknologi serta kandungan bagi mata pelajaran bahasa Inggeris.

iv. Kursus Sokongan Dalam Talian (KSDT) berkaitan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) ditawarkan sebagai kursus terbuka bermula bulan Februari 2021 yang memberi fleksibiliti masa kepada guru bagi mengikuti kursus tersebut. Kursus ini bertujuan meningkatkan kompetensi guru Bahasa Inggeris dengan kefahaman dan pengetahuan berkaitan CEFR yang merupakan piawaian standard bahasa antarabangsa. Justeru, guru dapat merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris

murid berdasarkan CEFR.

v. Kursus *Assessment Literacy for Preschool and English language teachers* secara dalam talian ditawarkan untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran guru dalam aspek pentaksiran supaya mereka dapat melaksanakan pentaksiran secara sistematik dan berkesan dalam bilik darjah.

vi. Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada sekolah *hotspot,* iaitu sekolah yang mencapai peratus lulus Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM di bawah 77 peratus. Program ini telah dijalankan melalui kaedah *hands-on* bagi membolehkan guru bahasa Inggeris melaksanakan intervensi dengan dibantu oleh pegawai SISC+.

vii. Program *Remedial Instruction* bagi membantu guru Bahasa Inggeris Tahun 4 mengaplikasikan teknik dan strategi pengajaran pemulihan semasa PdP bagi meningkatkan kemahiran asas Bahasa Inggeris murid.

KPM sentiasa komited dalam menambah baik sistem pendidikan agar murid dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lebih berkesan di samping memastikan penguasaan bahasa Melayu terus dimartabatkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Zahari bin Kechik [JELI] minta minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kadar kejadian kebakaran, kematian dan kemusnahan nilai harta benda akibat kebakaran sepanjang 2022.

SOALAN NO : 48

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kebombaan agar sentiasa relevan dengan kehendak semasa serta mampu mendepani sebarang risiko yang kian mencabar dari semasa ke semasa.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, statistik yang direkodkan oleh JBPM telah menunjukkan bahawa pada tahun 2022 sebanyak **126,799 panggilan kecemasan** telah diterima dan dari jumlah tersebut sebanyak **28,489** panggilan **melibatkan kebakaran** telah dihadiri**.** Statistik juga menunjukkan berlaku **penurunan** sebanyak **20.65% kes kebakaran** bagi tahun 2022 jika dibandingkan dengan tahun 2021 dengan jumlah **35,902 kes**. Jumlah kematian akibat kebakaran pula, mencatatkan peningkatan sebanyak **53%** iaitu seramai **121 orang mangsa** berbanding tahun 2021 dengan hanya **79 orang mangsa** sahaja. Bagi kes-kes yang melibatkan penyelamatan seperti kemalangan jalan raya, mencari dan menyelamat mangsa lemas, bencana alam dan lain-lain, jumlah kematian yang direkodkan adalah sebanyak **1,741 mangsa** pada tahun 2022.

Laporan Taksiran Anggaran Kerugian dan Diselamatkan JBPM bagi Tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERBANDINGAN TAKSIRAN	
	KERUGIAN (RM)	DISELAMATKAN (RM)
2021	1,762,059,458.05	8,866,543,205.56
2022	2,251,410,577.47	11,161,163,959.89

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [DAMANSARA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam di kawasan-kawasan luar bandar dalam jangka masa 5 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mewujudkan skim Dana Bantuan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) bermula pada tahun 2012 dengan objektif asasnya adalah untuk memastikan perkhidmatan bas berhenti-henti terutama di laluan-laluan yang tidak menguntungkan di luar bandar dapat terus beroperasi. Program ISBSF diwujudkan bagi menangani kerugian di dalam operasi harian pengendali bas berhenti-henti bagi memastikan kesinambungan terhadap perkhidmatan berkenaan. Ia juga bertujuan bagi menggalakkan pengendali bas berhenti-henti memulihkan laluan yang telah ditamatkan perkhidmatan akibat kerugian yang dialami dan mendorong pengendali dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dengan menambah kekerapan perjalanan dan membaiki keadaan bas sekaligus meningkatkan aksesibiliti rakyat.

2. Penambahbaikan sistem bas berhenti-henti terutamanya perkhidmatan bas pengantara untuk menghubung ke mod pengangkutan

awam yang lain yang lebih efektif dan cekap dapat secara tidak langsung mengubah persepsi dan memberi pilihan kepada rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam. Kerajaan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan mengembangkan dan memperkenalkan skim perkhidmatan myBAS 2.0 di seluruh negara bagi menggantikan dana sokongan *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) yang bersifat sementara secara berperingkat.

3. Bagi zon liputan yang lebih kecil atau mempunyai kekangan akses untuk bas bersaiz besar, Kerajaan juga telah memperkenalkan perkhidmatan *Bus On Demand* (BOD) yang dilaksanakan secara *Proof of Concept* (POC) bermula 1 September 2022 hingga 31 Ogos 2024. Buat masa ini, 2 pengendali telah diberi kelulusan untuk menjalankan perkhidmatan BOD di bawah POC ini.

4. Dalam usaha Kerajaan untuk memudahcara ekonomi gig dan membantu para pemandu teksi *e-hailing*, Kementerian telah melancarkan dasar pembaharuan iaitu menaikkan had usia maksima penggunaan kenderaan dalam kelas *e-hailing* dan teksi daripada 10 tahun kepada 15 tahun berkuatkuasa dari 1 Januari 2023. Selaras dengan pembaharuan ini, had usia melesen juga telah dikemaskini kepada 14 tahun. Ini bermaksud mana-mana kenderaan yang hendak dilesenkan bagi tujuan *e-hailing* dan teksi mesti berbuat demikian sekurang-kurangnnya setahun sebelum had usia 15 tahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah insinerator akan dibaiki atau diganti baru bagi menyelesaikan masalah sampah di Langkawi dan syabas diucapkan kepada Kementerian kerana tapak pelupusan sampah sedia ada di Belanga Pecah, Kuah, Langkawi telah mula ditutup dengan tanah dan ianya sudah mula memberi pandangan yang agak tidak menjijikkan sepertimana sebelum ini termasuk anjing liar sudahpun berkurangan.

SOALAN NO : 50

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, loji insinerator ini telah mula beroperasi menggunakan satu (1) *line* iaitu *line* A bermula 20 Oktober 2022 dengan purata jumlah sisa pepejal yang telah diproses adalah sebanyak 7,194.21 tan untuk tempoh empat (4) bulan sehingga kontrak tamat pada 2 April 2023. Kontrak Perkhidmatan Pengoperasian dan Penyelenggaraan Loji Insinerator Pulau Langkawi, Kedah yang ditandatangani bersama Syarikat Drizzle Engineering Sdn. Bhd. (DESB) telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) untuk dilanjutkan selama enam (6) bulan iaitu bermula 3 April 2023 sehingga 2 Oktober 2023.

Pada masa ini, loji insinerator tersebut sedang diselenggara oleh pihak operator bagi membolehkan ia beroperasi semula mulai 1 Jun 2023. Selain itu, bagi pemasangan *line* B di loji tersebut untuk menampung pertambahan kuantiti sisa pepejal bagi tempoh 10 tahun akan datang, Kementerian ini sedang melaksanakan pelawaan tender secara tender terbuka bagi melantik operator baharu dan tender tersebut telah diiklankan pada 25 Mei 2023. Jangkaan lantikan operator baharu bagi mengambil alih pengurusan loji daripada DESB adalah sebelum bulan Oktober 2023.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH (LANGKAWI)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah peruntukan untuk memperbaiki atau mempertingkatkan sistem perparitan bersepadu di Parlimen Langkawi berikutan banjir besar pada bulan Oktober 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah program penswastaan penyenggaraan Jalan Persekutuan, syarikat konsesi telah dilantik bagi melaksanakan skop penyenggaraan jalan yang ditetapkan mengikut kontrak, manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras dan memantau kerja-kerja penyenggaraan oleh syarikat konsesi berkenaan.

Kerja-kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan terdiri daripada tiga skop iaitu **rutin, berkala dan kecemasan**. Untuk kerja-kerja penyenggaraan longkang dan pembetung (culvert), ia dilaksanakan di bawah **penyenggaraan rutin**. Kerja-kerja penyenggaraan merangkumi pembersihan sisa di dalam longkang tanah dan konkrit, pembersihan sisa dan sampah sarap di *sump* (kekotak), pembersihan sisa dan sampah sarap di dalam *culvert* (pembetung), dan kerja-kerja berkaitan. Kerja -kerja penyenggaraan tersebut dilaksanakan secara kitaran kerja seperti berikut:

i) Penyenggaraan Jambatan dan Pembetung (Culvert): bagi Penyenggaraan Jalan Primer dan Sekunder adalah 2 kali setahun dan Jalan Protokol sebanyak 6 kali setahun; dan

ii) Penyenggaraan Longkang: bagi Penyenggaraan Jalan Primer dan Sekunder adalah 2 kali setahun dan Jalan Protokol 4 kali setahun.

Peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin ini dibayar pada setiap bulan kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan setelah ia disahkan oleh JKR Daerah yang terlibat. Peruntukan bagi kerja-kerja rutin ini sememangnya telah diambil kira dan diasingkan sebagai peruntukan mandatori dan komited dalam bajet peruntukan Kementerian setiap tahun.

Kementerian Kerja Raya, melalui agensinya Jabatan Kerja Raya akan sentiasa memastikan kerja-kerja senggaraan dilaksanakan mengikut kaedah yang ditetapkan. Dalam hal ini, JKR akan meningkatkan kompetensi jurutera-jurutera yang terlibat dengan reka bentuk dan senggaraan serta menggunakan teknologi yang terkini bagi mempastikan Jalan Persekutuan sentiasa selamat dan selesa untuk pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya ada perancangan dan pembinaan untuk balai bomba dan penyelamat di kawasan yang sedang mengalami pertambahan kepadatan penduduk seperti di Kota Damansara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan sentiasa terjamin serta mampu memenuhi ekspektasi rakyat. Pada masa ini, kawasan Kota Damansara mendapat khidmat kebombaan daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Damansara, dengan jarak 10 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 16 minit untuk sampai ke kawasan tersebut. BBP Damansara ini merupakan BBP kategori A yang memiliki kekuatan keanggotaan seramai 44 orang dan dilengkapi dengan dua (2) buah jentera pemadaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada analisis risiko di Kota Damansara melalui kajian *fire cover*, terdapat

keperluan bagi membina sebuah BBP di kawasan tersebut. Justeru, pihak JBPM Negeri Selangor kini dalam proses mengenal pasti tapak atau bangunan yang strategik untuk membangunkan sebuah BBP. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bagi pembinaan BBP tersebut adalah bergantung kepada ketersediaan tapak tanah berkenaan dan juga kos yang terlibat. Mulai tahun 2023, KPKT juga memberi keutamaan projek pembinaan BBP bagi tapak tanah yang disediakan secara percuma atau dengan kadar premium nominal oleh kerajaan negeri atau pemaju perumahan. Faktor ini akan diambil kira selain dari skor kajian *fire cover* yang dilaksanakan oleh JBPM.

Pada masa yang sama, peranan komuniti setempat di kawasan Kota Damansara juga amat penting dalam menghadapi sebarang insiden kebakaran atau kecemasan. Komuniti setempat ini perlu diberi pendedahan dan latihan agar mampu bertindak sebagai *first responder* serta mengambil tindakan awal untuk mengelakkan bencana yang lebih besar sebelum ketibaan pasukan bomba. Sehubungan itu, KPKT melalui JBPM telah merangka dan akan melaksanakan program seperti berikut:

(i) memperluas dan memperkasakan penubuhan **Bomba Komuniti**, di mana kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaan dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api, peralatan asas pemadaman seperti pam angkut (bersaiz kecil) dan hos akan disedia dan dibekalkan;

(ii) mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk **Program 1 Rumah Satu Alat Pemadam Api (1RAPI)**; dan

(iii) memperluas dan mempertingkatkan penglibatan kaum wanita bagi **Program Sedia Urus Isi Rumah (SURI)** dengan kaedah *'Door to Door'* bagi memberi taklimat tentang kesedaran berhubung bahaya kebakaran yang melibatkan kebakaran di dapur secara teori dan juga demontrasi pemadaman kebakaran di dapur.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 52

NO. SOALAN : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU]**
TARIKH	**:**	**23 MEI 2023 (SELASA)**

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi mewujudkan polisi yang lebih agresif bagi merapatkan jurang pembangunan dan jaringan pengangkutan awam antara bandar dan luar bandar terutama di negeri pantai timur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan sentiasa komited dalam usaha memperluas liputan rangkaian dan menambahbaik tahap perkhidmatan pengangkutan awam agar dapat merancakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam sama ada di bandar utama atau di luar bandar. Pelbagai usaha telah dirancang dan sedang dilaksana merangkumi peluasan kawasan liputan perkhidmatan pengangkutan awam, pelaksanaan projek-projek atau program pengangkutan awam pelbagai mod dan inisiatif penjimatan kos perjalanan kepada pengguna.

2. Perkhidmatan bas berhenti-henti merupakan salah satu mod pengangkutan yang melengkapkan sistem pengangkutan awam di negara ini. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti di bandar-bandar utama sentiasa ditambah baik, Kerajaan sejak tahun 2015 telah melaksanakan Program *Stage Bus Service Transformation* (SBST) di Kuala Terengganu, Kangar, Seremban, Ipoh dan Johor Bahru. Program SBST juga diperluas ke negeri Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu bermula tahun 2023.

3. Bagi memastikan liputan perkhidmatan bas berhenti-henti terutamanya bagi laluan-laluan di luar bandar terus tersedia, Kerajaan turut menyalurkan Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti yang dikenali sebagai *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) kepada pengendali yang layak bagi menampung kos pengendali terlibat. Buat masa ini terdapat lapan (8) pengendali bas berhenti-henti di pantai timur telah diberikan bantuan di bawah program ISBSF.

4. Bagi zon liputan yang lebih kecil atau mempunyai kekangan akses untuk bas bersaiz besar, Kerajaan juga telah memperkenalkan perkhidmatan *Bus On Demand (BOD)* yang dilaksanakan secara p*roof of concept (POC)* menggunakan kenderaan bersaiz van dan bas mini bermula 1 September 2022 hingga 31 Ogos 2024.

5. Selain itu, keperluan pengangkutan rakyat di negeri-negeri Pantai Timur juga dititik beratkan terutamanya melalui mod keretapi. Hal ini dibuktikan dengan pembinaan projek rel terbesar di Asia Tenggara iaitu Projek Laluan rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan Selangor, seterusnya mempelbagaikan akses pengangkutan melalui rel dari Pantai Timur ke Pantai Barat. Apabila siap kelak, ECRL akan menghubungkan Kelantan dengan Kuala Lumpur dalam masa 5 jam sahaja. Rakyat Pantai Timur dijangka dapat menikmati kemudahan ini seawal tahun 2027 apabila ia siap pada hujung tahun 2026.

6. Pada masa sama, Kerajaan turut meningkatkan kualiti perkhidmatan tren di landasan sedia ada yang terletak di kawasan pedalaman Pahang dan Kelantan. Kementerian Pengangkutan sedang

giat membaikpulih landasan di sepanjang jajaran bagi menambah keselesaan serta meningkatkan perkhidmatan keretapi. Setakat kini, perkembangan Pakej A (Gemas-Mentakab) adalah 89.6%, Pakej B (Jerantut-Gua Musang) telah siap sepenuhnya pada 5 April 2021 manakala Pakej C (Gua Musang-Tumpat) adalah 88.1%.

7. Selain penambahbaikan secara fizikal, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi menaiktaraf pengangkutan rel di Pantai Timur setanding dengan kawasan lain di negara ini. Antaranya ialah KTMB telah memperkenalkan penggunaan 10 buah tren *Diesel Multiple Unit* (DMU) yang dilancarkan pada tahun 2021 untuk memodenkan pengangkutan rel, sekaligus memberi keselesaan dan aksesibiliti kepada penduduk di jajaran Pantai Timur. Perkhidmatan tren tersebut meliputi sektor laluan Tumpat-Gua Musang dan Gua Musang-Kuala Lipis. Selain itu, KTMB telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan baharu seperti *Shuttle* Timuran dari Kuala Lipis-Gemas dan Express Timuran dari Johor Bahru-Tumpat dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

8. Langkah-langkah yang telah dilaksana dan sedang dalam perancangan Kerajaan ini sudah tentu bermatlamat untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam agar ia menjadi mod pengangkutan pilihan rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar. Melalui projek atau program peluasan liputan rangkaian perkhidmatan rel dan bas yang lebih menyeluruh, ia sudah tentu akan merapatkan jurang pembangunan dan jaringan pengangkutan awam antara bandar dan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA (KUDAT)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA (KUDAT) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah unit bantuan PPRT di Parlimen Kudat sepanjang RMK-12 dan berapa sasaran yang dirancang oleh Kementerian untuk membantu isu perumahan miskin di kawasan Parlimen yang tersenarai sebagai kawasan termiskin sebagai usaha menoktahkan kemiskinan.

SOALAN NO : 54

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 3 tahun pertama RMK-12 iaitu tahun 2021, 2022 dan 2023, sebanyak 720 unit PPRT telah diluluskan di kawasan Parlimen Kudat iaitu 78 unit Bina Baharu dan 642 unit Baik Pulih dengan jumlah peruntukan RM15.9 juta. Pecahan projek mengikut daerah adalah seperti berikut:

TAHUN	DAERAH	JENIS BANTUAN	
		BINA BAHARU	BAIK PULIH
2021	Banggi	1	30
	Kudat	4	80
	Pitas	18	120
2022	Banggi	0	55
	Kudat	9	73
	Pitas	25	114
2023*	Banggi	5	30
	Kudat	6	60
	Pitas	10	80
JUMLAH		**78**	**642**

NOTA

** Peruntukan belum diagihkan sepenuhnya. Data adalah sehingga 9 Mei 2023.*

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian ini sentiasa memberi perhatian dan tumpuan terhadap kawasan-kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi dengan membuat agihan projek yang lebih berbanding daerah lain.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TAN SRI DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menyediakan rumah mampu milik, mampu sewa, kos rendah dan kos sederhana untuk rakyat.

SOALAN NO : 55

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk meneruskan inisiatif penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni dan berkualiti di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan sasaran penyediaan sebanyak 500,000 unit RMM di seluruh negara. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras bagi penyediaan dan pelaporan RMM yang akan dilaksanakan oleh agensi penyedia perumahan di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pemaju swasta. Sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 86,843 unit RMM telah siap dibina, 176,792 unit masih dalam pembinaan dan 191,421 unit RMM di fasa perancangan. Antara projek-projek RMM di KPKT adalah:

(1) Program Perumahan Rakyat (PPR)

Sehingga 30 April 2023, terdapat 159 projek PPR yang merangkumi 99,296 unit rumah telah siap dibina di seluruh negara manakala sebanyak 24 projek PPR dalam peringkat pembinaan merangkumi 9,737 unit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Belanjawan MADANI 2023, projek PPR baharu dan sambungan menerima peruntukan sebanyak RM389.5 juta yang bakal memberikan manfaat kepada 12,400 bakal penghuni baharu. Ini menjadikan projek PPR dalam perancangan meningkat daripada tiga (3) projek kepada 16 projek merangkumi 6,240 unit dan jumlah keseluruhan PPR yang siap, sedang dan akan dibina adalah 199 projek dengan 115,273 unit. Mulai tahun 2023, KPKT akan memberi keutamaan projek PPR kepada kerajaan negeri yang menyediakan tapak tanah secara percuma atau dengan kadar premium nominal.

(2) Program Rumah Mesra Rakyat (RMR)

Program ini dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan mampu memberi manfaat kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Sehingga 30 April 2023, terdapat 56,410 unit RMR telah siap dibina, 4,950 unit dalam pembinaan dan 380 unit rumah dalam perancangan.

(3) Program Perumahan PR1MA

Program ini merupakan program RMM untuk golongan M40 yang dilaksanakan oleh PR1MA. Sehingga 30 April 2023, terdapat 33,950 unit rumah telah siap dibina, 15,931 unit rumah dalam pembinaan dan 3,765 unit rumah dalam perancangan.

(4) Kediaman SPNB

Program ini dilaksanakan SPNB dan merupakan program RMM untuk golongan M40. Sehingga 30 April 2023, terdapat 28,741 unit rumah telah siap dibina, 1,024 unit rumah dalam pembinaan manakala 531 unit rumah lagi di peringkat perancangan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPKT telah memperkenalkan dua (2) program perumahan sewa beli atau Skim *Rent-To-Own* (RTO) iaitu RTO PPR dan RTO Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

(i) RTO Program Perumahan Rakyat (PPR)

Skim RTO PPR telah diperkenalkan pada tahun 2017 dan merupakan skim pembiayaan mudah khusus bagi membantu

pemilikan rumah golongan berpendapatan B40 yang telah ditawarkan unit PPR tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Skim RTO PPR telah dilaksanakan di empat belas (14) PPR di seluruh negara yang melibatkan 6,066 unit rumah; dan

(ii) RTO Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Skim Pembiayaan RTO PR1MA telah diperkenalkan melalui pengumuman Belanjawan Tahun 2021 bagi meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat M40. Melalui skim ini bakal pembeli yang menghadapi masalah pinjaman mempunyai pilihan untuk menyewa selama lima (5) tahun pertama dengan kadar sewa yang berpatutan sebelum membeli rumah tersebut dengan pembiayaan penuh. Skim RTO ini dibuka kepada semua bakal pembeli rumah PR1MA bagi projek yang terpilih iaitu yang telah siap dibina di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa beberapa punca utama projek perumahan swasta menjadi lewat dan bermasalah khususnya dalam tempoh pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa menjalankan pemantauan ke atas pemajuan projek perumahan swasta yang berlesen dengan Jabatan Perumahan Negara (JPN). Beberapa punca utama projek perumahan swasta menjadi lewat dan bermasalah khususnya dalam tempoh pasca pandemik COVID-19 adalah:

(i) pemaju mengalami masalah kewangan syarikat disebabkan oleh jualan unit tidak memberangsangkan;

(ii) pemaju mengalami masalah pengurusan di tapak bina disebabkan oleh pengurangan bekalan bahan-bahan binaan akibat daripada rangkaian perhubungan yang tidak menentu dengan pembekal dan pengeluar dari dalam negeri mahupun luar negara;

(iii) kekurangan jumlah pekerja di tapak ekoran daripada penutupan pintu sempadan negara; dan

(iv) SOP ketat yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembinaan di tapak.

Mengambil kira pelbagai faktor yang turut mempengaruhi kelewatan projek, *Task Force* Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai telah ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan mana-mana projek yang dikategorikan sebagai projek lewat, sakit dan terbengkalai. Melalui *task force* ini, empat (4) elemen utama iaitu *Track, Resolve, Preventive* dan *Foward Modelling* akan diterjemahkan kepada bentuk tindakan pemantauan, pencegahan dan pemulihan supaya projek-projek perumahan swasta yang lewat dan sakit berjaya siap untuk diduduki atau kembali lancar mengikut kemajuan yang ditetapkan dan pencegahan kepada projek-projek sedia ada supaya tidak menjadi lewat dan sakit.

Mesyuarat *task force* ini diadakan pada setiap bulan dan pemakluman status projek perumahan sakit dan terbengkalai kepada orang ramai dan pihak media dibuat secara berkala.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]**
TARIKH	**:**	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kemudahan Cuti Jaga Anak Di Hospital/Sakit kepada guru-guru berbanding kemudahan Cuti Rehat Khas (CRK) yang amat terhad bilangan harinya dalam setahun.

SOALAN NO : 57

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa proaktif bagi memastikan kesejahteraan guru sentiasa terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada Cuti Rehat Khas (CRK) yang diperuntukkan kepada guru, Kerajaan juga telah memperuntukkan kemudahan Cuti Separuh Gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diberikan atas sebab kesihatan sanak saudara yang meliputi keluarga pegawai sendiri (suami/isteri dan anak-anak), ibu bapa, adik beradik, ibu bapa mertua, nenek dan datuk pegawai. Kadar Cuti Separuh Gaji adalah sebanyak 180 hari sepanjang perkhidmatan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kerajaan juga memperuntukkan kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan (CMAKP) kepada pegawai yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan diperaku oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta untuk dikuarantin. Tempoh CMAKP adalah **maksimum lima (5) hari bagi setiap kes** atau selama tempoh perakuan yang diberikan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta **mengikut mana yang lebih rendah**, termasuk Hari Rehat Mingguan Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am tertakluk kelulusan Ketua Jabatan. Selain itu, pegawai boleh dipertimbangkan kemudahan Cuti Menjaga Anak kepada pegawai wanita secara tanpa gaji bagi tujuan menjaga dan menyusukan bayinya sebagaimana ketetapan melalui Ceraian SR.5.2.2 MyPPSM.

Berhubung cadangan untuk memberikan kemudahan Cuti Jaga Anak Di Hospital/Sakit kepada guru-guru, KPM akan meneliti cadangan ini tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan agensi pusat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menangani masalah sosial, pengurusan, dan infrastruktur di Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan terpinggir dan mewujudkan komuniti berdaya saing di PPR.

SOALAN NO : 58

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa peka dan prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) melibatkan aspek sosial, pengurusan dan infrastruktur bagi memastikan persekitaran PPR berada dalam keadaan yang kondusif serta berdaya huni terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah. KPKT melantik ejen pengurusan yang bertauliah dalam menguruskan PPR ini supaya ianya berada dalam keadaan yang baik bagi menjamin keselesaan penduduk.

Isu permasalahan sosial bukanlah suatu isu yang baharu dan seringkali dikaitkan dengan PPR. Melihat kepada isu ini, KPKT sentiasa memikirkan solusi yang terbaik demi keselesaan dan kebajikan penduduk PPR serta dalam masa yang sama tidak menafikan hak penduduk untuk tinggal dalam keadaan selamat dan terjamin. Dalam hal ini, usaha Kerajaan telah bermula dari peringkat perancangan pembinaan PPR supaya kawasan PPR mempunyai kemudahan komuniti secara menyeluruh. Di samping itu, KPKT telah mewajibkan bakal penerima kunci PPR untuk menghadiri kursus kesedaran sivik sebagai langkah murni Kerajaan bagi menangani masalah sosial. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti sosial PPR turut memainkan peranan dalam mengatasi masalah sosial di PPR. Justeru, satu bentuk penyelesaian yang menyeluruh dengan kerjasama pemegang taruh, kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemimpin persatuan penduduk serta komuniti PPR amatlah diperlukan bagi memastikan kelestarian kehidupan penduduk PPR ini terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Dasar Komuniti Negara (DKomN) yang telah digubal oleh KPKT adalah bertujuan untuk menangani isu-isu perumahan di peringkat komuniti setempat khususnya di kawasan

perumahan strata di seluruh negara. Kerajaan berharap pelaksanaan dasar ini dapat melahirkan komuniti yang menitikberatkan aspek kesihatan dan keselamatan, mempunyai *sense of ownership*, semangat kejiranan dan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Melalui DKomN, sebanyak 19 Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) telah ditubuhkan di PPR terpilih seluruh negara. PSMK yang telah ditubuhkan antara lain berperanan untuk melaksanakan program-program mendaya upaya komuniti berdasarkan lapan (8) kluster DKomN supaya komuniti setempat boleh melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta awam dan harta bersama yang merupakan sebahagian daripada tempat tinggal mereka.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan wanita yang bersalin bagi tahun 2022 serta berapa bilangan pakar Obstetrik dan Ginekologi (O&G) dan berapa bilangan Doktor Obstetrik dan Ginekologi (O&G) seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum kepentingan bidang kepakaran termasuk bidang Obstetrik & Ginekologi di seluruh fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkhidmatan kepakaran termasuk bidang Obstetrik & Ginekologi merupakan keutamaan dalam halatuju KKM bagi menaiktaraf tahap kesihatan rakyat Malaysia.

2. Sehingga kini, KKM mempunyai **645 orang** Pakar Perubatan Obstetrik & Ginekologi dan sepanjang tahun 2022, sebanyak 321,116 kelahiran berlaku di fasiliti KKM.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah yang terjadi kepada projek-projek yang telah diluluskan pada 2,3 tahun lepas (Projek Pembinaan Baru SK Sri Sadong, Projek Pembinaan Baru SMK Serian No.2 dan Projek Pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Serian).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan projek pembangunan dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi jadual pembinaan.

Khusus bagi projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Sri Sadong, Serian, Sarawak, KPM telah mengiklankan tender projek ini pada 21 Julai 2022. Lawatan tapak bersama pihak kontraktor yang berminat telah pun dibuat semasa sesi taklimat tender pada 28 Julai 2022. Walau bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh semua petender yang berminat telah melebihi anggaran kos jabatan yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Lembaga Perolehan yang bersidang pada 28 Disember 2022 telah memutuskan agar pemilihan tender tersebut

ditangguhkan sehingga permohonan peningkatan kos diluluskan oleh Kementerian Ekonomi.

KPM sedang dalam peringkat akhir penyediaan maklumat yang diperlukan termasuk anggaran kos baharu dan akan dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi untuk penelitian Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK). Mesyuarat semakan akhir dokumen JSK yang diadakan pada 15 Mei 2023 telah memuktamadkan perunding untuk menghantar dokumen JSK pada 25 Mei 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) *Rolling Plan 2* (RP2) tahun 2022, KPM telah diluluskan projek perolehan tanah bagi tujuan pembinaan sekolah baharu SMK Serian II. KPM kini dalam proses mendapatkan ulasan agensi teknikal serta penyediaan pelan pengambilan tanah. Permohonan pertapakan bagi tapak sekolah tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Sarawak pada 23 Mac 2023 untuk pertimbangan dan kelulusan pihak berkuasa negeri Sarawak.

Berhubung cadangan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Serian yang baharu pula, permohonan pembinaan bangunan baharu PPD telah dikemukakan dalam RMKe-12 RP4 tahun 2024 untuk pertimbangan dan kelulusan pada peringkat agensi pusat. Walau bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dalam agenda Reformasi Pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan transformasi pendidikan bermula dari tahun 2013 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) yang menggariskan lima aspirasi sistem iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan untuk mencapai aspirasi murid yang berikut, iaitu: Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian, Identiti Nasional. Di samping itu, KPM juga sentiasa memastikan sistem pendidikan kita selari dengan agenda pendidikan global khususnya Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (SDG4).

Pelbagai inisiatif dirancang dan dipantau keberkesanannya dengan mengikut peredaran masa bagi memastikan sistem Pendidikan Negara berada pada tahap terbaik. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan sentiasa dipantau serta dibincangkan untuk ditambah baik. Ini bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan mengikut aturan masa yang ditetapkan. Inisiatif-

inisiatif yang dijalankan adalah bergantung kepada kesesuaian seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian pelaksanaan PPPM adalah berdasarkan kepada sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) tahunan yang ditetapkan dalam setiap inisiatif. Setiap pencapaian dilaporkan melalui Laporan Tahunan PPPM yang dikeluarkan pada setiap tahun. Laporan tahunan ini boleh diakses oleh setiap golongan masyarakat di laman sesawang KPM.

Mengambil pengalaman pelaksanaan pelan transformasi di negara-negara luar, KPM telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) yang merupakan sebuah Unit Penyampaian (*Delivery Unit*) bagi memantau rapi penyampaian dan pelaksanaan inisiatif seperti yang dinyatakan dalam PPPM.

PPPM 2013-2025 telah menunjukkan pencapaian positif seperti peningkatan enrolmen khususnya di peringkat menengah atas yang telah meningkat daripada 77.96 peratus pada tahun 2013 kepada 89.97 peratus pada tahun 2022. Manakala enrolmen murid dalam aliran TVET pula meningkat daripada 4.6 peratus pada tahun 2013 kepada 6.66 peratus pada tahun 2022. Peningkatan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI) turut meningkat daripada 9.6 peratus pada tahun 2013 kepada 83.47 peratus pada tahun 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat PPPM 2013 - 2025 adalah agar Malaysia mencapai kedudukan sepertiga teratas dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) pada tahun 2025. Malaysia telah mencatatkan peningkatan pencapaian dalam TIMSS 2019. Untuk PISA pula, Malaysia mencapai peningkatan 13 peratus purata merentas literasi Bacaan, Matematik dan Saintifik dari tahun 2012 hingga 2018. Pencapaian ini menunjukkan Malaysia telah menghampiri kedudukan pertengahan.

SOALAN NO : 61

Dari segi pencapaian murid dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pula, peratus yang layak menerima sijil SPM juga menunjukkan peningkatan daripada 85.2 peratus pada tahun 2016 kepada 87.6 peratus pada tahun 2021. Pencapaian murid dalam SPM juga telah menunjukkan jurang pendidikan antara murid di bandar dan luar bandar semakin mengecil iaitu daripada 0.61 peratus pada tahun 2012 kepada 0.46 peratus pada tahun 2021. Di samping itu, jurang pencapaian antara jantina juga menunjukkan trend mengecil iaitu daripada 12.6 peratus pada tahun 2016 kepada 9.8 peratus pada tahun 2021.

Dari segi kualiti guru pula, KPM telah memberi tumpuan dalam tiga aspek iaitu pemantapan pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan, pemerkasaan profesionalisme dan kelestarian kesejahteraan guru. Guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) diambil daripada calon lepasan SPM yang tergolong dalam 30 peratus kumpulan teratas dengan minima 5A mulai tahun 2014. Selain itu, profesionalisme guru diperkasa melalui Pembangunan Profesionalisme berterusan guru supaya kompeten dan kekal bermotivasi dalam menjalankan tugas.

KPM juga memberi tumpuan kepada pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPSi). Tumpuan ini secara langsung telah mengurangkan penekanan kepada peperiksaan dan pentaksiran secara berpusat. Menerusi komponen dalam PBS, proses unsur maju untuk setiap murid ini dilihat secara holistik.

Dalam usaha melengkapi PPPM 2013-2025 ini, KPM memastikan tunjang utama sistem pendidikan adalah kurikulum kebangsaan yang akan terus kekal relevan. Ini bagi memastikan murid yang lahir dari sistem pendidikan yang menggunakan kurikulum kebangsaan yang mempunyai sifat berdaya saing dan kompetitif apabila mereka tamat persekolahan. Terkini, KPM memastikan kurikulum kebangsaan diintegrasikan dengan teknologi agar murid menjadi generasi yang fasih digital. Bagi menyokong pendekatan ini, Dasar Pendidikan Digital (DPD) akan menjadi elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi.

SOALAN NO : 61

KPM juga telah membangunkan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM bagi memastikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera.
7 Teras Nadi Keunggulan KPM tersebut memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti; membasmi kemiskinan berbilang dimensi B40 iaitu malnutrisi, peranti dan ruang belajar; keciciran pendidikan dan masalah literasi serta merapatkan kesenjangan pendidikan; komunikasi berkesan; kebajikan guru sebagai teras keberkesanan penyampaian, ubah suai dan naik taraf sekolah daif; dan peningkatan keupayaan pendidikan digital di sekolah.

KPM turut memberi penekanan kepada pembangunan karakter murid secara menyeluruh dan tidak hanya memberi penumpuan kepada pencapaian akademik semata-mata. Dalam masa sama, penekanan kepada aspek Anak Baik lagi Cerdik (ABC) merentas semua segmen dalam pendidikan turut diberi perhatian. KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti dan tahap pendidikan negara dengan dokongan dan sokongan semua pihak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program pembangunan sukan untuk e-Sports di peringkat sekolah dan sekolah sukan. Pembangunan e-Sports perlu diberikan perhatian memandangkan minat golongan muda pada sukan ini amatlah tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada program bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Namun begitu, KBS menerusi Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik 2020-2025 mempunyai perancangan untuk mewujudkan ruang khusus pembangunan e-sukan di sekolah, menyenaraikan e-sukan sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum dan menubuhkan kelab e-sukan di sekolah.

Dalam usaha berkenaan, Kementerian ini telah menyenaraikan e-sukan sebagai salah satu sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan yang akan memberikan pelbagai manfaat termasuk dari aspek penerimaan. Kementerian turut bercadang mengadakan perbincangan bersama-sama Kementerian Pendidikan untuk membawa e-sukan ke sekolah dan

perbincangan ini akan dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Sukan melibatkan KBS, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi yang akan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana I pada bulan ini.

Selain itu, bagi memastikan stigma negatif terhadap e-sukan dapat ditangani dan memberikan persekitaran selamat serta perlindungan kepada pemain di bawah umur 18 tahun, KBS kini sedang dalam fasa akhir melancarkan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan atau National Esports Development Guideline (NESDEG). Garis Panduan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai ekosistem e-sukan dan amalan terbaik dalam pengurusan e-sukan. Bagi tujuan ini, pihak KBS sedang merangka sesi libat urus berkaitan untuk memberikan pendedahan mengenai aspek pemantauan dan perlindungan kanak-kanak, tatakelakuan dan etika serta panduan laluan kerjaya dalam e-sukan.

Pihak Kementerian berharap semua usaha yang sedang dilaksanakan ini mendapat sambutan baik dan mampu menyumbang kepada pengukuhan pembangunan e-sukan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN ZAHIR BIN HASSAN (WANGSA MAJU)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN (WANGSA MAJU) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk mewujudkan kompleks sukan serta mempertingkatkan kemudahan sukan di kawasan Parlimen Wangsa Maju memandangkan kepadatan penduduk yang tertinggi sedia ada.

SOALAN NO : 63

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada ketika ini belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan kompleks sukan serta mempertingkatkan kemudahan sukan di kawasan Parlimen Wangsa Maju. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai sebarang cadangan berhubung pembangunan kemudahan sukan, Ahli Yang Berhormat perlu merujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlebih dahulu berhubung kesesuaian tapak dan penetapan lokasi.

Di samping itu, permohonan pembinaan kemudahan sukan baharu sedia untuk dipertimbangkan jika memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi, termasuk pendaftaran tanah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Perbincangan lanjut antara Kementerian ini dengan pihak Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) juga perlu diadakan bagi memastikan kesesuaian cadangan tapak, tiada isu setinggan dan bantahan penduduk.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syor terbaharu berkenaan pengurangan bebanan tugas guru selepas penamatan perjawatan pembantu guru sebelum ini.

SOALAN NO : 64

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menjamin kesejahteraan guru termasuk usaha untuk mengurangkan beban tugas di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang diperkenalkan, KPM memberi perhatian kepada isu kebajikan guru secara khusus di bawah Teras 5: Kebajikan Guru Sebagai Teras Keberkesanan Penyampaian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;
ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023;
iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023;
iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023;
v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023;
vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023; dan
vii. mengeluarkan pemakluman Autonomi Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Proses Pembelajaran dan Pengajaran di dalam Bilik Darjah bertarikh 20 Mac 2023.

SOALAN NO : 64

Selain inisiatif Teras 5 yang dilaksanakan oleh KPM bagi mengurangkan beban tugas guru, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara yang ditambah baik untuk memperkasa kebajikan guru. Antara perkara yang secara langsung dapat mengurangkan tugas guru adalah dengan memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi dengan segera. KPM akan terus memastikan keperluan guru dipenuhi melalui pengisian kekosongan perjawatan guru di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di samping itu, KPM juga berusaha meminimumkan tugasan pengurusan dan pentadbiran bukan profesional dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

KPM turut mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak berkepentingan termasuk Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB) bagi mendapatkan maklum balas untuk menentukan perancangan KPM dalam mengatasi isu beban tugas guru.

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru diutamakan melalui pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peruntukan Kementerian untuk membantu operasi van-hailing seperti MOBI dan KUMPOOL bagi meningkatkan liputan pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah memperkenalkan perkhidmatan *Bus On Demand* (BOD) secara *Proof of Concept* (POC) bermula 1 September 2022. Perkhidmatan ini merupakan suatu perkhidmatan membawa penumpang menggunakan kenderaan bersaiz kecil seperti bas mini, *coaster* atau van di mana tempahan dibuat secara atas talian melalui aplikasi syarikat BOD masing-masing serta beroperasi di hentian-hentian di dalam zon yang diluluskan APAD.

2. Setiap syarikat yang berminat akan diberikan peluang untuk mencadangkan zon operasi dan menentukan hentian-hentian yang strategik dalam memastikan objektif perkhidmatan tersebut tercapai

selain memastikan pengguna mempunyai alternatif tambahan dalam mengatur pergerakan dari suatu lokasi ke suatu lokasi yang lain.

3. Antara syarat-syarat yang ditetapkan dalam perkhidmatan BOD adalah syarikat perlu mewujudkan suatu aplikasi BOD dengan spesifikasi minima bagi melindungi keselamatan pemandu dan penumpang, mempunyai perlindungan insurans meliputi pemandu, penumpang dan pihak ketiga, melantik pemandu berumur tidak kurang 21 tahun yang mempunyai lesen vokasional kenderaan perkhidmatan awam (PSV) dan menggunakan kenderaan yang telah dilesenkan oleh APAD sahaja.

4. Memandangkan perkhidmatan BOD dilaksanakan secara POC sehingga 31 Ogos 2024, justeru Kementerian tidak menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada syarikat dengan membenarkan mereka menetapkan kadar tambang masing-masing dan tidak tertakluk kepada kadar tambang semasa bas berhenti-henti.

5. Mana-mana pihak yang berminat boleh mengemukakan kertas cadangan kepada Unit Bas, Ibu Pejabat APAD. Kertas cadangan tersebut hendaklah menyatakan kaedah pengoperasian dan kaedah pengiraan tambang yang akan dikenakan kepada penumpang dengan mengambil kira kos yang ditanggung.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa status pembinaan Kolej Tingkatan Enam di Ketereh, Kelantan dan bilakah jangkaan projek tersebut dapat disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 1 tahun 2021, KPM telah diluluskan projek Pembangunan 20 Bilik Darjah Kolej Tingkatan Enam, Kota Bharu, Kelantan dengan kos keseluruhan sebanyak RM63 juta.

Pelaksanaan projek ini telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia untuk dilaksanakan. Surat Setuju Terima (SST) bagi projek ini telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 20 Februari 2023. Sehingga 12 Mei 2023, kerja awalan sedang dilaksanakan di tapak pembinaan. Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 36 bulan dan projek dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada bulan Mac 2026.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]**
TARIKH	**:**	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah amanah hari ini, berapa peningkatan setiap tahun untuk lima tahun lalu, dan apa rancangan untuk menambah sekolah amanah di masa depan.

SOALAN NO : 67

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Program Sekolah Amanah (PSA) adalah satu usaha sama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Khazanah Nasional Bhd. (KNB) iaitu rakan kongsi swasta (public-private partnership) selaras dengan Anjakan 9: Kerjasama dengan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

PSA mula dilaksanakan pada tahun 2011 setelah perjanjian usaha sama Sektor Awam-Swasta Bagi Pengoperasian PSA dengan Yayasan AMIR ditandatangani pada 3 Januari 2011. Tempoh perjanjian adalah selama lima tahun bagi setiap sekolah untuk mengikuti latihan sehingga mencapai Tahap Tempoh Matang Intervensi Program (TTMIP).

Sehingga 1 Mei 2023, sebanyak 94 buah sekolah telah menyertai PSA. Kohort pertama PSA telah dilaksanakan bermula tahun 2011 di 10 buah sekolah, iaitu lima buah di Johor dan lima buah di Sarawak. Kohort kedua pula mula dilaksanakan pada tahun 2013 melibatkan tiga buah sekolah di Kuala Lumpur. Seterusnya, kohort ketiga yang bermula pada tahun 2014, melibatkan sebanyak 17 buah sekolah, kohort keempat bermula 2015 melibatkan 32 buah sekolah, kohort kelima pada tahun 2016 melibatkan 21 buah sekolah, kohort keenam pada tahun 2019 melibatkan tujuh buah sekolah, kohort ketujuh melibatkan dua buah sekolah pada tahun 2020 dan kohort kelapan merupakan kohort terakhir yang melibatkan dua buah sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 83 sekolah telah mencapai TTMIP dan kini dikawal selia sepenuhnya oleh Jabatan Pendidikan Negeri. 11 buah sekolah masih menjalani program ini dengan kerjasama Yayasan AMIR dan dikawal selia oleh pihak KPM.

SOALAN NO : 67

Berdasarkan perjanjian usaha sama Sektor Awam-Swasta, Yayasan AMIR merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk memperluaskan bilangan sekolah mengikuti PSA berdasarkan Anjakan 9 PPPM 2013-2025. Pihak KPM juga telah menganjurkan beberapa siri perbincangan dengan pihak Yayasan AMIR berkenaan penambahan bilangan sekolah yang mengikuti PSA, namun begitu cabaran utama kepada pihak Yayasan AMIR adalah untuk mendapatkan penajaan dari pihak swasta.

KPM kini komited untuk memastikan sehingga tahun 2025 semua sekolah di Malaysia akan berjaya melengkapkan modul pelaksanaan Program Transformasi Sekolah (TS25) yang dikendalikan sepenuhnya oleh KPM

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN LEE CHEAN CHUNG** **[PETALING JAYA]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat usaha Kementerian untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan bukan Kerajaan (NGO) untuk menambah baik piawaian operasi pengurusan dan perlindungan kebajikan haiwan terbiar, selain melaksanakan kaedah Trap-Neuter-Return-Manage (TNRM) secara holistik di seluruh negara.

SOALAN NO : 68

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) dalam menangani isu haiwan terbiar terutamanya isu anjing terbiar di kawasan PBT. KPKT telah mengeluarkan garis panduan yang berkaitan iaitu Tatacara Operasi Piawai (SOP) Pengurusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT yang telah mengambil kira pandangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) meliputi aspek pengurusan haiwan terbiar serta aspek kebajikan haiwan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Pada masa ini, PBT menguruskan isu anjing terbiar secara kerjasama dengan NGO menggunakan kaedah *Trap-Reclaim-Rehome* (TRR). Melalui kaedah ini, pemilik anjing boleh menuntut semula anjing mereka atau PBT boleh menyerahkan untuk program anjing angkat (*adoption programme*) untuk diangkat oleh orang awam atau mana-mana NGO yang berminat. Kerajaan bersedia untuk mengkaji kesesuaian pelaksanaan *Trap-Neuter-Return-Manage* (TNRM) terutama dari aspek penerimaan masyarakat setempat dan implikasi kewangan yang terlibat secara lebih terperinci sebelum mempertimbangkan pelaksanaannya di PBT.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini penggubalan Dasar Pendidikan Digital, dan apakah pelan terperinci Kementerian untuk meneruskan kesinambungan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 memandangkan pelan ini bakal tamat dalam tempoh dua tahun lagi.

SOALAN NO : 69

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberikan tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mengupayakan teknologi selaras dengan Anjakan 7: Memanfaatkan ICT Bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pemerkasaan penggunaan teknologi dalam PdP turut menjadi salah satu fokus dalam 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memuktamadkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) berdasarkan pandangan ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan dan ulasan daripada kementerian-kementerian yang berkaitan. Seterusnya, KPM telah membentang kertas memorandum DPD dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mei 2023. Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan memorandum DPD yang akan dilaksanakan mulai tahun 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM kini telah memulakan penilaian menyeluruh terhadap inisiatif PPPM 2013 – 2025 sebagai asas kepada kesinambungan perancangan pendidikan pasca PPPM.

Sekian, terima kasih.

RJM51

SOALAN NO : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN (PADANG RENGAS)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB KAPTEN AZAHARI BIN HASAN (PADANG RENGAS) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan berapa lama tempoh kelulusan permohonan Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) permohonan baharu/kemaskini dan apakah permohonan secara online masih berfungsi. Adakah pihak JKM akan membuat lawatan ke rumah bagi pemohon berstatus OKU/terlantar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada belenggu kemiskinan tegar dan mampu hidup berdikari.

2. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sistem pengurusan bantuan dapat diberikan dengan cekap dan berkesan, JKM telah memperkenalkan dua (2) kaedah permohonan bantuan seperti berikut:

i. Permohonan secara manual menerusi hadir ke kaunter Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berdekatan; dan

ii. Permohonan secara dalam talian (*online*) melalui laman sesawang *http://ebantuanjkm.jkm.gov.my.*

3. Piagam Pelanggan JKM juga menetapkan bahawa tempoh pemakluman status permohonan bantuan sama ada lulus atau tidak layak kepada pemohon adalah dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima. Proses siasatan dan penyediaan laporan siasatan oleh pegawai kes akan dilaksanakan dalam tempoh tersebut sebelum dikemukakan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah untuk kelulusan. Tempoh ini adalah termasuk mengadakan perkhidmatan lawatan ke rumah untuk melihat keadaan sebenar pemohon termasuk pemohon berstatus OKU/terlantar sebelum satu-satu permohonan itu diluluskan atau sebaliknya.

4. Walaupun proses siasatan dan kelulusan bantuan mengambil masa dalam 30 hari, sekiranya klien diperakukan memerlukan bantuan segera, Pegawai Kebajikan Masyarakat boleh meluluskan bantuan segera melalui Tabung Bantuan Segera (TBS) bagi membantu klien mendapat bantuan awal.

5. Pelaksanaan proses kaji semula juga dilaksanakan setiap tahun bertujuan untuk menilai perubahan sosioekonomi dan memastikan setiap penerima bantuan yang masih layak dengan menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan, untuk terus menerima bantuan JKM.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peruntukan persekutuan dari tahun 2016 hingga 2023:-

(a) projek-projek pembinaan loji waste to energy; dan

(b) pelaksanaan usaha 3R dan zero waste management di seluruh Negara.

SOALAN NO : 71

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan kos bagi pembinaan Loji *Waste to Energy* (WtE) sebaliknya Loji WtE di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan dibiayai oleh pihak swasta melalui kaedah *Private Financial Initiatives* (PFI). Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan akan membayar yuran *tipping* yang bakal dikenakan oleh syarikat konsesi setelah loji WtE tersebut siap sepenuhnya dan beroperasi mengikut *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan.

(b) KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sentiasa berusaha agar amalan 3R dipraktikkan oleh masyarakat secara berterusan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memperkasakan program-program berkaitan. Bagi memastikan tahap penyertaan rakyat yang tinggi, KPKT giat melaksanakan program dengan mengambil pendekatan memperbanyakkan program-program pembudayaan amalan 3R yang berorientasikan komuniti dengan penglibatan pihak-pihak berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) program *Trash to Cash* iaitu program pengumpulan barangan kitar semula mengikut kumpulan sasaran;

(ii) pendidikan untuk pelbagai peringkat umur:
   a) pelaksanaan Modul Latihan Kelab Kitar Semula Sekolah Rendah dan Menengah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);

   b) pelaksanaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah;

c) penerbitan bahan pendidikan dan kesedaran awam seperti risalah, poster, e-poster dan video pendidikan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO); dan

d) pelaksanaan sesi ceramah dan pameran kesedaran awam;

(iii) penganjuran:

a) Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah Peringkat Kebangsaan (PerKISS) melibatkan sekolah rendah dan menengah;

b) *Waste to Art Competition* dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN); dan

c) Pertandingan Reka Bentuk *Waste to Wealth Innovation* Tahun 2023 dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Majlis Reka Bentuk Malaysia;

(iii) Program Kitar Semula Sisa Fabrik dengan kerjasama rakan-rakan strategik bersama seperti Kloth Malaysia Sdn. Bhd. (Kloth Cares) dan rakan kerjasamanya Life Line Clothing Malaysia Sdn. Bhd. (LLCM);

(iv) pelaksanaan:

a) Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran (Value Food No Waste); dan

b) Kempen Pembitaraan Amalan 3R dan Budaya Kebersihan di Pejabat Kerajaan dan Swasta;

(v) Program World Cleanup Day;

(vi) Sukarelawan Hero Kebersihan; dan

(vii) Sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan.

Peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan daripada tahun 2016 hingga tahun 2023 bagi pelaksanaan inisiatif 3R dan sisa sifar

yang dilaksanakan oleh KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
2016	3,465,603.49
2017	2,187,106.32
2018	1,157,778.62
2019	1,802,967.29
2020	400,752.98
2021	2,797,177.24
2022	2,366,097.48
2023*	249,794.40

*Nota : Jumlah bagi tahun 2023 adalah jumlah perbelanjaan dari 1 Januari 2023 sehingga 8 Mei 2023 sahaja. Jumlah peruntukan yang diluluskan di bawah Dasar Kebersihan Negara (DKN) bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM1,250,000.00.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah KKM akan menaik taraf *entry level* Jurupulih Perubatan Fisioterapi dari gred U29 kepada gred U41 sepenuhnya.

NO. SOALAN: 72

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim perkhidmatan bagi bidang pemulihan perubatan fisioterapi dalam Perkhidmatan Awam adalah terdiri daripada dua (2) skim perkhidmatan iaitu Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) di peringkat pelaksana dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi) di peringkat Pengurusan dan Profesional. Skim Jurupulih Perubatan merupakan skim perkhidmatan dengan kelayakan masuk Diploma dengan kemasukan dibuat pada gred U29, manakala skim perkhidmatan Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi) pula merupakan skim perkhidmatan dengan kelayakan masuk ijazah dan kemasukan dibuat pada Gred U41.

2. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2003, Jurupulih Perubatan diperuntukkan laluan kerjaya Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41/Pengajar Gred U41 mengikut syarat yang ditetapkan. Pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan Jurupulih Perubatan yang mempunyai kelayakan akademik ijazah dalam bidang perkhidmatan pemulihan perubatan atau ijazah yang setaraf boleh memohon jawatan skim perkhidmatan Pegawai Pemulihan Perubatan melalui kaedah laluan PSL di gred lantikan U41.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan daripada pihak Kementerian dalam menghadapi peningkatan semula kes COVID-19, termasuk penularan varian baharu jenis XBB.1.16 atau Arcturus baru-baru ini, sama ada langkah pencegahan atau SOP yang lebih ketat bakal dilaksanakan semula.

NO. SOALAN: 73

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. XBB.1.16 atau Arcturus adalah *sublineage* XBB yang terbentuk hasil rekombinan *sublineage* BA.2.10.1 dan BA.2.75. *Sublineage* ini masih tergolong dalam famili varian Omicron.

2. Penilaian risiko peringkat global melaporkan risiko jangkitan dan keterukan kes yang disebabkan oleh XBB.1.16 adalah lebih rendah berbanding *sublineage* lain yang telah dilaporkan sebelum ini. Sedikit peningkatan yang dilaporkan adalah disebabkan oleh kadar kebolehjangkitan yang lebih tinggi dan kerintangan imun dalam kalangan komuniti yang berkurangan.

3. Walaupun Malaysia telah mengenal pasti *sublineage* XBB.1.16 sejak bulan Mac 2023, keadaan jangkitan COVID-19 masih lagi terkawal dan tidak membebankan kapasiti kesihatan di klinik dan hospital. Justeru, masih belum ada keperluan bagi melaksanakan semula langkah kawalan dan pencegahan atau SOP yang lebih ketat pada ketika ini.

4. Namun begitu, pihak KKM sentiasa bersiapsiaga menghadapi sebarang peningkatan kes COVID-19 dan antara langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

(i) Meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan, jangkitan serius serta kematian.

(ii) Mengukuhkan pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan. Perkara ini dilaksanakan melalui pendekatan *FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate and Support)* yang diautomasikan.

(iii) Memastikan semua klinik kesihatan dan hospital bersedia menerima kedatangan yang tinggi bagi membuat penilaian terhadap pesakit yang disahkan positif jangkitan COVID-19.

(iv) Pemberian ubat antiviral Paxlovid® kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi di Klinik Kesihatan, hospital kerajaan, dan fasiliti kesihatan swasta yang dikenal pasti, bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit.

(v) Melaksanakan aktiviti survelan melibatkan lokasi sentinel *influenza-like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI) serta persampelan air kumbahan dari lokasi yang dikenal pasti di seluruh negara. Ia turut disokong dengan aktiviti penjujukan genom (*Whole Genome Sequencing*, WGS) bagi mengesan varian baharu COVID-19.

(vi) Menggerakkan pasukan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) di peringkat negeri dan daerah bagi memberikan perkhidmatan sokongan kesihatan mental dan emosi kepada individu serta anggota keluarga serta petugas kesihatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

(vii) Menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di semua peringkat. MyCHAMPION atau *Malaysian Health Community Agent* merupakan satu platform kolaborasi merentasi pelbagai kementerian, organisasi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan strategik. Ia berperanan membantu KKM dalam advokasi aktiviti kesihatan di peringkat komuniti.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam mengatasi masalah kebersihan dan penyelenggaraan sekolah yang kurang murid tetapi mempunyai kawasan yang besar, namun dikurangkan jumlah pekerja pembersih (*cleaner*).

SOALAN NO : 74

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendefinisikan SKM sebagai sekolah yang berenrolmen 150 orang murid dan ke bawah. Data seperti pada 30 April 2023 menunjukkan terdapat 3,049 buah sekolah rendah yang mempunyai enrolmen 150 orang murid dan ke bawah yang menepati definisi SKM di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, norma bagi perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) telah ditambah baik pada 1 Januari 2020 berbanding norma pada tahun sebelumnya. Norma tersebut telah menetapkan bilangan pekerja bagi Sekolah Kurang Murid (SKM) adalah seramai dua orang (bagi SKM tanpa asrama) atau tiga orang (bagi SKM berasrama). Walau bagaimanapun, bagi sekolah yang tidak dikategorikan sebagai SKM, penetapan bilangan pekerja adalah mengikut butiran keluasan, bilangan blok, kubikel tandas dan sesi persekolahan.

Pada masa ini, KPM sedang meneliti langkah untuk menambah baik norma perkhidmatan KBK supaya ia lebih komprehensif dan konklusif dengan mengambil kira aspek keluasan dan infrastruktur bangunan. Langkah ini bertujuan untuk menjamin perkhidmatan KBK yang diberikan adalah bersesuaian dengan bilangan pekerja dan menepati tahap kualiti kebersihan yang ditetapkan.

KPM sentiasa prihatin terhadap hal ehwal kebajikan murid termasuklah persekitaran pembelajaran yang bersih dan ceria. Di samping itu, KPM turut akan memastikan kontrak pembersihan yang dilaksanakan oleh kontraktor dilantik akan sentiasa menjamin hak serta kebajikan pekerja yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pembinaan Rumah Mampu Milik di Sungai Sepuluh, Paloh dan minta apakah kaedah penjualan rumah mampu milik tersebut agar orang tempatan benar-benar dapat memiliki.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat satu (1) projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang sedang dalam peringkat pembinaan di Parlimen Sembrong iaitu Rumah Malaysia Disewa (RMS) Sembrong. Projek perumahan ini tidak dibuka untuk jualan kerana Kerajaan telah menetapkan PPR ini berkonsepkan sewaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 400 unit rumah kluster satu tingkat. Sehingga 30 April 2023, kemajuan fizikal di tapak adalah 9.59% berbanding dengan jadual 16.93%. Kementerian akan sentiasa memantau bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada penghujung 2025.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 76

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN (BACHOK)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menggilap bakat belia tempatan dalam industri digital kreatif ke peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memandang serius usaha-usaha menggilap bakat belia tempatan dalam industri digital kreatif dan sentiasa memberikan kerjasama erat kepada Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) yang menjadi peneraju kepada industri ini.

Satu usaha penting yang dilaksanakan KBS pada tahun ini untuk mencungkil potensi anak muda dalam lapangan digital kreatif ialah melalui inisiatif nafas baharu Rakan Muda yang memperkenalkan gaya hidup Rakan Digital, Rakan Muzik dan Rakan Ekspresi.

Melalui inisiatif nafas baharu Rakan Muda, memfokuskan untuk mendekati minat anak muda dengan memberi penumpuan kepada penyerlahan kreativiti dan pengembangan bakat belia menggunakan elemen teknologi dan platform digital. Penglibatan secara total golongan anak muda dan komuniti setempat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti meliputi kegiatan sosial, budaya, kemahiran yang dilaksanakan melalui Gaya Hidup Rakan Muda telah membuktikan bahawa Rakan Muda adalah satu program ikonik bagi anak muda.

Inisiatif ini dapat membina karakter dan pembangunan positif anak muda melalui aktiviti berbentuk pemantapan minda, pembangunan fizikal dan peningkatan kerohanian serta menerapkan semangat kebersamaan dan perpaduan yang utuh. Gaya Hidup yang diperkenalkan di bawah konsep Madani ini merupakan gabungan Gaya Hidup Rakan Muda sedia ada dan juga Gaya Hidup baharu yang disesuaikan dengan minat dan kehendak anak muda masa kini serta ditambah dengan elemen teknologi dan inklusif.

Program yang dirancang memberi peluang untuk anak muda meningkatkan potensi diri dan dalam masa sama membina kerjaya bersesuaian dengan minat dan kreativiti mereka. Antara tumpuan yang diberikan termasuk pelaksanaan kursus-kursus kemahiran media sosial dan rekaan grafik, aktiviti intelektual yang diekspresikan melalu lisan, penulisan dan aktiviti seni muzik, suara mahupun bakat semula jadi. Sebanyak 15 program dirangka merangkumi lebih 450 aktiviti dengan penglibatan lebih 50,000 orang peserta di pelbagai peringkat sama ada di daerah, negeri mahupun kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain Bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan bagi mengekang isu ulat tiket bagi tiket kapal terbang serta perancangan Kementerian bagi meletakkan harga syiling tiket penerbangan terutama pada musim perayaan.

NO. SOALAN : 77

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan terutamanya semasa musim perayaan.

2. Pengguna disarankan untuk berwaspada dan membeli tiket penerbangan daripada sumber yang boleh dipercayai dan terkawal seperti pembelian secara terus di laman web syarikat-syarikat penerbangan.

3. Walaupun pengguna boleh membeli tiket melalui *Online Travel Agents* (OTA) dan *Physical Travel Agents* (PTA) yang berdaftar, sesetengah platform tempahan ini beroperasi dari luar negara dan OTA dan PTA tersebut tidak dikawal oleh undang-undang Malaysia.

4. Berhubung mekanisme pengawalan harga tambang penerbangan, penetapan harga tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

5. Walaubagaimanapun, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju supaya Kerajaan melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehala bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak/Wilayah Persekutuan Labuan sempena perayaan Pesta Kaamatan yang disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023.

6. Kementerian Pengangkutan telah berunding dengan syarikat-syarikat penerbangan di mana Kerajaan membeli semua baki tiket penerbangan sehala dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Labuan semasa tempoh tiga hari perjalanan sebelum tarikh sambutan kedua-dua perayaan tersebut.

7. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak/Labuan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300. Harga ini tidak termasuk cukai dan fi.

8. Anggaran kos keseluruhan bagi bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Labuan sempena musim perayaan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2023 adalah sebanyak di antara RM5.8 juta hingga RM11.4 juta meliputi bayaran perolehan baki tiket penerbangan dan bayaran sewa khas penerbangan.

9. Pemberian bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Labuan sempena musim perayaan ini diharapkan dapat mengurangkan beban kewangan pengguna yang ingin pulang ke kampung halaman sempena perayaan Pesta Kaamatan/Hari Gawai 2023.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN:

YB TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya terdapat program perumahan untuk warga emas (dan sekiranya tiada, adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk menjalankan *pilot test* di kawasan-kawasan tertentu).

SOALAN NO : 78

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa peka dan prihatin dengan keperluan perumahan bagi rakyat termasuk warga emas. Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk warganegara yang berusia lebih 60 tahun berada dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negara. Berdasarkan Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2022 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 7.0 peratus kepada 7.3 peratus bagi tempoh yang sama.

Menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR), pemilihan dan pengisian PPR sentiasa memberikan keutamaan kepada permohonan dalam kalangan warga emas. Golongan ini akan ditempatkan di aras bawah yang dilengkapi dengan reka bentuk piawaian yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan fizikal warga emas. Sebagai contoh, kedudukan suis elektrik yang rendah, saiz keluasan pintu yang lebih besar dan kemasan lantai bilik air yang tidak licin.

Selain itu, KPKT sedang melaksanakan Kajian Rintis Pelaksanaan Perumahan Persaraan di Malaysia bagi golongan emas yang telah bersara dan mencari persekitaran yang mengalakkan penglibatan mereka dalam aspek sosial. Perumahan persaraan menawarkan pilihan perumahan, kemudahan dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan warga emas. Kajian ini antara lain merangkumi prospek pasaran perumahan persaraan, trend pemajuan perumahan persaraan, pembiayaan dan pengoperasian perumahan persaraan secara lestari. Kajian ini dijangka akan membantu Kerajaan di dalam menyediakan polisi berkaitan kediaman kepada warga emas yang masih boleh berdikari.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD (BAGAN SERAI)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD (BAGAN SERAI) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

(a) apakah kemahiran yang diberikan fokus oleh pihak Kementerian terhadap penduduk luar bandar; dan

(b) adakah ia ditentukan oleh Kementerian ataupun meraikan minat dan kebolehan penduduk setempat.

SOALAN NO : 79

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan kemahiran masyarakat luar bandar dilaksanakan oleh KKDW khususnya melalui Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) atau dikenali sebagai TVET@KKDW. Terdapat sebanyak 280 institusi Pendidikan TVET@KKDW di seluruh negara yang menawarkan sebanyak 529 program pendidikan TVET. Terdapat 15 kluster bidang kemahiran yang diberikan fokus oleh KKDW antaranya Keusahawanan & Teknousahawan, Pertanian & Agrikultur, Elektrik & Elektronik dan Minyak & Gas.

Selain itu, KKDW juga menyediakan pendidikan kemahiran yang memberi fokus kepada peningkatan kemahiran yang memenuhi keperluan semasa serta dapat diaplikasi bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui program latihan seperti latihan kemahiran jangka pendek dalam 6 bidang utama iaitu jahitan, masakan, dandanan diri, seni tangan, pertanian serta kemahiran komputer dan alatan teknologi terkini melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Bidang kemahiran yang diberikan fokus oleh KKDW ini adalah bidang-bidang yang mampu meningkatkan kebolehan serta kemahiran, bersesuaian dengan keperluan penduduk setempat dan industri. Ini bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih luas kepada peserta disamping melahirkan usahawan dikalangan peserta, yang mana sekaligus akan mewujudkan penciptaan pekerjaan (job creater) kepada masyarakat setempat. Melalui kemahiran serta bimbingan latihan yang diterima, secara tidak langsung ia memberi nilai tambah kepada pembangunan sosio-ekonomi setempat.

Dalam hal ini, sebanyak 710 kursus ditawarkan oleh GIATMARA yang dilaksanakan di seluruh negara berdasarkan keperluan masyarakat setempat dan bersesuaian dengan permintaan pihak

industri. Manakala dalam pendidikan kemahiran pula, KKDW melalui KEMAS menawarkan tiga (3) program persijilan mengikut tahap iaitu tahap 1 hingga tahap 5 di bawah dua (2) Pusat Bertauliah KEMAS dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) pula menawarkan sebanyak tujuah (7) kursus pada peringkat sijil dan enam (6) kursus pada peringkat diploma di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH), tujuh (7) kursus kemahiran di Kolej KEDA dan lima (5) kursus kemahiran di Kolej KETENGAH.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, bidang-bidang kemahiran ini ditentukan berdasarkan kegiatan ekonomi masyarakat luar bandar itu sendiri yang cenderung kepada bidang-bidang tersebut dan seiring dengan kebolehan penduduk setempat. Tambahan lagi, bidang-bidang yang ditawarkan mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kebolehpasaran kumpulan sasar, sekaligus dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar.

Ia juga mengambil kira perancangan strategik yang telah digariskan bagi mencapai objektif dan matlamat luar bandar sejahtera melalui pelaksanaan program yang menyeluruh kepada kumpulan sasar. Hal ini membuktikan bahawa program-program yang dilaksanakan di KKDW selari dengan minat dan kebolehan yang ada pada komuniti setempat di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 80

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untuk memperincikan pelan Kementerian untuk memindahkan pentadbiran Pelabuhan Bintulu dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Sarawak berdasarkan semangat MA63.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kementerian telah menerima surat permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pertukaran status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan dan sedang berada di dalam perhatian dan penelitian pihak Kementerian.

2. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan sedang meneliti dan menelusuri perkara ini secara teratur dan berhemah agar tindakan sewajarnya dapat ditentukan bagi menjamin kesejahteraan dan objektif pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan Negeri Sarawak terjaga.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 81

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha dan dasar atau polisi yang digunapakai oleh KPM untuk mengurus kekosongan guru dan permohonan pertukaran guru.

SOALAN NO : 81

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu kekosongan guru di semua sekolah KPM seluruh negara. KPM menerusi pengumumun yang dibuat semasa sambutan Hari Guru 2023, telah menyatakan komitmen untuk terus memperkasa kaedah yang lebih strategik dalam urusan pengambilan guru baharu bagi mengisi kekosongan di sekolah. Ini termasuklah mempertingkat sinergi dan kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Melantik (Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan) serta agensi pusat yang berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Beberapa kaedah dan pendekatan strategik telah dipersetujui dan akan dilaksanakan termasuk peluasan kluster mata pelajaran bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru.

Pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara bagi mata pelajaran kritikal dan sukar mendapat calon dari Universiti Awam seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Rekabentuk dan Teknologi dan Pendidikan Islam.

Sekiranya pelbagai kaedah strategik yang dilaksanakan masih gagal memenuhi kekosongan maka pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun

Dalam aspek pertukaran guru pula, KPM sentiasa prihatin dalam memastikan kebajikan guru diberi keutamaan tanpa menjejaskan kepentingan perkhidmatan pendidikan apabila permohonan pertukaran dibuat oleh guru.

SOALAN NO : 81

Sehubungan dengan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil. 7/2021: Pelaksanaan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional bertarikh 23 September 2021. SPI tersebut turut menyertakan Garis Panduan Permohonan Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Sekolah dan Kolej Vokasional sebagai rujukan kepada Pengetua/Guru Besar dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat di sekolah dan kolej vokasional bawah KPM untuk memastikan urusan pertukaran PPP dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Berdasarkan kepada garis panduan tersebut, KPM telah menetapkan tiga prinsip asas pertukaran iaitu kekosongan jawatan, keperluan opsyen serta kepentingan dan keperluan perkhidmatan dan pertimbangan kemanusiaan. Dalam hal ini, permohonan pertukaran boleh dibuat berdasarkan kepada beberapa kategori iaitu:

i. kategori kesihatan;
ii. kategori keselamatan;
iii. kategori mengikut pasangan; dan
iv. kategori lain-lain.

Oleh yang demikian, pertimbangan permohonan pertukaran guru dibuat berdasarkan kepada prinsip asas dan kategori permohonan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian melihat pemilikan rumah di atas harga RM150,000 sesuai dibina di kawasan luar bandar, sekiranya sesuai, adakah proses pinjaman perumahan dipermudahkan.

SOALAN NO : 82

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) bermula tahun 2019. Melalui DRMM ini, Kerajaan telah memperkenalkan dan menetapkan harga siling Rumah Mampu Milik (RMM) pada RM300,000. Walau bagaimanapun, harga siling RMM ini turut tertakluk kepada dasar perumahan di peringkat negeri.

KPKT melaksanakan Pemetaan RMM yang dibuat berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan laporan yang terkini dikeluarkan pada tahun 2019. Kaedah ini menggunakan median pendapatan rakyat mengikut daerah bagi kaedah pengukuran RMM berdasarkan metadologi gandaan median (*median multiple*). Pemetaan ini dapat membantu pemaju mengenal pasti harga jualan rumah yang sesuai di sesuatu lokaliti. Ini kerana, kesesuaian harga rumah adalah berbeza memandangkan pendapatan median antara negeri dan daerah adalah berbeza.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini terdapat dua (2) program perumahan yang akan terus dilaksanakan oleh KPKT bagi membantu golongan sasaran B40. Program tersebut merangkumi Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Di bawah program perumahan PPR, KPKT memperkenalkan skim *Rent-to-Own* (RTO) iaitu merupakan skim pembiayaan mudah khusus bagi membantu pemilikan rumah golongan berpendapatan B40 yang telah ditawarkan unit PPR tapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

SOALAN NO : 82

Program RMR di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menawarkan pemohon yang berkelayakan dan memiliki tanah sendiri untuk membina rumah dengan harga RM75,000 hingga RM106,500 dengan subsidi Kerajaan berjumlah RM20,000, manakala baki RM55,000 hingga RM86,500 dibiayai melalui pinjaman yang ditawarkan oleh SPNB dengan bayaran balik ansuran yang lebih rendah.

Seterusnya, untuk terus membantu golongan sasar ini memiliki rumah, KPKT dengan kerjasama Kementerian Kewangan pada tahun 2022 telah melancarkan program i-Biaya. Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) adalah salah satu produk di bawah i-Biaya. Melalui Belanjawan MADANI 2023, SJKP bersedia menjamin nilai pinjaman sehingga RM5 billion bagi memanfaatkan 20,000 peminjam perumahan, khususnya pembeli rumah pertama. Jaminan Kerajaan ini adalah bagi membantu peminjam yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diturunkan ke Majlis Perbandaran Sandakan bagi kerja-kerja pembersihan parit, potong rumput dan menaik taraf jalan-jalan taman perumahan yang telah mengalami kerosakan dan apa tindakan Kementerian.

SOALAN NO : 83

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyalurkan bantuan melalui pelaksanaan projek-projek berskala kecil BP1 yang meliputi skop projek infrastruktur, kemudahan awam, sosio-ekonomi dan keselamatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Salah satu projek di bawah skop infrastruktur termasuklah projek menaik taraf kemudahan asas rakyat seperti jalan dan longkang.

Bagi tahun 2023, KPKT telah meluluskan beberapa projek jalan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Sandakan seperti:

i. menurap semula jalan rosak di kawasan perumahan Taman Airport Batu 7 sebanyak RM500,000; dan

ii. membaik pulih jalan konkrit di dalam kawasan Terminal Bas Bersepadu, juga sebanyak RM500,000.

Sehubungan itu, sekiranya terdapat sebarang keperluan, PBT boleh mengemukakan permohonan peruntukan tersebut mengikut skop BP1 untuk pertimbangan KPKT selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG] minta**MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan terperinci Kementerian khususnya menjelang temasya Olimpik Paris 2024 dan Los Angeles 2028 serta pembentukan pasukan Road to Gold (RTG).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian telah mengumumkan pembentukan Projek Road to Gold dengan objektif untuk menyelaras usaha negara bagi meraih pingat emas pertama di pentas Sukan Olimpik. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan bersama-sama Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Jawatankuasa ini bekerjasama dengan Program Podium sedia ada dengan memberi tumpuan kepada program persediaan atlet elit meliputi latihan harian, latihan di luar negara termasuk lebih pendedahan kepada pertandingan dalam dan luar negara, penyediaan khidmat jurulatih, kakitangan sokongan, perkhidmatan sains sukan dan perubatan serta

program bina diri. Pemilihan atlet-atlet adalah berdasarkan kepada kriteria ketat seperti berikut:

(i) Pemenang pingat di Temasya Sukan Olimpik 2020; dan
(ii) Ranking 10 Dunia.

Projek RTG memberi tumpuan kepada dua kitaran Sukan Olimpik iaitu Sukan Olimpik Paris 2024 dan Sukan Olimpik Los Angeles 2028. Ini memandangkan jangkaan lima tahun merupakan tempoh untuk menyediakan seseorang atlet di tahap prestasi terbaik bagi saingan peringkat antarabangsa dan ini selari dengan objektif utama Projek RTG untuk memenangi pingat emas pertama negara di pentas Sukan Olimpik.

Berdasarkan kepada semua kriteria yang ditetapkan, sehingga kini seramai 15 atlet telah disenaraikan di bawah program ini dan bilangan ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada prestasi dipamerkan.

Di samping itu, bagi memastikan matlamat emas pertama ini tercapai, Sekretariat RTG sedang menyediakan rangka kerja jangka pendek dan jangka panjang bagi persiapan ke Sukan Olimpik Paris 2024 dan Sukan Olimpik Los Angeles 2028. Tumpuan akan diberikan kepada aspek sokongan tambahan seperti peningkatan bilangan pendedahan latihan dan pertandingan antarabangsa, perkhidmatan sokongan sains sukan dan teknologi dari dalam atau luar negara serta peralatan sukan yang terkini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

(a) apakah pihak Kementerian masih komited untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah dan juga berkualiti bagi membantu golongan B40. Hal ini berikutan hasil Kajian Sentimen Pengguna Separuh Kedua 2022 PropertyGuru Malaysia mendapati 51 peratus responden menyatakan mereka tidak layak memohon skim perumahan mampu milik Kerajaan dan tidak mampu untuk membeli hartanah tanpa bantuan kewangan; dan

(b) apakah strategi pihak Kementerian bersama intitusi kewangan dalam mempermudahkan urusan B40 dan M40 dalam mendapatkan bantuan kewangan bagi menyelesaikan lambakan rumah mampu milik yang berharga RM300,000 ke atas ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini Kerajaan kekal komited untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) kepada rakyat. Antara usaha Kerajaan berkaitan komitmen ini adalah melalui pelaksanaan tiga (3) program perumahan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi golongan B40 di seluruh negara termasuk golongan anak muda. Program tersebut adalah Program Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Belia Madani (RBM).

Sehingga 30 April 2023, sebanyak 159 projek PPR dengan 99,296 unit rumah telah siap dibina, 9,737 unit dalam pembinaan serta 6,240 unit dalam perancangan. Bagi RMR pula, sebanyak 56,410 unit rumah siap dibina di seluruh negara, 4,950 unit dalam pembinaan dan 380 unit rumah dalam perancangan. Selain itu, KPKT juga sedang merancang pembinaan RBM di kawasan Lembah Klang. RBM yang pertama akan dibangunkan di Mukim Batu, Sentul melibatkan 1,048 unit rumah.

Bagi menggalakkan pemilikan dalam kalangan rakyat, KPKT telah memperkenalkan skim *Rent-to-Own* (RTO) bagi program perumahan PPR yang merupakan skim pembiayaan mudah khusus bagi membantu pemilikan rumah golongan B40 yang telah ditawarkan unit PPR tetapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Selain itu, program RMR yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) mampu memberi manfaat kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran bagi membina rumah kediaman. Kedua-dua program tersebut adalah program perumahan subsidi bersasar, di

mana Kerajaan menanggung subsidi bagi memastikan golongan tersebut dapat memiliki rumah.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah memperkenalkan pembiayaan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) melalui Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya) dengan kerjasama Kementerian Kewangan pada tahun 2022 dan inisiatif ini telah diteruskan di bawah Belanjawan MADANI 2023. SJKP ini merupakan inisiatif yang menawarkan pembiayaan perumahan kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau kumpulan gig ekonomi. Melalui Belanjawan MADANI 2023, SJKP bersedia menjamin nilai pinjaman sehingga RM5 billion yang akan memberikan manfaat kepada 20,000 peminjam perumahan, khususnya pembeli rumah pertama.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha serta langkah Kementerian untuk menerapkan nilai Malaysia Madani ke dalam sistem pendidikan negara.

SOALAN NO : 86

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep Malaysia Madani berteraskan kepada enam nilai teras iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAt), N (keyakiNan) dan I (Ihsan). Konsep Malaysia Madani juga mengangkat pendidikan sebagai salah satu daripada enam elemen utama yang mana antara perkara yang ditekankan adalah pemikiran kritis dan kreatif, pendidikan pembangunan sahsiah dan karakter, mengukuhkan perpaduan dan mengurangkan jurang dalam pendidikan.

Konsep Malaysia Madani adalah seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) yang sedang dilaksanakan oleh KPM. PPPM 2013 – 2025 telah menggariskan lima Aspirasi Sistem yang merangkumi Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan. Tujuan utama transformasi pendidikan ini adalah untuk memastikan semua kanak-kanak yang berumur persekolahan tanpa mengira lokasi, status ekonomi dan jantina mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti dan saksama bagi melahirkan warga Malaysia yang mempunyai nilai, keterampilan dan kesejahteraan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pada masa yang sama, KPM juga telah membangunkan 7 Teras Nadi Keunggulan KPM bagi memastikan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera. 7 Teras Nadi Keunggulan KPM tersebut memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti; membasmi kemiskinan berbilang dimensi B40 iaitu malnutrisi, peranti dan ruang belajar; keciciran pendidikan dan masalah literasi serta merapatkan kesenjangan pendidikan; komunikasi berkesan; kebajikan guru sebagai teras keberkesanan penyampaian, ubah suai dan naik taraf sekolah daif; dan peningkatan keupayaan pendidikan digital di sekolah.

SOALAN NO : 86

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penekanan kepada aspek karamah insaniah diterap dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan di luar bilik darjah iaitu semasa menjalankan aktiviti kokurikulum. Aspek karamah insaniah yang diperkenalkan ini adalah untuk membentuk modal insan yang seimbang dan cemerlang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara dan berpandukan ajaran agama.

Pelaksanaan 7 teras ini yang turut menyokong konsep Malaysia Madani adalah bersifat pelengkap kepada inisiatif PPPM 2013 – 2025 sedia ada yang dilaksanakan oleh KPM. KPM yakin usaha berterusan ini mampu meningkatkan kualiti dan tahap pendidikan negara dengan dokongan dan sokongan semua pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab penyelenggaraan lebuh raya yang dilakukan semasa musim perayaan sehingga mengakibatkan kesesakan luar biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap kali musim perayaan, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan mengeluarkan “Arahan Pemberhentian Sementara Kerja Penyenggaraan” bagi mengelakkan berlakunya kesesakan akibat penutupan lorong semasa kerja pembaikan dijalankan. Untuk perayaan Hari Raya Aidilfitri 2023, “Arahan Pemberhentian Sementara Kerja Penyenggaraan” telah dikeluarkan bermula daripada 19 April 2023 sehingga 1 Mei 2023 selaras dengan jangkaan peningkatan trafik berdasarkan tarikh cuti persekolahan.

Mengenai kesesakan yang dilaporkan berlaku di Lebuhraya KL Karak pada 18 April 2023, kejadian berkenaan adalah disebabkan oleh pelaksanaan kerja pembaikan turapan jalan oleh syarikat konsesi Anih Berhad yang telah dijadualkan dalam perancangan kerja pembaikan. Kesesakan ini adalah luar biasa disebabkan oleh jumlah trafik yang sangat tinggi dan di luar jangkaan, di mana pihak LLM dan pihak syarikat konsesi hanya menjangkakan jumlah trafik akan mula meningkat mulai 19 April 2023 sejajar dengan tarikh cuti persekolahan. Berikutan kejadian kesesakan berkenaan, LLM telah mengeluarkan arahan terkini supaya kerja penyenggaraan diberhentikan serta merta mulai 18 April 2023 sehingga 7 Mei 2023 agar kejadian seumpama ini tidak berulang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE (BATANG SADONG)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE (BATANG SADONG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan secara terperinci berapa jumlah usahawan wanita yang telah dibantu di bawah inisiatif MyKasih Kapital serta apakah strategi Kementerian dalam memastikan mereka untuk kekal berdaya saing dan mampu berusaha mengembangkan perniagaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program MyKasih Kapital telah dimulakan sejak bulan April 2021 yang bertujuan memperkasa wanita dengan melatih dan memberi sokongan kepada mereka bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan seterusnya menjana pendapatan ekonomi keluarga. Sejak dilaksanakan bermula pada tahun 2021 sehingga 30 April 2023, program ini telah memanfaatkan seramai 18,900 wanita.

2. Dalam usaha memastikan peserta MyKasih Kapital untuk kekal berdaya saing dan mampu berusaha mengembangkan perniagaan mereka, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif dan strategi termasuklah:

i. mengadakan kursus asas keusahawanan kepada peserta MyKasih Kapital yang dianjurkan oleh KPWKM dengan kerjasama rakan strategik seperti PERKESO, Usahawan Mentor dan Jabatan/Agensi di bawah KPWKM. Kursus ini merangkumi sesi perkongsian pengalaman, penambahan ilmu termasuk selok-belok perniagaan, kesedaran tentang bantuan dan insentif yang boleh dimanfaatkan oleh wanita;

ii. menggunakan pendekatan bimbingan dan kaunseling serta psiko pendidikan daripada Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS). Pendekatan ini bertujuan untuk meningkatkan jati diri wanita, memberi kesedaran, penerokaan ilmu baharu, sokongan emosi agar dapat membangkitkan daya tahan dan berupaya menjana pendapatan yang lebih baik;

iii. melaksanakan pemantauan kepada peserta yang telah menerima insentif bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan program dan memastikan objektif menjana pendapatan bagi meningkatkan ekonomi keluarga tercapai; dan

iv. mengadakan sesi libat urus, kerjasama strategik dengan Syarikat Korporat, Swasta, NGO dan Jabatan/Agensi Kerajaan bagi melaksanakan program berbentuk keusahawanan dan latihan kemahiran kepada peserta program MyKasih Kapital.

3. KPWKM mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk mengenalpasti lebih ramai usahawan wanita yang boleh dibantu melalui inisiatif MyKasih Kapital.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan isu beban tugas guru (bukan pengajaran) yang amat merumitkan dan memakan masa yang banyak. Guru-guru di seluruh negara telah menyuarakan isu ini kerana perkara ini menganggu fokus pengajaran mereka. Apakah langkah Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengatasi isu beban tugas guru (bukan pengajaran).

SOALAN NO : 89

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menjamin kesejahteraan guru termasuk usaha untuk mengurangkan beban tugas di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang diperkenalkan, KPM memberi perhatian kepada isu kebajikan guru secara khusus di bawah Teras 5: Kebajikan Guru Sebagai Teras Keberkesanan Penyampaian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;
ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023;
iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023;
iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023;
v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023;
vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023; dan
vii. mengeluarkan pemakluman Autonomi Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Proses Pembelajaran dan Pengajaran di dalam Bilik Darjah bertarikh 20 Mac 2023.

SOALAN NO : 89

Selain inisiatif Teras 5 yang dilaksanakan oleh KPM bagi mengurangkan beban tugas guru, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara yang ditambah baik untuk memperkasa kebajikan guru. Antara perkara yang secara langsung dapat mengurangkan tugas guru adalah dengan memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi dengan segera. KPM akan terus memastikan keperluan guru dipenuhi melalui pengisian kekosongan perjawatan guru di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di samping itu, KPM juga berusaha meminimumkan tugasan pengurusan dan pentadbiran bukan profesional dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

KPM turut mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak berkepentingan termasuk Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB) bagi mendapatkan maklum balas untuk menentukan perancangan KPM dalam mengatasi isu beban tugas guru.

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru diutamakan melalui pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

RJM55

NO. SOALAN: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai pakar perubatan ditempatkan di Sabah dan Sarawak, selain mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang kesihatan dan perubatan untuk anak muda di wilayah berkenaan.

NO. SOALAN: 90

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan gagasan Malaysia Madani dan Perjanjian Malaysia 1963, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha meningkatkan mutu dan keupayaan sistem penjagaan kesihatan di Sabah dan Sarawak khususnya perkhidmatan kepakaran.

2. Dari aspek sumber manusia, setakat 31 Mac 2023, seramai 503 pakar perubatan (7.3 peratus) ditempatkan untuk berkhidmat di Sabah dan seramai 539 pakar perubatan (7.8 peratus) ditempatkan untuk berkhidmat di Sarawak berbanding dengan keseluruhan 6,912 Pakar Perubatan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Selain itu, seramai 62 pegawai perubatan pra-warta ditempatkan di Sabah dan 59 pegawai perubatan pra-warta ditempatkan di Sarawak bagi melaksanakan skop kepakaran di bawah seliaan pakar perubatan serta dikekalkan di Sabah dan Sarawak selepas pewartaan kepakaran.

3. Selain itu, antara langkah untuk meningkatkan bilangan pakar perubatan di Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

(i) menempatkan pakar perubatan berkhidmat sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) tahun bagi menyampaikan perkhidmatan dalam lingkungan hospital kluster di Sabah dan Sarawak;

(ii) melantik semula pakar perubatan kontrak berdasarkan bidang kepakaran kritikal yang diperlukan di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini terdapat 5 pakar perubatan kontrak yang berkhidmat di Sabah dan 2 pakar perubatan kontrak yang berkhidmat di Sarawak;

(iii) menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan kelahiran Sabah dan Sarawak memohon dan mengikuti program kepakaran sama ada di bawah Program Sarjana Perubatan dengan cuti belajar dan Hadiah Latihan Persekutuan atau

melalui program *parallel pathway* (dengan izin); dan

(iv) menggalakkan perkongsian perkhidmatan kepakaran di fasiliti awam dan swasta termasuk melaksanakan aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) (dengan izin). Dalam tempoh tiga (3) tahun mulai tahun 2020 hingga tahun 2022, sejumlah RM32 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan penyumberluaran di Sabah dan Sarawak.

4. Bagi menarik lagi minat pakar perubatan untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah menambah insentif seperti berikut:

(i) Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Labuan (BIPP). Kadar bayaran insentif ini adalah mengikut lokasi fasiliti. Fasiliti yang terletak di kawasan bandar layak menerima bayaran insentif antara RM500 hingga RM2,000 sebulan, manakala fasiliti kesihatan di kawasan luar bandar, pakar perubatan layak menerima bayaran insentif antara antara RM1,000 hingga RM2,500 sebulan;

(ii) Bayaran Insentif Wilayah pada kadar 12.5 hingga 25 peratus daripada gaji bulanan;

(iii) Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (BIMLTK) kepada Pegawai Perubatan (termasuk pegawai perubatan pra-warta) yang berkhidmat di fasiliti kesihatan di kawasan pedalaman yang diluluskan. Kadar bayaran insentif ini adalah antara RM500 hingga RM1,500 sebulan;

(iv) Bayaran Insentif Pedalaman bagi pegawai pada kadar 10 peratus daripada gaji bulanan; dan

(v) Bayaran Insentif Pakar pada kadar diantara RM1,900 hingga RM3,100 sebulan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM (SERIAN) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilangan dan kos Projek Bina Baru dan Projek Baik Pulih Rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) untuk Kawasan Parlimen Serian bagi tahun 2023 sehingga 2025.

SOALAN NO : 91

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh suku tahun pertama tahun 2023, sebanyak 8 projek bina baharu dan 20 projek baik pulih rumah telah diluluskan untuk Daerah Serian. Ia melibatkan peruntukan berjumlah RM972 ribu. Kementerian masih lagi menyelaras permohonan bina baharu dan baik pulih rumah dengan Kementerian Industri Makanan, Komoditi Dan Pembangunan Wilayah (M-FICORD), Sarawak untuk pelaksanaan agihan pelaksanaan pada tahun semasa di Sarawak.

Sebagai makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2023, sebanyak RM105 juta telah diluluskan untuk Wilayah Sarawak di bawah Program Bantuan Rumah. Jumlah ini merangkumi 22.82 peratus daripada keseluruhan peruntukan dibawah program yang sama bagi seluruh negara.

Bagi cadangan peruntukan sehingga tahun 2025, agihan projek masih lagi belum diputuskan dan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan menetapkan jumlah peruntukan di bawah program ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang didirikan di atas tanah rezab Melayu hanya diberikan kepada rakyat Bumiputera sahaja.

NO. SOALAN : 92

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan tapak Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah hasil sesi libat urus Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerajaan negeri. Kerajaan negeri mengemukakan permohonan kepada pihak Kementerian berserta tapak cadangan lokasi milik kerajaan negeri yang bersesuaian bagi tujuan pembinaan PPR. Cadangan yang diberi akan diteliti oleh KPKT berdasarkan keutamaan yang ditentukan oleh kerajaan negeri, kesesuaian tapak dan keperluan penduduk setempat. Namun, kelulusan bagi pelaksanaan projek pembangunan ini adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Ekonomi.

Berdasarkan semakan, sehingga kini tiada PPR dibina di atas tanah Rezab Melayu. Mulai tahun 2023, KPKT akan memberi keutamaan projek PPR kepada kerajaan negeri yang menyediakan tapak tanah secara percuma atau dengan kadar premium nominal.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi meningkatkan aktiviti penterjemahan karya asing ke dalam Bahasa Melayu seiring dengan usaha pembudayaan ilmu dalam kalangan rakyat dalam negara ini.

SOALAN NO : 93

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) yang ditubuhkan pada tahun 1993 telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan aktiviti penterjemahan karya asing ke dalam bahasa Melayu. Sehingga kini, ITBM telah menterjemahkan 2,049 judul buku merangkumi pelbagai bidang/disiplin ilmu sebagai bahan bacaan tambahan kepada murid sekolah, universiti dan masyarakat umum.

Selaras dengan pembentangan Belanjawan 2023 oleh YAB Perdana Menteri, ITBM bersama-sama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Yayasan Karyawan sedang mengambil tindakan dalam menyemarakkan aktiviti terjemahan dan pembudayaan ilmu dalam kalangan masyarakat termasuk:

i. penterjemahan 127 judul karya asing ke bahasa Melayu, 9 judul bahasa Melayu ke bahasa asing dan 16 judul karya asli (berbahasa Melayu). Ini menjadikan jumlah keseluruhan 152 judul baharu meliputi pelbagai bidang akan diterbitkan pada tahun ini;
ii. aktiviti pembudayaan ilmu melalui pembacaan, penawaran sudut bacaan/kios buku di lokasi tumpuan awam/pelancong dan lain-lain dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), syarikat korporat dan sebagainya; dan
iii. aktiviti penulisan dan penerbitan dalam kalangan penulis cilik melalui penganjuran siri Bengkel Penulisan Cerpen (Penulis Cilik) untuk murid sekolah rendah di seluruh negara.

Selain itu, menghidupkan dan menyuburkan pembudayaan ilmu melalui pembacaan, ITBM turut menggerakkan inisiatif membaca dengan penawaran untuk meluaskan akses bagi mendapatkan bahan bacaan berkualiti kepada masyarakat melalui:

i. kerjasama dengan kementerian, jabatan/agensi kerajaan, syarikat korporat, institusi perbankan dan lain-lain untuk menyediakan Sudut Bacaan di tempat-tempat umum seperti lobi Kementerian, premis dan syarikat, perpustakaan, masjid, rumah penjagaan asnaf/anak yatim dan lain-lain lokasi bersesuaian untuk menyuburkan minat membaca, bermula dengan penjawat awam dan masyarakat umum di pelbagai peringkat usia; dan
ii. membekalkan Kios Buku di taman-taman rekreasi awam dan lokasi tumpuan pelancong. ITBM melaksanakan inisiatif ini dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan persekutuan/negeri serta syarikat korporat seperti Perbadanan Putrajaya, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Pos Malaysia dan lain-lain.

KPM yakin langkah yang diambil ini dapat meningkatkan aktiviti penterjemahan karya asing ke bahasa Melayu dan menyemarakkan lagi usaha pembudayaan ilmu dalam kalangan masyarakat sekali gus memperbanyakkan kepustakaan berbahasa Melayu untuk menjadi rujukan dan bacaan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

RJM56

SOALAN NO : 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN (HULU LANGAT)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN (HULU LANGAT) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan adakah Kementerian akan memperkenalkan mekanisme lebih terperinci dan menyeluruh termasuk kuasa penguatkuasaan kepada agensi penguatkuasaan yang lain untuk mengawasi warga emas dan OKU dieksploitasi dalam aktiviti meminta sedekah atau mengutip derma atas nama jualan amal seperti yang berleluasa sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk memastikan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) tidak diekploitasi dalam aktiviti meminta sedekah, Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183] telah memberi tafsiran orang papa sebagai:

(a) seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau

(b) seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan

2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan Operasi Menyelamat Orang Papa. Dari tahun 2018 hingga 2022m sejumlah 9,636 orang papa telah diselamatkan. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,186 orang adalah terdiri daripada golongan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas.

3. Orang papa boleh secara sukarela meminta dimasukkan atau diperintahkan Majistret dimasukkan ke suatu rumah kebajikan yang ditubuh dan dikendalikan oleh JKM untuk diberi jagaan, perlindungan dan pemulihan bagi melahirkan individu yang produktif dan berkemahiran ke arah perubahan sikap yang positif untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

4. Selain itu, KPWKM sedang melaksanakan Kajian Semakan Semula Akta Orang Papa 1977 [Akta 183] sedang dilaksanakan KPWKM dengan

kerjasama Pusat Perundingan Universiti Malaya (UMConsult) yang menumpukan objektif berikut:

(a) Mengenalpasti peruntukan sedia ada di dalam Akta 183 yang tidak relevan dan memerlukan pendekatan baharu yang lebih praktikal dan bersesuaian dalam menangani isu gelandangan, pengemisan dan kemiskinan bandar;

(b) Menyediakan cadangan kepada Kerajaan mengenai kandungan, pendekatan dan skop rang undang-undang (RUU) dan pelan tindakan ke arah inisiatif pengendalian isu gelandangan, pengemisan dan kemiskinan bandar meliputi peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

(c) Mengenalpasti peranan kementerian/agensi lain yang terlibat dalam mengendalikan isu-isu berkaitan gelandangan seperti isu masalah mental, penagihan dadah, pelarian atau PATI dan sebagainya; dan

(d) Menggubal satu RUU berkaitan gelandangan, pengemisan dan kemiskinan bandar di mana peranan kementerian/agensi yang terlibat dicadang untuk dinyatakan dengan jelas di dalam draf RUU yang dihasilkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masalah lambakan kerja guru-guru yang menjadi antara penyebab ramai guru pencen awal akibat tekanan kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menjamin kesejahteraan guru termasuk usaha untuk mengurangkan beban tugas di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang diperkenalkan, KPM memberi perhatian kepada isu kebajikan guru secara khusus di bawah Teras 5: Kebajikan Guru Sebagai Teras Keberkesanan Penyampaian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;

ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023;
iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023;
iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023;
v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023;
vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023; dan
vii. mengeluarkan pemakluman Autonomi Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Proses Pembelajaran dan Pengajaran di dalam Bilik Darjah bertarikh 20 Mac 2023.

Selain inisiatif Teras 5 yang dilaksanakan oleh KPM bagi mengurangkan beban tugas guru, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara yang ditambah baik untuk memperkasa kebajikan guru. Antara perkara yang secara langsung dapat mengurangkan tugas guru adalah dengan memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi dengan segera. KPM akan terus memastikan keperluan guru dipenuhi melalui pengisian kekosongan perjawatan guru di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di samping itu, KPM juga berusaha meminimumkan tugasan pengurusan dan pentadbiran bukan profesional dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

SOALAN NO : 95

KPM turut mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak berkepentingan termasuk Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB) bagi mendapatkan maklum balas untuk menentukan perancangan KPM dalam mengatasi isu beban tugas guru.

Di samping itu, KPM juga menyediakan latihan dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi guru untuk memberikan kemahiran pengurusan emosi, kawalan diri dan amalan harian yang positif berdasarkan tahap kesejahteraan psikologi yang dinilai melalui Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi). Selain itu, KPM menyediakan perkhidmatan kaunseling, konsultasi dan advokasi di bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), institut pendidikan guru (IPG) dan kolej matrikulasi oleh Kaunselor Pendidikan. Guru yang memerlukan perkhidmatan ini boleh membuat temu janji menggunakan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Psikologi Kaunseling (e-2PK) manakala ketua jabatan yang ingin merujuk guru untuk mendapatkan bantuan pengurusan emosi, pekerjaan, fizikal, kewangan dan perhubungan juga boleh menggunakan sistem tersebut.

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru diutamakan melalui pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGGAM]**
TARIKH JAWAB	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGGAM] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini 28 Ahli Panel Berkepakaran KPKT termasuklah berapa kali mereka bermesyuarat dan syor yang telah diberikan.

SOALAN NO : 96

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan tujuh (7) fokus untuk diberi keutamaan oleh Kementerian iaitu:

(i) membangun dan memperkasa peranan Kerajaan Tempatan;
(ii) membangun potensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjana sumber pendapatan tambahan negara;
(iii) perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing;
(iv) pemerkasaan komuniti tanpa mengira kaum;
(v) pengurusan sisa pepejal bersepadu yang lebih efektif dan efisyen bagi menghasilkan pelaksanaan ke arah ekonomi kitaran;
(vi) memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu; dan
(vii) memperkukuh kesiapsiagaan kebombaan dan penyelamatan yang sejahtera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT telah melantik seramai 28 orang Ahli Panel Berkepakaran (POE) bagi membantu KPKT merealisasikan pelaksanaan tujuh (7) fokus utama KPKT. Mesyuarat POE yang pertama telah diadakan pada 22 Mac 2023 dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman. Mengambil kira bahawa tujuh (7) fokus utama KPKT adalah luas, mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya diwujudkan tiga (3) Jawatankuasa Kecil di bawah POE iaitu:

i. Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Risiko Bencana *(Local Government and Disaster Risk Management);*

ii. Perumahan (*Housing*); dan
iii. Perbandaran Mampan (Persekitaran, Komuniti dan Pengurusan Sisa Pepejal) [*Sustainable Cities (Environment, Community and Solid Waste Management)]*

Pewujudan tiga (3) Jawatankuasa Kecil berdasarkan kepada tiga (3) kluster utama ini diharapkan akan membolehkan sumbangan idea dan pandangan yang lebih berfokus dan bersistematik. POE akan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau ditetapkan oleh Pengerusi / Pengerusi Ganti. Sementara itu, Ketua Kluster kepada Jawatankuasa Kecil akan menentukan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Kecil iaitu sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan

(a) statistik jumlah pengambilan guru secara *one off* oleh KPM dari tahun 2018-2023; dan
(b) mengapa berlaku kekosongan jawatan guru yang sangat ketara sehingga perlu kepada pengambilan secara *one off* sedangkan KPM pastinya telah membuat unjuran keperluan guru di sekolah-sekolah KPM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan pengisian guru dalam kalangan graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Universiti Awam, Universiti Swasta dan Universiti luar negara tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. Urusan pengambilan dilaksanakan melalui Pihak Berkuasa Melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) yang dijalankan sepanjang tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Pengambilan Khas Guru secara *one-off* bermula pada 20 Jun 2021 sehingga hingga 27 Mei

2022. Dalam tempoh tersebut, seramai 16,381 orang guru telah dilantik iaitu seramai 307 orang guru pada tahun 2021 dan seramai 16,074 pada tahun 2022. Pengambilan melalui kaedah *one-off* merupakan salah satu strategi untuk memastikan isu kekurangan guru dapat diatasi. Beberapa bidang pengkhususan diberi perhatian antaranya adalah Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Matematik dan Sejarah. Ini adalah kerana kekosongan perjawatan adalah tinggi bagi bidang/opsyen tersebut di sekolah KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyediakan unjuran keperluan guru berdasarkan kekosongan perjawatan dan akan sentiasa menyemak data unjuran dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Buat masa kini, urusan temu duga bagi pengambilan guru baharu dijangka bermula pada hujung bulan Jun 2023. Urusan ini akan dilaksanakan oleh SPP bagi mengisi kekosongan di sekolah.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua agensi pembekal latihan seperti institut pendidikan guru yang melatih bagi bekalan sekolah rendah dan prasekolah KPM dan universiti awam bagi bekalan sekolah menengah sentiasa mematuhi unjuran keperluan guru yang ditetapkan oleh KPM. KPM juga sentiasa bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dalam hal-hal berkaitan pengambilan guru baharu khususnya sentiasa menambah baik mekanisme pengambilan guru baharu dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 98

IPEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah justifikasi penolakan mata demerit yang dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan terhadap pemandu kenderaan berat serta apakah peranan Agensi Pengangkutan Awam Darat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Mata Demerit dilaksanakan dengan berasaskan kepada peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 35, 35A, 37 dan 38, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987) dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Mata Demerit) 2017 yang dikawalselia oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

2. Justifikasi utama pelaksanaaan mata demerit yang dilaksanakan sekarang oleh Kerajaan menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) adalah untuk meningkatkan kadar kesedaran dan pematuhan di kalangan pemandu kenderaan motor terhadap peraturan lalu lintas.

3. Pemandu yang kerap melakukan pelbagai kesalahan lalu lintas, termasuk kesalahan tidak mematuhi had laju yang ditetapkan, memotong

di garisan berkembar, menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan kesalahan membawa muatan secara berlebihan, terutama bagi kenderaan berat, serta mempunyai banyak rekod kesalahan lebih cenderung untuk membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

4. Pelaksanaan sistem demerit ini juga boleh membendung seseorang pemandu kenderaan motor itu daripada melakukan kesalahan secara berterusan yang akhirnya boleh menyumbang kepada berlakunya kemalangan serta kehilangan nyawa.

5. Pelaksanaan sistem mata demerit ini adalah juga merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk memastikan pemandu-pemandu kenderaan berat mematuhi had muatan yang dibenarkan agar dapat mengurangkan kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam membaik pulih kerosakkan jalan raya yang berpunca daripada aktiviti membawa lebih muatan.

6. APAD bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau aspek perlesenan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan, kenderaan barangan dan sistem rel di Semenanjung Malaysia

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan dan peruntukan Kementerian untuk menaik taraf bangunan usang serta kemudahan fasiliti klinik-klinik kesihatan di kawasan Parlimen Mas Gading. Apakah ada perancangan untuk kuarters kediaman Klinik Kesihatan Singai yang usang dan tidak digunakan.

NO. SOALAN: 99

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk menambah baik fasiliti klinik kesihatan, termasuklah di dalam kawasan Parlimen Mas Gading. Bagi memastikan pendekatan perancangan adalah holistik, Kementerian ini turut memberikan perhatian kepada penambahbaikan klinik yang daif termasuk menaik taraf infrastruktur dan penggantian sistem kejuruteraan yang sudah tidak selamat, di samping mengambil kira pertambahan klinik kesihatan yang baharu.

2. Untuk makluman, terdapat beberapa faktor yang akan dipertimbangkan sebelum sebarang inisiatif penaiktarafan fasiliti dapat dilaksanakan iaitu:

a) Pertama, pertambahan beban kerja;
b) Kedua, keperluan perluasan perkhidmatan;
c) Ketiga, akses kepada perkhidmatan kesihatan terdekat di sekitarnya; dan
d) Keempat, ketersediaan tapak yang sesuai.

3. Untuk makluman, terdapat dua (2) buah projek naik taraf di klinik kesihatan yang telah selesai pada tahun 2018 dan 2019 di kawasan Parlimen Mas Gading iaitu:

a) Pertama, kerja-kerja naik taraf bangunan klinik dan kuarters di Klinik Kesihatan Serasot dengan kos RM 63,622; dan

b) Kedua, kerja-kerja naik taraf bangunan klinik dan parkir berbumbung di Klinik Kesihatan Singgai dengan kos RM 68,751.70.

4. Dalam usaha untuk menambahbaik fasiliti kesihatan di kawasan Parlimen Mas Gading, buat masa ini, KKM memberi fokus kepada pembangunan KK Biawak baharu (gantian) memandangkan kedudukannya yang jauh daripada Hospital Bau. Klinik baharu tersebut bakal menyediakan perkhidmatan yang komprehensif, termasuklah x-ray, makmal dan farmasi. Projek ini hanya dapat dipohon setelah proses perolehan tanah selesai kelak.

5. KKM mengambil maklum keadaan kuarters kakitangan di KK Singgai yang usang. Walau bagaimanapun, masih terdapat 2 berek yang boleh digunakan. Keperluan kuarters di Singai adalah tidak mendesak memandangkan kakitangan boleh menyewa rumah di Kuching. Namun demikian, KKM tetap akan mengkaji keperluan kuarters ini dari masa ke masa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN WONG CHEN [SUBANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diusahakan oleh Kementerian untuk memastikan ketelusan dalam proses perolehan Pihak Berkuasa Tempatan.

SOALAN NO : 100

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara untuk melaksanakan projek-projek berskala kecil BP1. Bermula tahun 2023, instrumen penilaian projek seperti Pulangan Pelaburan (Return of Investment), Analisis Kos Faedah (Cost Benefit Analysis), Indeks Kesahan dan Kebolehpercayaan (Credibility Reliability Index) dan Kajian Kebolehlaksanaan (Feasibility Study) telah mula dilaksanakan.

Kaedah perolehan yang dilaksanakan adalah secara sebut harga/tender terbuka berdasarkan kaedah perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa di peringkat PBT. Dalam hal ini, KPKT sentiasa membuat pemantauan secara berterusan ke atas projek-projek yang dilaksanakan bagi memastikan peruntukan yang telah disalurkan digunakan untuk projek yang diluluskan mengikut skop BP1.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID (PADANG TERAP)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID (PADANG TERAP) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan keluasan permohonan tanam semula getah yang telah diluluskan pada suku pertama tahun ini mengikut negeri dan apakah langkah bagi memastikan sasaran 20,000 hektar pada tahun 2023 dapat dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat:

1. Permohonan Tanam Semula Getah (TSG) boleh diluluskan sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan.

2. Di dalam Bajet 2023, sejumlah RM191.03 juta diperuntukkan bagi TSG dengan sasaran keluasan 20,000 hektar kebun ditanam semula. Seramai 10,526 pekebun kecil disasarkan menerima manfaat.

3. Setakat 30 April 2023, seluas 6,744 hektar permohonan tanam semula telah diluluskan permohonan daripada seramai 3,549 orang pekebun kecil. Keluasan ini adalah merupakan 53% daripada permohonan yang diterima dengan keluasan 12,659 hektar.

4. Bagi memastikan sasaran dapat dicapai, RISDA telah melaksanakan beberapa inisiatif dan pendekatan baharu. Skop bagi Program Tanam Semula Getah sedia ada telah diperluas dan ditambah baik iaitu permohonan bagi tanah kosong atau tanah selain bertanam getah boleh diluluskan bantuan untuk ditanam getah.

5. Selain itu, RISDA mempergiatkan kempen-kempen Tanam Semula dan Tanam Baharu Getah di seluruh negara secara lebih dekat dengan pekebun kecil melalui media sosial selain penggunaan *bunting* dan *banner* di semua pejabat RISDA peringkat Negeri, Daerah dan Stesen.

6. Program Hari Bersama Pelanggan diadakan dengan lebih kerap di setiap pejabat RISDA peringkat Negeri, Daerah dan Stesen supaya pekebun kecil akan mendapat maklumat yang tepat berkaitan program-program RISDA dan dapat terus mengemukakan permohonan Tanam Semula dan Tanam Baharu Getah.

7. RISDA turut bersama menyertai program-program anjuran Jabatan/Agensi Lain untuk memberikan penerangan dan khidmat nasihat bagi menggalakkan Tanam Semula dan Tanam Baharu Getah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 102

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) data jumlah pesakit buah pinggang yang menjalankan hemodialisis dan jumlah mesin hemodialisis di hospital atau klinik kerajaan dan swasta di Sarawak; dan

(b) apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan kemudahan hemodialisis terutamanya di hospital dan klinik kerajaan di Sarawak.

NO. SOALAN: 102

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan dialisis yang sewajarnya dapat disediakan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar. KKM juga telah memperluaskan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit di pedalaman dengan mewujudkan unit-unit hemodialisis di klinik kesihatan. Negeri Sarawak mempunyai sebanyak 21 unit hemodialisis di hospital KKM dan 4 unit hemodialisis di klinik kesihatan.

2. Jumlah pesakit buah pinggang yang menjalani hemodialisis di negeri Sarawak adalah seramai 3,606 pesakit di mana 1,294 pesakit menjalani rawatan dialisis di hospital kerajaan, 79 pesakit di klinik kesihatan kerajaan, 1,122 pesakit di pusat dialisis swasta dan 1,111 pesakit di pusat dialisis NGO.

3. Jumlah mesin hemodialisis di negeri Sarawak pula adalah, 236 buah mesin di hospital kerajaan, sebanyak 25 buah mesin di klinik kesihatan kerajaan, 142 mesin di pusat dialisis swasta manakala 199 buah mesin di pusat dialisis NGO.

4. Bagi setiap hospital KKM yang dibina baru, fasiliti itu akan turut dilengkapkan dengan unit hemodialisis. Ini akan dapat meningkatkan kapasiti rawatan dialisis, dengan purata pertambahan minimum sebanyak 40-60 pesakit dialisis bergantung kepada peruntukan kewangan, bilangan staf dan shif rawatan.

5. Pada tahun 2023, beberapa projek yang melibatkan unit hemodialisis di negeri Sarawak adalah seperti berikut:

i. Kerja awalan bagi menaiktaraf Unit Hemodialisis Hospital Kanowit;
ii. Perolehan peralatan bagi mesin hemodialisis, kerusi dan meja dialisis di Hospital Sri Aman II;
iii. Pembinaan semula bangunan Hospital Lawas yang dilengkapi dengan unit hemodialisis dan dijangka siap pada akhir Disember 2023;

iv. Pembinaan Hospital Petrajaya yang dilengkapi unit hemodialisis tersendiri dan dijangka siap pada Januari 2024; dan

v. Unit hemodialisis di Klinik Kesihatan Selangau yang masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada penghujung September 2023.

6. KKM juga giat berusaha memperluaskan kaedah rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) sebagai rawatan kaedah utama terkini bagi pesakit yang memenuhi kriteria. Kaedah rawatan CAPD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan memberi kelebihan kepada pesakit termasuk dari segi penjimatan masa dan pengurangan kos berulang-alik ke fasiliti dialisis.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah mod pengangkutan awam Bus Rapid Transit (BRT) dan Autonomous Rapid Transit (ART) dapat dioperasikan di Malaysia dan senaraikan bandar-bandar yang akan melaksanakan mod pengangkutan awam kos patut ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan melalui *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) sedang melaksanakan Projek *Iskandar Rapid Transit* (IRT) di Iskandar Malaysia iaitu pembinaan jaringan pengangkutan awam yang berasaskan sistem *Bus Rapid Transit* (BRT). Projek ini dibiayai Kerajaan Malaysia dengan peruntukan RM1.12 bilion untuk infrastruktur awam, manakala RM2 bilion pula daripada sektor swasta bagi penyediaan bas elektrik, kemudahan pengecas elektrik dan sistem berkaitan.

2. IRT menjadi tulang belakang kepada perubahan landskap pengangkutan awam dalam negara khususnya di dalam wilayah

pembangunan Iskandar Malaysia. Ianya melibatkan tiga (3) Laluan Utama, 42 Laluan Terus serta 47 Laluan Pengantara, merangkumi rangkaian jajaran sepanjang 2,000 kilometer. Keseluruhan rangkaian IRT akan meningkatkan liputan pengangkutan awam di Iskandar Malaysia kepada 90 peratus kawasan berkependudukan berbanding hanya 39 peratus buat masa ini. Projek ini turut melibatkan pembinaan 22 buah stesen di sepanjang 55 kilometer laluan utamanya.

3. Setakat ini, tender terbuka bagi pembinaan Laluan Iskandar Puteri telah dibuka pada 27 Mac 2023. Pembinaan dijangka bermula pada suku ketiga tahun ini. Tender bagi Laluan Skudai dan Tebrau dijangka dibuka pada suku yang sama.

4. Selaras dengan perancangan, perkhidmatan IRT dijangka beroperasi pada suku kedua 2025 bagi Laluan Iskandar Puteri, manakala Laluan Skudai dan Tebrau akan bermula pada suku keempat tahun yang sama. Perkhidmatan ini akan berintegrasi dengan mod pengangkutan awam lain iaitu *Rapid Transit System* (RTS), Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru (PLBEGJB), Lapangan Terbang Senai dan perkhidmatan feri.

5. Apabila beroperasi kelak, IRT akan menggunakan bas-bas mesra alam untuk ketiga-tiga laluannya, termasuk penggunaan bas berkapasiti tinggi bagi Laluan Utama. Namun, pemilihan jenis dan saiz bas yang sesuai masih sedang diperhalusi dan ini termasuklah *Autonomous Rapid Transit* (ART) yang digunakan sewaktu program Ujian Rintis (*Pilot Testing*).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mendedahkan secara terbuka perjanjian konsesi Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) atau secara alternatif, untuk membenarkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen akses penuh kepada perjanjian konsesi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 di mana sebarang pendedahan memerlukan kelulusan daripada Kerajaan dan juga pihak syarikat konsesi. Berdasarkan amalan sedia ada, terdapat beberapa perjanjian konsesi yang telah diklasifikasikan semula dan diturun taraf serta boleh didedahkan kepada umum setelah mendapat kebenaran Kerajan dan syarikat konsesi. Namun begitu, perjanjian konsesi ini hanya boleh diakses secara fizikal di Kementerian Kerja Raya dan terhad di dalam waktu pejabat sahaja.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 105

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan kajian terperinci mengenai Pendigitalan Rekod Kesihatan terutamanya sistem *Electronic Health Records* (EHR) bagi meningkatkan tahap program saringan dalam kalangan rakyat serta mengenal pasti pelbagai penyakit dari awal berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

NO. SOALAN: 105

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan kajian terperinci mengenai Pendigitalan Rekod Kesihatan termasuklah sistem *Electronic Health Records* (EHR) bagi meningkatkan tahap program saringan kesihatan dan pengesanan awal penyakit dalam kalangan rakyat. Antara kajian yang telah dijalankan ialah 'Kajian *Blueprint Total Integrated Healthcare Framework'*, 'Khidmat Perundingan Perkhidmatan *Lifetime Health Record'* dan 'Kajian Ketersauran Pelaksanaan Inisiatif *Electronic Medical Record'*.

2. Susulan daripada kajian-kajian tersebut, Kementerian telah memperkukuhkan program saringan kesihatan melalui digitalisasi penyampaian perkhidmatan kesihatan populasi di bawah inisiatif EHR. Perkongsian maklumat kesihatan merentasi pelbagai sistem dan fasiliti berbeza ini membolehkan kesinambungan dan koordinasi jagaan dan rawatan kesihatan secara holistik diberikan oleh penyedia perkhidmatan. Selain itu, perkhidmatan saringan kesihatan ini juga boleh diakses oleh rakyat melalui pelbagai medium komunikasi seperti telefon mudah alih, portal kesihatan dan klinik maya.

3. Berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019, Kementerian akan terus berusaha memerangi penyakit tidak berjangkit melalui program kesedaran dan kawalan kendiri penyakit dalam kalangan rakyat. Disamping itu, Kementerian juga dalam usaha memperkasakan program saringan dan perkhidmatan diagnosa bagi pengesanan awal penyakit mental dan kanser.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 106

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kerajaan akan memulakan pembinaan pejabat kesihatan Bahagian Betong dan Klinik kesihatan baru Betong dan berapakah kos yang diluluskan.

NO. SOALAN: 106

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima permohonan projek baharu daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bagi Pembinaan Baharu Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan Kuarters di Betong dan Pejabat Kesihatan Bahagian Betong. Kementerian ini telah meneliti permohonan ini seterusnya telah memperakukan projek ini dimasukkan dalam senarai permohonan projek-projek baharu KKM di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 4 (RMKe-12 RP4).

2. Permohonan projek ini telah dikemukakan untuk pertimbangan Kementerian Ekonomi dan kelulusannya hanya akan diketahui selepas Belanjawan 2024 diluluskan pada akhir tahun ini.

3. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek ini merangkumi pembinaan sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3, Blok Pejabat Kesihatan Bahagian Betong, 18 unit Kuarters Kelas F, peralatan perubatan dan bukan perubatan serta perjawatan baharu/tambahan.

4. Kementerian ini berharap agar kelulusan projek ini akan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan terutamanya di peringkat *primary healthcare* kepada penduduk di Betong. Kementerian ini juga bertekad untuk sentiasa berusaha menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 107

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah komitmen Kementerian terhadap penubuhan Suruhanjaya Penjagaan Kesihatan untuk menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam negara serta apakah garis masa pelaksanaannya yang merupakan janji reformasi kesihatan Pakatan Harapan dalam manifesto PRU-15.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada sidang Parlimen kali ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membentangkan Kertas Putih Kesihatan yang merupakan pelan reformasi kesihatan bertujuan untuk penambahbaikan sistem kesihatan negara secara menyeluruh dan berstruktur.

2. Kertas Putih Kesihatan turut mengesyorkan penubuhan sebuah badan berkecuali yang bertanggungjawab untuk memantau, menasihati dan melaporkan secara bebas status pelaksanaan pelan reformasi kesihatan kepada Parlimen, rakyat dan kerajaan. Syarat penubuhan dan operasi badan ini akan dikaji berdasarkan model antarabangsa dan dalam negara mengikut kesesuaian fungsi yang ditetapkan. Perancangan seterusnya adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 108

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN ZAHIR BIN HASSAN** **[WANGSA MAJU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi Kementerian untuk menjejak projek-projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai secara komprehensif dan menyeluruh.

SOALAN NO : 108

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mencari pendekatan yang lebih strategik yang memberi impak positif dalam menyelesaikan isu projek sakit dan terbengkalai melalui *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai. Terdapat empat (4) elemen utama yang ditekankan sebagai *Term of Reference* (TOR) iaitu pengenalpastian (*tracking*), penyelesaian (*resolve*), pencegahan (*preventive*) dan cadangan model ke hadapan (*forward modelling*). *Task Force* yang diwujudkan juga akan membuat *facts finding* dan *due diligence* untuk mengenal pasti cara terbaik menyelesaikan masalah kronik projek perumahan.

Pada masa ini, pelbagai langkah kawalan sedia ada dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah projek sakit dan terbengkalai ini agar rumah dapat siap dan diduduki dengan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Antaranya ialah:

i) senarai projek perumahan yang sakit iaitu projek telah tamat tempoh Perjanjian Jual Beli yang pertama akan dikenal pasti dan dipaparkan di laman portal Jabatan Perumahan Negara kepada umum. Senarai projek ini boleh dijadikan panduan oleh bakal pembeli rumah dan pihak pembiaya sebelum meluluskan sesuatu pinjaman perumahan baharu dan mengawal bayaran kemajuan kepada pemaju sedia ada;

ii) melaksanakan pemantauan yang lebih kerap termasuk pembekuan akaun pemajuan perumahan (*Housing Development Account*, HDA) bagi projek-projek sakit terpilih untuk mengelakkan pengeluaran wang secara tidak bertanggungjawab oleh pemaju;

iii) menyenarai hitam pemaju dan Ahli Lembaga Pengarah dan menyekat pemaju projek sakit daripada memohon Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL) yang baharu selagi projek sakit sedia ada belum disiapkan dengan CCC penuh;

iv) bagi projek-projek sakit yang tiada kemajuan kerja di tapak dalam tempoh yang lama, projek-projek ini akan diangkat kepada YB Menteri KPKT untuk disahkan sebagai projek terbengkalai selaras dengan Seksyen 11(1)(ca), Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Dan Pelesenan) 1966 (Akta118) & Peraturan-Peraturan; dan

v) bagi pembeli yang terjejas pula, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara akan mengeluarkan surat pengesahan projek bermasalah (sakit atau terbengkalai) atas permohonan pembeli kepada pihak pembiaya pinjaman untuk penstrukturan semula pinjaman. Ini adalah bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pembeli.

Dalam mekanisma cadangan model ke hadapan (*forward modelling*), Kementerian akan melibatkan lebih banyak pihak dalam industri untuk mendapatkan pandangan dan idea dari perspektif yang lebih meluas melalui program-program yang dirancang seperti berikut:

i) mengadakan program kerjasama pintar (*smart partnership*) bersama kerajaan negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, agensi teknikal, dan pemaju bagi mengenal pasti permasalahan dan mencari jalan penyelesaian bersama bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai di pelbagai peringkat;

ii) mengadakan Forum Perumahan Swasta dengan kumpulan kerja yang terdiri daripada pemegang taruh (*stakeholder*) dan pemain industri, antaranya Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA), Persatuan Bank Malaysia, Persatuan Pembeli Rumah, Jabatan Peguam Negara,

pelikuidasi, dan lain-lain agensi kerajaan dan teknikal;

iii) memperkasakan syarikat berkaitan Kementerian iaitu Perbadanan PR1MA Malaysia dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) supaya dapat memainkan peranan lebih proaktif dalam menyelesaikan isu projek sakit secara lebih telus dan efektif;

iv) mengadakan taklimat berjadual kepada pemaju di seluruh Semenanjung Malaysia berkaitan tanggungjawab dan kewajipan pemaju perumahan berlesen berdasarkan Akta 118; dan

v) menggalakkan penggunaan teknologi baharu dalam pembinaan seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan bahan binaan alternatif untuk mempercepatkan penyiapan projek perumahan dengan kos yang lebih murah tanpa menjejaskan kualiti pembinaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 109

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Kementerian telah bersedia untuk mengatasi isu doktor kontrak secara berperingkat. Apakah kriteria Kementerian dalam penyerapan yang akan dilakukan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kesihatan oleh pegawai lantikan tetap dan pegawai lantikan kontrak demi kesejahteraan masyarakat Malaysia Madani.

2. Seperti mana jawapan lisan YAB Perdana Menteri dalam sesi soal jawab di Parlimen pada 4 April 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan persetujuan Kerajaan untuk mewujudkan hampir 12,800 jawatan tetap pegawai perubatan secara berperingkat dalam tempoh tiga (3) tahun mulai tahun 2023 hingga tahun 2025.

3. Daripada pengumuman tersebut, pegawai perubatan kontrak yang memenuhi syarat lantikan dan melepasi tapisan pengambilan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berpeluang untuk dilantik secara tetap dan mengisi jawatan tersebut.

4. Syarat atau kriteria penyerapan/ pengambilan sebagai Pegawai Perubatan tetap adalah seperti berikut:

(i) calon merupakan warganegara Malaysia;
(ii) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
(iii) memiliki kelayakan ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(iv) telah menamatkan latihan siswazah dan telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia;
(v) lulus Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
(vi) masih berkhidmat di Kementerian Kesihatan mengikut kohort lantikan yang ditetapkan sepertimana diiklankan;
(vii) tidak pernah meletak jawatan, tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dan tidak pernah dikenakan hukuman tatatertib serta tidak diisytihar bankrap; dan
(viii) diperakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai calon berjaya dilantik. Calon simpanan hanya dipertimbangkan pelantikan tetap sekiranya terdapat kekosongan jawatan selepas kepada calon yang berjaya.

5. Dalam menimbang pelantikan tetap, komponen penilaian yang diambil kira dalam tapisan temu duga adalah meliputi pencapaian hasil kerja dan kesesuaian tingkah laku sebagai penjawat awam yang diliputi aspek keterampilan dan jati diri, kepimpinan, profesionalisme, keupayaan komunikasi dan kerjasama berpasukan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 110

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kementerian bercadang untuk meningkatkan semangat dan jati diri para guru dengan mengurangkan beban kerja perkeranian supaya mereka dapat memberikan tumpuan penuh kepada tugas hakiki iaitu mengajar dan mendidik demi kemenjadian murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menjamin kesejahteraan guru termasuk usaha untuk mengurangkan beban tugas di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang diperkenalkan, KPM memberi perhatian kepada isu kebajikan guru secara khusus di bawah Teras 5: Kebajikan Guru Sebagai Teras Keberkesanan Penyampaian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;
ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023;
iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023;
iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023;
v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023;
vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023; dan

vii. mengeluarkan pemakluman Autonomi Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Proses Pembelajaran dan Pengajaran di dalam Bilik Darjah bertarikh 20 Mac 2023.

Selain inisiatif Teras 5 yang dilaksanakan oleh KPM bagi mengurangkan beban tugas guru, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara yang ditambah baik untuk memperkasa kebajikan guru. Antara perkara yang secara langsung dapat mengurangkan tugas guru adalah dengan memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi dengan segera. KPM akan terus memastikan keperluan guru dipenuhi melalui pengisian kekosongan perjawatan guru di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Melalui sepuluh perkara ini juga, KPM dengan kerjasama rakan strategik menyediakan peluang merehatkan minda melalui Program Cuti-Cuti Cikgu mampu milik serta memberi kebenaran dan kelonggaran pemakaian baju korporat rasmi KPM sewaktu bertugas sebagai usaha untuk menaikkan semangat guru.

Selain itu, KPM berusaha meminimumkan tugasan pengurusan dan pentadbiran bukan profesional dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

KPM turut mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak berkepentingan termasuk Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB) bagi mendapatkan maklum balas untuk menentukan perancangan KPM dalam mengatasi isu beban tugas guru.

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru diutamakan melalui pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 110

RJM59

NO. SOALAN: 111

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia menghentikan monopoli syarikat Pharmaniaga sebagai pemegang konsesi bagi ubat-ubatan dan bekalan perubatan kepada hospital serta klinik Kerajaan memandangkan syarikat tersebut telah diletakkan bawah klasifikasi PN17 selepas mencatatkan kerugian bersih terbesar RM664.39 juta dalam suku keempat berakhir 31 Disember 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Syarikat Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB) mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan pembekalan dan logistik produk perubatan yang setanding dengan syarikat logistik antarabangsa yang terkenal seperti DKSH dan Zuellig Pharma. Syarikat PLSB telah berjaya membina jaringan logistik terdiri daripada pengusaha Bumiputera dan tempatan di seluruh Malaysia dengan kapasiti logistik produk rantaian sejuk (*cold chain*).

2. Syarikat PLSB telah menunjukkan prestasi cemerlang dan telah memenuhi obligasi-obligasi yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi dengan Kerajaan antaranya mengekalkan prestasi melebihi 98 peratus bagi *Key Performance Indicator* (KPI) memenuhi pesanan dalam tempoh 7 hari bekerja di Semenanjung Malaysia atau 10 hari bekerja di

Sabah dan Sarawak.

3. Berdasarkan kepada prestasi PLSB, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan konsesi baharu iaitu Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan untuk 10 tahun bagi menguruskan rantaian bekalan dan logistik produk-produk perubatan ke fasiliti Kementerian Kesihatan. Pengalaman dan kepakaran merupakan *crucial element* untuk memastikan kelancaran pembekalan produk perubatan kepada fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan.

4. Melalui pelaksanaan konsesi Penswastaan Makmal dan Stor Kementerian Kesihatan oleh PLSB, fasiliti Kementerian Kesihatan tidak perlu menyimpan bekalan stok yang terlalu banyak di stor masing-masing. Ini kerana fasiliti Kementerian Kesihatan boleh membuat pesanan tanpa *minimum order quantity* dan pembekalan boleh diperolehi dalam tempoh 7 ke 10 hari bekerja. Ini memerlukan kedudukan kewangan yang kukuh dan mencukupi oleh pemegang konsesi bagi memastikan tiada gangguan rantaian bekalan.

5. Berhubung dengan perkara Nota Amalan 17 (PN17) ke atas Pharmaniaga Berhad, Kementerian Kesihatan difahamkan bahawa PN17 ke atas Pharmaniaga Berhad adalah kerana syarikat perlu membuat pelarasan akaun demi mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan Malaysia dan juga amalan urus tadbir yang baik. PN17 ini berpunca daripada peruntukan kewangan untuk stok bergerak perlahan (*slow moving stock*) vaksin COVID-19. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan difahamkan bahawa status PN17 itu tidak menjejaskan operasi anak syarikatnya PLSB dalam mengendalikan aktiviti logistik dan pengedaran ubat-ubatan kepada fasiliti Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Tambahan pula, syarikat Pharmaniaga Berhad dimiliki secara langsung dan tidak langsung oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kebenaran supaya feri kenderaan (Roro feri kenderaan) beroperasi sehingga jam 12.00 malam dan ditambah bilangan sedia ada bagi memastikan tidak ada masalah untuk rakyat Labuan atau Sabah berulang-alik menggunakan kemudahan feri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan feri RORO sedia ada beroperasi sehingga jam 8 malam setiap hari.

2. Dalam hubungan ini, secara asasnya, Kementerian Pengangkutan tiada halangan terhadap cadangan untuk melanjutkan tempoh operasi perkhidmatan feri RORO sehingga jam 12 malam. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dirujuk kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia bagi memastikan kesediaan sumber manusia bagi tujuan operasi lebih masa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 113

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai bantuan dana atau peruntukan khusus buat mana-mana pertubuhan keagamaan selain agama Islam untuk mereka membuat sebarang bentuk aktiviti-aktiviti dan juga program pembangunan agar pertubuhan minoriti di negara turut aktif berkembang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi meraikan kepelbagaian dan merapatkan jurang perbezaan pihak Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah diperuntukkan sebanyak RM 50 juta dalam belanjawan tahun 2023 bagi pelbagai program antaranya 'Kembara Perpaduan Malaysia Madani' dan 'Ini Warisan Kita'. Program ini akan menganjurkan pelbagai aktiviti perpaduan dan integrasi sosial antara komuniti seperti liga sukan perpaduan, pertandingan kebudayaan, fiesta perayaan dan cita rasa menu masyarakat Malaysia yang melibatkan semua kaum dan agama di seluruh negara termasuklah selain Islam.

2. Bagi peruntukan pembangunan di bawah belanjawan tahun 2023, peruntukan penyelenggaraan dan baik pulih rumah ibadat bukan Islam di seluruh negara telah diletakkan di bawah penyelarasan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

3. Di bawah Inisiatif Belanjawan 2023, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan inisiatif penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) bagi tahun 2023 sebanyak RM50 juta bermula pada April 2023. Objektif inisiatif ini adalah untuk meringankan beban kewangan pihak pengurusan rumah ibadat bukan Islam dalam menanggung kos-kos pembaikan, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah-rumah ibadat Bukan Islam masing-masing.

4. Pada masa kini KPKT sedang dalam tindakan memuktamadkan Garis Panduan Permohonan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam 2023. Garis panduan ini termasuk borang permohonan akan dimuktamadkan sebelum akhir bulan Mei dan KPKT akan memaklumkan tarikh mula dan tutup permohonan dalam tempoh masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN LO SU FUI (TAWAU)**
TARIKH	:	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terbaharu projek pembinaan Projek Pan Borneo KM32 di daerah Tawau yang telah siap dibina dan nyatakan perancangan Kementerian bagi mengatasi isu kelewatan pembinaan Projek Pan Borneo di Pantai Timur Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan semakan yang dibuat oleh Kementerian ini dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, berkenaan dengan pembinaan di KM32, daerah Tawau seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat didapati bahawa tiada dalam pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah. Walau bagaimanapun, projek LPB Sabah yang sedang giat dilaksanakan di daerah Tawau pada masa kini adalah melibatkan Pakej Kerja 15 iaitu Menaiktaraf Jalan Semporna ke Tawau Pakej 1 (Fasa 2) yang mencapai kemajuan 83% siap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Pusat telah meluluskan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1B melibatkan baki 19 pakej pada *Rolling Plan* 3 (RP3), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Status terkini bagi 19 pakej projek tersebut adalah 5 dari 19 pakej telah siap dilaksanakan Makmal Kajian Nilai (*Value Assessment,* VA) pada 9 hingga 11 Mei 2023. Manakala Makmal Kajian Nilai bagi baki 14 pakej yang lain akan diadakan secara berperingkat dalam tahun ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DR SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS]**
TARIKH	**:**	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DR SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

a) Berapakah nisbah penolong pegawai perubatan (PPP) dan Pegawai Perubatan di Hospital Kepala Batas berbanding penduduk berjumlah 117,000 orang di Kepala Batas; dan

b) jumlah pesakit berdaftar di Hospital Kepala Batas dalam tempoh 5 tahun.

NO. SOALAN: 115

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sasaran nisbah keperluan pegawai perubatan dan PPP di Hospital Kepala sebagai hospital berpakar minor adalah diunjur berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan kepakaran, kadar pengisian katil dan kadar bebanan tugas (pesakit dalam dan luar) bagi Hospital Kepala Batas. Sehingga kini, Hospital Kepala Batas mempunyai seramai 129 pegawai perubatan (59 pegawai perubatan tetap dan 70 pegawai perubatan kontrak) dan 49 PPP (37 PPP tetap dan 12 PPP kontrak).

2. Namun begitu, bagi populasi penduduk di Kepala Batas, masih terdapat pegawai perubatan dan PPP yang bertugas di klinik kesihatan dan fasiliti swasta dalam menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada populasi.

3. Berikut adalah jumlah kedatangan pesakit ke Hospital Kuala Batas dalam tempoh 5 tahun:

SKOP PERKHIDMATAN	**2018**	**2019**	**2020**	**2021**	**2022***
Pesakit Dalam	14,185	13,923	12,619	8,954	10,635
Pesakit Luar	102,260	100,991	84,841	52,041	71,622
Rawatan Harian	4,509	4,303	4,974	4,210	86,392
Jumlah Kedatangan Pesakit	**120,954**	**119,217**	**102,434**	**65,205**	**86,392**

Sumber: Laporan Tahunan Rawatan Perubatan (2018 - 2022)
Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan KKM
** Data 2022 adalah data preliminari*

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 116

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN]**
TARIKH JAWAB	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan akta penyewa bagi melindungi kepentingan penyewa sama ada di premis perniagaan mahupun persendirian memandangkan tanpa akta ini, sering kali berlakunya ketidakadilan berkaitan perjanjian sewa antara penyewa dan tuan hartanah.

SOALAN NO : 116

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus bagi mengawal selia sewaan rumah kediaman. Undang-undang sedia ada yang biasa dirujuk dalam menyediakan kontrak sewaan kediaman atau menyelesaikan pertikaian berkaitan sewaan kediaman adalah Akta Kontrak 1950 (Akta 136), Akta Distress 1951 (Akta 255), Akta Relief Spesifik 1950 (Akta 137) dan Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Akta 67). Undang-undang tersebut tidak menyentuh secara terperinci berkenaan tanggungjawab penyewa terhadap pemilik kediaman dan sebaliknya. Dalam hal ini, apabila timbul sebarang pertikaian antara pemilik kediaman dan penyewa, tindakan sivil dikemukakan ke mahkamah sivil. Walau bagaimanapun, proses penyelesaian pertikaian di mahkamah akan mengambil masa yang lama serta melibatkan kos yang tinggi.

Justeru, bagi melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menjalankan kajian dan penggubalan Akta Sewaan Kediaman/ *Residential Tenancy Act* (RTA) yang telah bermula sejak Jun 2019. Antara objektif penggubalan RUU Sewaan Kediaman adalah bagi mengawal selia hubungan antara pemilik kediaman dan penyewa, mengimbangi hak dan kewajipan kedua-dua pihak serta mewujudkan institusi penyelesaian pertikaian antara pihak-pihak yang terlibat dalam urus niaga sewaan kediaman.

Antara perkara yang terkandung dalam RUU Sewaan Kediaman adalah seperti perjanjian sewaan kediaman, tanggungjawab penyewa dan pemilik kediaman serta tindakan penguatkuasaan. RUU ini turut menyediakan prosedur tindakan serta mekanisme penyelesaian sekiranya wujud sebarang pertikaian dalam urusan sewaan kediaman ini.

SOALAN NO : 116

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Akta ini tidak mengawal selia premis kediaman yang penggunaan utama premis tersebut adalah untuk tujuan perniagaan. Cadangan Akta ini dikecualikan dari mengawal selia sewaan kediaman yang digunakan untuk tujuan percutian atau penginapan jangka pendek yang diiklankan sebagai *homestay*, Airbnb, Trivago dan sebagainya. Kediaman yang disediakan oleh institusi pengajian, perumahan pekerja yang disediakan oleh majikan sebagai kemudahan di bawah kontrak kerja juga tidak dikawal oleh cadangan Akta ini.

Terkini, KPKT sedang menambah baik RUU RTA dengan mengambil kira maklum balas dan pandangan yang diterima agar kepentingan semua pihak terpelihara dan diberikan perhatian sewajarnya. RUU RTA ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2024 setelah sesi libat urus selesai dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 117

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Kapten Azahari Bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian untuk meningkatkan aspek keselamatan pengguna basikal termasuk penyediaan laluan basikal khas dan program-program advokasi sejajar dengan hasrat untuk memaju agenda pengangkutan hijau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi penekanan ke atas aspek keselamatan pengguna basikal dalam usaha memupuk penggunaan pengangkutan hijau khususnya di kawasan-kawasan bandar. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti advokasi mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil semasa menunggang basikal.

2. Sebagai contoh, program *Safety Awareness and Focused Advocacy for Road Users (SAFER)* telah dilaksanakan oleh JPJ di seluruh

negara dengan memfokuskan kumpulan sasar berbeza dalam memberi kesedaran tentang keselamatan jalan raya, termasuk penunggang basikal. Perkara ini juga diterapkan dalam Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) di semua peringkat sekolah (prasekolah, taska, sekolah rendah dan menengah) dengan menerangkan tiga input utama keselamatan iaitu ciri-ciri keselamatan basikal, keselamatan berbasikal di jalan raya dan tatacara berbasikal di jalan raya.

3. Dalam pada itu, MIROS juga telah menerbitkan Buku Panduan Berbasikal Secara Selamat (*Safe Cycling Guide*) pada Januari 2022 bagi memberi panduan kepada orang ramai mengenai teknik pengendalian basikal secara selamat dan mematuhi peraturan jalan raya.

4. Berkenaan dengan penyediaan kemudahan penggunaan basikal seperti lorong dan tempat letak basikal, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui agensinya iaitu PLANMalaysia telah menerbitkan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Bagi Penyediaan Laluan Basikal. Panduan pelaksanaan ini disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan semasa merancang dan mereka bentuk laluan basikal yang mesra pengguna, selamat, selesa, bersambungan dan mudah sampai selaras dengan prinsip dan inisiatif pembangunan kejiranan hijau.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN]**
TARIKH	**:**	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di daerah Tawau dan Kalabakan bagi memperkasakan lagi pendidikan Islam bagi menyediakan pelajar dengan ilmu duniawi dan ukhrawi memandangkan pada ketika ini hanya terdapat sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan kuota pengambilan pelajar adalah terhad.

SOALAN NO : 118

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini terdapat sembilan buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Sabah. Ini termasuk sebuah SMKA yang terletak di Bahagian Tawau iaitu SMKA Tun Sakaran di daerah Semporna. SMKA Tun Sakaran menempatkan sejumlah 531 orang murid berbanding kapasiti sebenar yang boleh diisi seramai 720 orang. Pengisian murid di SMKA mengambil kira permohonan daripada seluruh negeri Sabah.

Selain itu, kelas aliran agama (KAA) turut dilaksanakan di daerah Tawau melibatkan dua buah sekolah iaitu di SMK Umas-umas dan SMK Merotai Besar. KAA menawarkan pakej mata pelajaran yang sama di SMKA. KAA sedia ada mempunyai enrolmen seramai 188 orang murid berbanding kapasiti sebenar 240 orang murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini KPM belum mempunyai perancangan untuk membina sekolah baharu di daerah Tawau dan Kalabakan, Sabah. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa meneliti keperluan terhadap pembangunan sekolah agama termasuk SMKA di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

RJM60

SOALAN NO : 119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menangani masalah kehabisan tempat pembuangan sampah yang dijangka berlaku menjelang tahun 2050 sekiranya trend peningkatan pembuangan sampah berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jangka hayat sesuatu tapak pelupusan sampah adalah dalam lingkungan dua (2) tahun ke 21 tahun bergantung kepada keluasan dan kapasiti sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sentiasa memantau jangka hayat setiap tapak pelupusan sisa pepejal di bawah peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] bagi memastikan bilangan dan jangka hayat tapak pelupusan sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan pelupusan sisa pepejal di tujuh (7) buah negeri yang menerima pakai Akta 672.

Kementerian ini juga sedar tentang keperluan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada tapak pelupusan sisa pepejal. KPKT melalui JPSPN dan SWCorp sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada tapak pelupusan, antaranya:

(i) merancang untuk membina loji rawatan *Waste To Energy* (WTE) bagi merawat sisa pepejal yang dihasilkan kepada bahan yang stabil dan turut menghasilkan tenaga boleh baharu (*renewable energy*). Loji rawatan WTE akan dibina di Sungai Udang, Melaka dan Bukit Payong, Batu Pahat, Johor;

(ii) menaik taraf tapak-tapak pelupusan sedia ada dari semasa ke semasa bagi meningkatkan jangka hayat tapak-tapak pelupusan. Tapak-tapak yang telah dikenal pasti untuk dinaik taraf akan ditingkatkan jangka hayatnya sekurang-kurangnya lima (5) tahun. Dengan adanya tindakan dan usaha tersebut, jangka hayat sesuatu tapak pelupusan dapat dipanjangkan dan meningkatkan kadar kitar semula dalam kalangan rakyat negara ini;

(iii) merancang dan membina stesen pemindahan sisa pepejal bagi menghubungkan kawasan janaan sisa pepejal ke loji WTE dan/atau tapak pelupusan sisa pepejal sanitari;

(iv) penguatkuasaan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca (*Separation at Source,* SAS) supaya sisa-sisa yang boleh dikitar semula dapat dihantar ke fasiliti kitar semula;

(v) meningkatkan kempen kesedaran 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*) dalam kalangan orang ramai untuk mendidik dan membudayakan masyarakat dengan amalan kitar semula;

(vi) meningkatkan bilangan *Drive Through Recycle Centre* (DTRC) bagi membolehkan orang ramai mengumpul dan membuang sisa-sisa kitar semula tanpa dibuang dalam tong sampah; dan

(vii) melaksanakan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar (EPR)

dalam mengurangkan pelupusan sisa plastik di tapak pelupusan. Melalui inisiatif EPR ini, pengeluar bertanggungjawab untuk menghasilkan produk yang mesra alam dan menyediakan sistem kutipan dan kitar semula produk pasca pengguna yang sistematik.

Inisiatif ini adalah selari dengan Bab 8, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu mempercepatkan pertumbuhan hijau untuk kemampanan dan daya tahan dalam peralihan ekonomi linear kepada ekonomi kitaran dalam sektor pengurusan sisa pepejal. Pelaksanaan ekonomi kitaran dalam pengurusan sisa pepejal dilihat sebagai jalan penyelesaian komprehensif yang boleh mengawal dan meminimumkan penjanaan sisa serta memaksimumkan penggunaan sumber ke arah pengurangan pelupusan sisa ke tapak pelupusan.

KPKT juga sedang membangunkan satu *Blueprint* Ekonomi Kitaran bagi Pengurusan Sisa Pepejal yang dijangka siap pada penghujung tahun 2023. Di samping itu, program-program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam akan terus diperkasakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Penekanan ke atas SAS dalam program *Communication, Educational and Public Awareness* (CEPA) adalah amat penting kerana SAS merupakan *key success factor* kepada pelaksanaan ekonomi kitaran di negara ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 120

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah persediaan yang telah dirangka bagi mempersiapkan sekolah-sekolah di seluruh negara untuk berdepan dengan kebarangkalian berlakunya gelombang penularan COVID-19 dan cuaca panas membahang pada masa hadapan yang memaksa para pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dari rumah.

SOALAN NO : 120

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan pengoperasian sekolah berjalan dengan teratur dan selamat bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka.

Dalam konteks jangkitan wabak COVID-19 yang masih belum reda, KPM sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengawal dan mengekang penularan jangkitan wabak tersebut dalam kalangan warga institusi pendidikan KPM terutama murid sekolah.

Selaras dengan Surat Peringatan Terhadap Tindakan Kawalan Dan Pencegahan Penularan Jangkitan COVID-19 Di Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 7 April 2023, KPM telah mengingatkan agar pihak institusi pendidikan mengambil tindakan berikut:

i. menggalakkan murid/pelajar, guru dan kakitangan untuk membuat penilaian kendiri tahap kesihatan serta tidak hadir ke institusi pendidikan jika bergejala atau positif COVID-19;
ii. menjalankan saringan bergejala terhadap murid/pelajar, guru dan kakitangan sebelum masuk ke kawasan institusi pendidikan;
iii. memperkasa peranan ibu bapa/penjaga untuk memantau status kesihatan anak dan bertanggungjawab untuk tidak menghantar anak yang bergejala atau positif COVID-19 ke institusi pendidikan;
iv. memberi penerangan dan pendidikan berterusan kepada murid/pelajar, guru, kakitangan serta ibu bapa/penjaga mengenai jangkitan COVID-19;
v. memberi taklimat keselamatan kepada pihak penyedia perkhidmatan sokongan dan membuat penegasan supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pencegahan penularan COVID-19;
vi. mengambil tindakan segera terhadap murid/pelajar yang bergejala atau positif COVID-19 berdasarkan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
vii. menyediakan bilik isolasi bagi tujuan menempatkan murid/pelajar

yang bergejala atau positif COVID-19 berdasarkan sebelum mendapatkan rawatan; dan

viii. menjalankan penilaian risiko penularan jangkitan COVID-19 di institusi pendidikan dari semasa ke semasa supaya tindakan pencegahan dapat segera diambil.

Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengoperasian institusi pendidikan dalam persekitaran penularan COVID-19, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 di Institusi Pendidikan KPM bertarikh 28 April 2023 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru. Garis Panduan ini mengandungi panduan khusus mengenai langkah pencegahan penularan COVID-19 di institusi pendidikan seperti penekanan terhadap pemakaian pelitup muka dalam kalangan warga institusi pendidikan, prosedur pengurusan murid bergejala atau disahkan positif COVID-19 termasuk murid yang tinggal di asrama dan pengurusan pelaksanaan ujian kendiri COVID-19 di institusi pendidikan.

Selain itu, pihak institusi pendidikan turut diingatkan agar sentiasa bekerjasama dengan pejabat kesihatan daerah (PKD), KKM bagi memastikan penularan jangkitan COVID-19 dapat dikawal dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut sentiasa mengutamakan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid khususnya semasa menghadapi keadaan cuaca di luar jangkaan seperti fenomena cuaca panas berpanjangan ketika ini.

Berdasarkan Surat Siaran KPM Bilangan 5 Tahun 2016: Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Yang Berpanjangan bertarikh 26 April 2016, KPM mengingatkan semua JPN, PPD dan institusi pendidikan agar melaksanakan langkah pencegahan yang sewajarnya semasa menghadapi fenomena cuaca panas dan kering berpanjangan atau sebarang keadaan cuaca diluar jangkaan.

Langkah tersebut termasuklah menangguhkan aktiviti luar bilik darjah jika cuaca terlalu panas, memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan dan menggalakkan pengambilan air dalam kalangan murid mengikut kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan. JPN, PPD dan institusi pendidikan juga diingatkan agar sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat cuaca panas.

KPM juga telah memperingatkan sekali lagi berkenaan langkah pencegahan ini melalui Surat Peringatan Berkaitan Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Jerebu bertarikh 26 April 2023.

Selain itu, KPM telah memberi kebenaran khas kepada warga sekolah memakai pakaian/baju sukan yang sopan semasa cuaca panas bagi mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan kesan fenomena cuaca panas melalui surat pemakluman bertarikh 3 Mei 2023.

KPM turut menyediakan Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas yang dikeluarkan menerusi Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 28 April 2023 sebagai panduan kepada JPN, PPD dan institusi pendidikan agar dapat mengambil langkah sewajarnya khususnya penutupan institusi pendidikan sekiranya situasi fenomena cuaca panas mencecah tahap gelombang haba.

Terkini, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas yang dikeluarkan menerusi Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023 bertarikh 6 Jun 2023 sebagai panduan kepada semua institusi pendidikan bawah KPM agar dapat mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya semasa melaksanakan aktiviti luar bilik darjah bagi mengurangkan komplikasi akibat cuaca panas.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 120

RJM61

SOALAN NO : 121

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan tindakan susulan yang telah diambil berkaitan 222 guru daripada 3,227 guru *"one-off"* yang tidak melaporkan diri selepas ditawarkan penempatan ke Sarawak. Sehubungan itu, apakah perancangan Kementerian untuk menyelesai dan membendung masalah ini lebih-lebih lagi dari segi pemilihan calon-calon agar tidak menidakkan peluang mereka yang betul-betul ingin menjadi pendidik dan tidak memilih penempatan bertugas.

SOALAN NO : 121

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap perkara berkenaan pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara, termasuk di negeri Sarawak bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Berdasarkan klausa surat tawaran pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), tawaran pelantikan tersebut akan terbatal dalam tempoh 30 hari dari tarikh arahan penempatan jika tidak melapor diri.

Bagi menangani isu berkaitan guru baharu yang tidak melapor diri dan menolak tawaran, KPM akan terus bekerjasama dengan SPP untuk membuat pengambilan baharu bagi mengisi kekosongan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa kini, urusan temu duga bagi pengambilan guru baharu dijangka bermula pada hujung bulan Jun 2023. Urusan ini dilaksanakan oleh SPP.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

RJM62

SOALAN NO : 122

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apa tindakan Kementerian kepada pemegang lesen pemberi pinjam wang yang beroperasi menggunakan kaedah along. Setakat ini berapa banyak yang sudah disenarai hitamkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) amat memandang serius sekiranya terdapat apa-apa kesalahan atau pelanggaran Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] yang dibuat oleh mana-mana Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen di bawah KPKT. Setiap PPW berlesen ini adalah diingatkan untuk mematuhi Akta 400 serta peraturan-peraturan yang ditetapkan. Sekiranya didapati mana-mana PPW bertindak dan berkelakuan seperti “Ah Long” seperti mengenakan kadar faedah melebihi had yang dibenarkan,

mengenakan kekerasan ataupun ugutan terhadap para peminjam dan menjalankan apa-apa kegiatan yang melanggar peruntukan Akta 400 dan peraturan-peraturan berkaitan, maka tindakan tegas melalui penguatkuasaan undang-undang boleh diambil ke atas PPW berlesen tersebut.

KPKT telah mengeluarkan sebanyak 623 kompaun terhadap pelbagai kesalahan di bawah Akta 400 terhadap PPW berlesen bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2019 sehingga bulan April 2023. Selain itu, terdapat 83 kes yang telah dibawa ke mahkamah bagi pertuduhan melibatkan kesalahan dan pelanggaran di bawah Akta 400 bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2019 sehingga bulan April 2023. Sehingga April 2023, terdapat satu (1) syarikat PPW yang telah digantung lesennya pada tahun 2018 manakala dua (2) syarikat PPW berlesen dalam tindakan bagi pembatalan atau penggantungan susulan keputusan sabit kesalahan yang telah dijatuhkan oleh mahkamah selaras dengan Seksyen 9A(1) Akta 400. Selain itu, terdapat lima (5) kes PPW berlesen masih dalam prosiding mahkamah melibatkan pelanggaran di bawah Akta 400.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT sentiasa melaksanakan pemantauan dan siasatan dengan proaktif ke atas semua syarikat PPW berlesen di bawah KPKT. Kementerian ini telah menetapkan sasaran sebanyak 850 buah premis PPW untuk dipantau setiap tahun mengikut giliran bagi memastikan pematuhan terhadap Akta 400. Sehingga 30 April 2023, sebanyak 395 buah premis PPW di seluruh Malaysia telah selesai melalui sesi pemantauan.

Orang awam dinasihatkan agar sentiasa berurus niaga dengan syarikat PPW yang sah berdaftar dan berlesen dengan KPKT. Sebarang aduan berhubung aktiviti PPW berlesen, boleh disalurkan terus kepada pihak Kementerian melalui Sistem Aduan Bersepadu KPKT iaitu di pautan aduan.kpkt.gov.my atau melalui aplikasi i-KrediKom.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 123

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula lesen kenderaan motor (cukai jalan) lama yang masih digunapakai tetapi dalam keadaan baik contohnya kenderaan 2000 cc keatas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkiraan kadar fi lesen kenderaan motor LKM pada masa ini adalah ditentukan dengan mengambil kira pemboleh ubah seperti kapasiti enjin, jenis bahan bakar, jenis/ kod badan kenderaan, jenis pemilikan, jenis kegunaan dan mengikut kawasan pengisytiharan kenderaan tersebut akan digunakan.

2. Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) secara berterusan melaksanakan pengkajian semula ke atas kaedah perkiraan sedia ada bagi memastikan ianya sentiasa relevan berdasarkan kepada keperluan dan dasar semasa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 124

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai garis panduan berkaitan dengan aktiviti kokurikulum dan sukan yang disertai oleh pelajar-pelajar Islam yang patuh syariah dan tidak bercanggah dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menjaga dan menitikberatkan kebajikan dan keselamatan murid terutamanya semasa menyertai aktiviti sukan dan kokurikulum.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2007: Garis Panduan Pemakaian Pakaian Kokurikulum di Hari Persekolahan dan Perhimpunan Bulanan. Surat pekeliling ikhtisas ini menjelaskan bahawa murid hendaklah memakai pakaian seragam kokurikulum pada hari rabu pada setiap minggu. Pakaian seragam yang dibenarkan adalah pakaian pasukan badan beruniform yang lengkap atau memakai baju t-berkolar.

SOALAN NO : 124

KPM juga telah menyediakan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bilangan 2 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar bagi menggariskan beberapa perkara termasuk pelaksanaan aktiviti dan peraturan pakaian bagi murid untuk setiap program yang disertai. Peraturan pakaian yang perlu diberi perhatian semasa mengikuti aktiviti kokurikulum adalah pakaian yang tidak menjejaskan keselamatan murid. Selain itu, pakaian murid semasa menghadiri majlis rasmi program/aktiviti juga hendaklah bersesuaian. Pakaian yang disarankan adalah pakaian rasmi program/aktiviti yang telah disediakan oleh penganjur dan dipersetujui oleh KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua aktiviti yang melibatkan murid di sekolah rendah dan menengah adalah seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan mematuhi syariah. Justeru, tiada percanggahan berhubung etika pemakaian untuk murid. KPM menetapkan supaya semua murid yang menyertai aktiviti tersebut perlu mematuhi etika berpakaian sebagaimana yang dinyatakan secara jelas dalam modul dan garis panduan iaitu menutup aurat dengan sempurna dan berpakaian sopan, sesuai dan selesa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 125

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN LO SU FUI [TAWAU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN LO SU FUI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jangkaan tarikh dan jaminan bangunan dan kemudahan di Hospital Besar Tawau dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Hospital Tawau, Sabah, (Reka Dan Bina) telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pembinaan projek ini telah bermula pada 30 Mei 2017 dengan tarikh siap asal adalah pada 25 Mei 2020 (36 bulan).

2. Namun begitu, projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan pelbagai faktor di luar jangka seperti penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan dan cuaca luar biasa (*inclement weather*). Sehingga 30 April 2023, kemajuan kerja-kerja di tapak telah mencapai 89% berbanding jadual sebanyak 99% iaitu kelewatan sebanyak 10% bersamaan 93 hari. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada bulan Disember 2023.

3. Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Jabatan Kerja Raya sebagai Agensi Pelaksana sentiasa menjalankan pemantauan rapi secara bulanan bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual, kos dan piawai yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 126

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status pembinaan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di Rantau Panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah mewujudkan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) pada bulan Oktober 2021.

2. PSSS menawarkan perkhidmatan psikososial yang holistik kepada masyarakat seperti sesi bimbingan dan kaunseling, sesi intervensi, *art therapy,* teknik relaksasi, rujukan bantuan, psiko pendidikan dan pusat transit sementara yang berbentuk kelegaan segera *(immediate relief)* kepada wanita dan kumpulan sasar. Pengoperasian PSSS ini dilaksanakan secara tetap (premis) dan secara bergerak (mobile) bagi memastikan ketersampaian *(accessibility)* perkhidmatan psikososial kepada masyarakat dioptimumkan sepenuhnya.

3. Untuk makluman, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit (Premis) di Rantau Panjang telah pun selesai kerja-kerja pembinaan serta pengubahsuaian dan disasar untuk mula beroperasi pada separuh tahun kedua tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 127

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan perancangan strategik yang telah diperincikan dalam mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan projek LRT di Johor Bahru dan apakah aspek-aspek perancangan bandar yang turut diberi perhatian bagi memastikan jajaran LRT yang akan dibina tidak menjejaskan urbanisasi serta kelancaran mobiliti rakyat.

NO. SOALAN : 127

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dalam pembangunan infrastruktur pengangkutan awam, malah sangat mengalu-alukan dan sentiasa menyokong usaha mana-mana Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan pembangunan kemudahan pengangkutan awam di wilayah masing-masing.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MOT masih belum menerima sebarang cadangan atau permohonan secara rasmi dari mana-mana pihak bagi pembangunan sistem LRT di Johor Bahru.

3. MOT sedang memberikan tumpuan kepada pembinaan *Rapid Transit System* (RTS) yang akan menghubungkan Bukit Chagar, Johor Bahru dengan Singapura yang kini dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2026.

4. Kerajaan melalui *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) juga sedang melaksanakan Projek *Iskandar Rapid Transit* (IRT) di Iskandar Malaysia iaitu pembinaan jaringan pengangkutan awam yang berasaskan sistem *Bus Rapid Transit* (BRT). Projek ini dibiayai Kerajaan Malaysia dengan peruntukan RM1.12 bilion untuk infrastruktur awam, manakala RM2 bilion pula daripada sektor swasta bagi penyediaan bas elektrik, kemudahan pengecas elektrik dan sistem berkaitan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 128

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek dalam memperbaiki mutu PBT yang kurang terurus di kawasan luar bandar seperti Kota Marudu. Adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan khusus bagi membantu kawasan-kawasan PBT luar bandar ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) mempunyai beberapa inisiatif jangka masa panjang bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk PBT di luar bandar untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Antara inisiatif jangka panjang adalah seperti berikut:

(i) Peruntukan Geran Tahunan
Penyaluran peruntukan Geran Tahunan merupakan salah satu daripada pemberian Kerajaan Persekutuan berdasarkan Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan) 1981 [Akta 245]. Pemberian

Geran Tahunan adalah dibuat di bawah peruntukan Perkara 109(3) Perlembagaan Persekutuan yang merupakan pemberian untuk membantu PBT bagi mengurus pentadbiran mereka. Pemberian Geran Tahunan ini dibuat berdasarkan kedudukan dan sumber kewangan PBT yang terhad berbanding kos perbelanjaan dan penyelenggaraan yang semakin meningkat. Pemberian ini juga adalah antara usaha Kerajaan Persekutuan menyokong PBT dalam melaksanakan tugasnya yang merupakan Kerajaan peringkat ketiga yang diharapkan dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi keperluan masyarakat setempat.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar (SMK)
SMK merupakan suatu sumbangan Kerajaan Persekutuan bagi membantu kadar di bawah Artikel 156, Perlembagaan Persekutuan mengenai kawasan-kawasan PBT yang diduduki oleh Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan. Bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan yang dimaksudkan termasuk bangunan-bangunan yang diduduki oleh Angkatan Bersenjata tetapi tidak termasuk bangunan-bangunan yang dipunyai dan diduduki oleh Jabatan Kerajaan Negeri, Keretapi Tanah Melayu, dan Badan Berkanun.

Bagi inisiatif jangka pendek pula, Kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah Projek BP.1 iaitu bagi melaksanakan projek-projek kecil di Kawasan PBT. Program BP.1 ini bertujuan untuk membantu dan memajukan PBT melalui projek pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi yang dapat meningkatkan taraf ekonomi masyarakat setempat. Di samping itu, pelaksanaan projek di bawah BP.1 juga bertujuan untuk membantu PBT menjana pendapatan dan menjadi sebahagian aset kepada PBT berkenaan. Projek-projek yang dilaksanakan adalah bersifat *people-centric* mengikut skop seperti berikut:

i) Infrastruktur - Komponen projek yang terlibat adalah seperti

membina dan menaik taraf parit dan longkang, jalan, laluan pejalan kaki dan lampu jalan;

ii) Kemudahan Awam - Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf dewan serbaguna, kemudahan sukan dan rekreasi, pondok bas dan tandas awam; dan

iii) Sosioekonomi - Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf premis perniagaan, pasar, bazar dan gerai makan.

Di samping itu, KPKT juga memperkenalkan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada tahun 2008 sebagai instrumen penilaian tahap penyampaian perkhidmatan perbandaran dan pengurusan organisasi bagi PBT seluruh Malaysia. Penarafan ini menempatkan PBT dalam skala 1 hingga 5 Bintang di bawah empat (4) komponen penilaian (Pengurusan, Perkhidmatan-perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk). Hasil penilaian yang dilaksanakan akan dimanfaatkan untuk mewujudkan kerjasama strategik antara KPKT dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk merancang strategi dan pelan tindakan yang inklusif dan bersesuaian dengan agenda setempat PBT yang diselaraskan dan dipantau oleh PBN.

Berdasarkan pencapaian SPB-PBT Tahun 2022, KPKT mengadakan libat urus dan bimbingan bersama-sama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) Negeri Sabah dalam tahun 2023 untuk membantu PBT negeri Sabah yang mencapai penarafan 3 Bintang dan ke bawah untuk memperbaiki aspek-aspek penilaian yang memperolehi markah yang rendah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 129

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI (TUMPAT)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI (TUMPAT) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan apakah rasional Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan ditempatkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan bukan di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan sejauh manakah kewujudannya telah merancakkan input pembangunan, kebajikan dan kepimpinan kanak-kanak di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) telah ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Rasional penempatan MPKK di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah:

(i) Kanak-kanak merupakan salah satu kumpulan sasar JKM;

(ii) Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK 2001) diletakkan di bawah JKM;

(iii) Pengoperasian JKM lebih luas sehingga ke peringkat daerah, yang mana MPKK diwujudkan di setiap daerah, negeri dan kebangsaan;

(iv) Seksyen 4(1)(r) Akta Kanak-Kanak 2001 telah menetapkan dua (2) orang wakil dalam kalangan kanak-kanak sebagai ahli dalam MKBKK tersebut; dan

(v) MKBKK ini diurusetiakan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

2. Selaras dengan fungsi dan peranan penubuhan MPKK sebagai suara daripada kanak-kanak kepada kerajaan, bakat kepimpinan dan pembentukan jati diri kanak-kanak dicungkil melalui program-program yang telah dilaksanakan pada setiap tahun. Antara program yang dijalankan adalah seperti menganjurkan Persidangan MPKK, mengadakan Sesi Libat Urus Bersama MPKK dan melaksanakan Program Pemerkasaan Kerja Berpasukan MPKK Kebangsaan Di samping itu, MPKK juga terlibat dalam perbincangan dan forum yang dianjurkan dalam negara dan juga luar negara, khususnya ASEAN.

3. Seramai 336 kanak-kanak telah dipilih untuk menganggotai MPKK Peringkat Negeri bagi tempoh Januari 2022 hingga Disember 2023. Daripada jumlah tersebut seramai 34 orang kanak-kanak dipilih untuk menganggotai MPKK Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian serta keaktifan penyertaan Malaysia dalam pentaksiran Program for International Student Assessment (PISA) oleh OECD dan *Trend in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan bagaimana penanda aras dibuat di antara pelajar Malaysia dan pelajar asing berdasarkan piawaian antarabangsa.

SOALAN NO : 130

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Programme for International Student Assessment (PISA) merupakan satu kajian penandaarasan antarabangsa yang mengukur sejauh mana murid berusia 15 tahun yang melalui pendidikan formal di mana-mana institusi pendidikan formal telah memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk menyertai masyarakat moden sepenuhnya. PISA ditadbir setiap tiga tahun dalam tiga domain literasi, iaitu Literasi Bacaan, Literasi Matematik dan Literasi Saintifik. Penyertaan Malaysia dalam PISA bermula sejak tahun 2009. Sehingga kini, Malaysia telah menyertai PISA sebanyak lima kali pusingan iaitu PISA 2009, PISA 2012, PISA 2015, PISA 2018 dan PISA 2022. Sebanyak 83 buah negara/ekonomi seluruh dunia telah menyertai PISA 2022. Pusingan terkini penyertaan Malaysia dalam kajian PISA ialah PISA 2022 yang telah ditadbir bermula 17 April hingga 31 Mei 2022. Pengumuman keputusan PISA 2022 pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan dijadualkan diumumkan pada bulan Disember 2023.

Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) pula merupakan kajian perbandingan peringkat antarabangsa yang ditadbir empat tahun sekali memberi fokus kepada pentaksiran Matematik dan Sains. Malaysia mula menyertai TIMSS dalam TIMSS Gred 8 (Tingkatan Dua) melalui TIMSS 1999, TIMSS 2003, TIMSS 2007, TIMSS 2011, TIMSS 2015, TIMSS 2019 dan terkini TIMSS 2023. Penyertaan dalam TIMSS 2023 adalah penyertaan Malaysia untuk kali yang ketujuh dalam kajian ini dengan penyertaan sebanyak 60 buah negara di seluruh dunia yang akan diadakan pada September 2023.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpendirian bahawa penyertaan dalam kajian penandaarasan antarabangsa PISA dan TIMSS adalah amat relevan dalam membantu menilai sejauh mana sistem pendidikan di Malaysia berbanding dengan sistem pendidikan negara berpencapaian tinggi. Penyertaan Malaysia juga adalah selaras dengan usaha Malaysia yang berada dalam fasa pemacuan Gelombang 3 PPPM

(2021 - 2025) dan akan terus menanda aras prestasi keseluruhan sistem pendidikan negara dengan standard antarabangsa.

Selain itu, penyertaan Malaysia juga adalah selari dengan hasrat Malaysia MADANI khususnya nilai kemampanan, kesejahteraan dan daya cipta; dan seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMKe-11 dan RMKe-12).

Bagi kajian PISA, penanda aras atau perbandingan pencapaian murid dilakukan berdasarkan purata antarabangsa, iaitu skor purata negara-negara OECD yang mengambil bahagian. Purata skor tersebut adalah berbeza bagi setiap kitaran bergantung kepada pencapaian skor setiap negara OECD tersebut. Manakala bagi kajian TIMSS pula, penandaarasan berdasarkan *centre point scale* yang telah ditetapkan oleh *International Association of Evaluation of Educational Achievement* (IEA) iaitu 500 mata.

Selain melakukan perbandingan terhadap skor pencapaian murid dalam bidang yang ditaksir, kajian penandaarasan antarabangsa juga turut menyediakan data dan maklumat yang membolehkan perbandingan dilakukan contohnya tentang kelayakan dan pengalaman guru, perbandingan tentang sikap murid terhadap mempelajari matematik dan sains, sikap murid terhadap keupayaan diri, perbandingan antara dasar pengajaran dan pembelajaran (PdP) negara lain merangkumi tempoh PdP bagi mata pelajaran matematik dan sains, perbandingan antara jantina, lokasi sekolah, tahap sosio ekonomi (SES) murid dan SES sekolah.

Selain itu, kajian penandaarasan ini dapat menentukan intervensi serta strategi penambahbaikan program dan dasar bagi meningkatkan kecemerlangan serta kualiti pendidikan negara, termasuk dalam aspek pembelajaran dan kesejahteraan murid, kurikulum dan pentaksiran, pembangunan profesionalisme guru serta kepimpinan sekolah berdasarkan dapatan kajian berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 131

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan doktor perubatan yang tidak mencukupi dalam bidang Obstetrik dan Ginekologi (O&G).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, terdapat seramai 645 orang Pakar Perubatan (Obstetrik& Ginekologi) (O&G) yang berkhidmat di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seluruh negara. KKM mensasarkan jumlah pakar perubatan dengan nisbah sebanyak 1 Pakar Perubatan (O&G) : 25,000 populasi pada tahun 2025 dan 1 Pakar Perubatan (O&G) : 22,500 populasi pada tahun 2030. Ini bermakna di sektor awam, Kementerian mensasarkan seramai 1,400 orang Pakar Perubatan (O&G) pada tahun 2025 dan 1,650 orang Pakar Perubatan (O&G) pada tahun 2030. Buat masa ini sehingga tahun 2025, kita masih kekurangan seramai 755 orang Pakar Perubatan (O&G).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 133

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah dan mekanisme baharu dalam merangsang pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) khususnya di bandar-bandar utama. Ini adalah ekoran kenaikan harga bahan binaan yang memberi impak kepada pembinaan RMM dan juga penangguhan projek oleh pihak pemaju. Perincikan projek-projek baru yang telah/bakal dilaksanakan pada tahun ini mengikut pecahan negeri dan tempoh ia akan disiapkan dan juga kos jualan.

SOALAN NO : 133

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun wujud tanggapan bahawa kos bahan binaan khususnya pasca pandemik COVID-19 telah menyebabkan projek perumahan lewat dan bermasalah, namun sebenarnya ia bukanlah satu-satunya faktor penyebab kepada projek lewat siap dan bermasalah. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil maklum berhubung isu kos bahan binaan ini dan telah meneliti pelbagai usaha untuk memastikan peningkatan kos bahan binaan ini tidak menjejaskan projek perumahan sehingga ke peringkat terbengkalai. Antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu kos bahan binaan ialah dengan:

i. memohon Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC) untuk memastikan tiada penguasaan kartel dalam industri pembinaan; dan

ii. memperluaskan pelaksanaan Syarat Perubahan Harga (*Variation of prices*, VOP) dalam Kontrak Kerja Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan PK2.22;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Skim Simen Rahmah di mana harga simen pada kadar berpatutan akan ditawarkan kepada pemaju Rumah Mampu Milik (RMM) yang membangunkan kategori rumah berharga RM300,000 ke bawah. Ini melibatkan pemajuan perumahan swasta yang diluluskan Permit Iklan dan Jualan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] bermula daripada 1 Mei 2023 sehingga 30 Jun 2024. Melalui program ini, rakyat akan memperoleh manfaat pengurangan harga rumah maksimum sehingga RM5,000 mengikut jenis dan harga rumah.

Industri perumahan adalah satu yang bersifat dinamik di mana semua masalah projek perumahan tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa pendek. Mengambil kira pelbagai faktor yang turut mempengaruhi

kelewatan projek, *Task Force* Projek Perumahan Swasta dan Terbengkalai telah ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan mana-mana projek yang dikategorikan sebagai projek lewat, sakit dan terbengkalai. Melalui *task force* ini, telah dinyatakan empat (4) elemen utama iaitu *Track, Resolve, Preventive* dan *Foward Modelling* yang akan diterjemahkan kepada bentuk tindakan pemantauan pencegahan dan pemulihan supaya projek-projek perumahan swasta yang lewat dan sakit berjaya siap untuk diduduki atau kembali lancar mengikut kemajuan yang ditetapkan dan pencegahan kepada projek-projek sedia ada supaya tidak menjadi lewat dan sakit. Mesyuarat *Task Force* ini diadakan setiap bulan dan pemakluman status projek perumahan sakit dan terbengkalai kepada orang ramai dan pihak media dilaksanakan secara berkala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula 1 Januari sehingga 12 Mei 2023, sebanyak 838 Permit Iklan dan Jualan Pemajuan Perumahan telah diluluskan atau diperbaharui melibatkan 70,851 unit rumah di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak 6,505 unit (9.2%) melibatkan pembinaan RMM yang akan dibina dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) tahun dengan harga RM300,000 dan ke bawah. Pengkelasan unit-unit rumah berkenaan mengikut negeri, tempoh penyiapan dan julat harga adalah seperti di **Lampiran**.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 133

LAMPIRAN

Ringkasan Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Bagi Tahun 2023
Mengikut Negeri, Tempoh Jangka Siap dan Kos Jualan

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT DILULUSKAN	TEMPOH PEMBINAAN (BULAN)		JULAT HARGA (RM)	
			24	36	MIN	MAX
Johor	8	432	7	1	42,000.00	300,000.00
Kedah	3	186	2	1	45,000.00	300,000.00
Kelantan	7	228	7	0	235,000.00	300,000.00
Melaka	8	1,087	3	5	45,000.00	290,000.00
Negeri Sembilan	6	197	5	1	80,000.00	265,002.00
Pahang	3	28	3	0	239,000.00	290,000.00
Pulau Pinang	1	112	0	1	150,000.00	300,000.00
Perak	3	333	3	0	180,000.00	298,000.00
Perlis	-	-	-	-	-	-
Selangor	7	2,726	1	6	270,000.00	300,000.00
Terengganu	1	13	1	0	200,000.00	230,000.00
WP Kuala Lumpur	3	1,163	0	3	150,000.00	300,000.00
WP Putrajaya	-	-	-	-	-	-
Sarawak	-	-	-	-	-	-
Sabah	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**50**	**6,505**	**32**	**18**		

SOALAN NO: 133

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN AFNAN HAMIMI BIN TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan untuk membantu golongan muda B40 bagi memiliki rumah kediaman pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini terdapat tiga (3) program perumahan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi golongan sasar B40 di seluruh negara termasuk golongan anak muda. Program tersebut merangkumi Program Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Belia Madani (RBM).

Di bawah program perumahan PPR, KPKT memperkenalkan skim *Rent-to-Own* (RTO) bagi membantu pemilikan rumah golongan berpendapatan B40 yang telah ditawarkan unit PPR tapi gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Program RMR pula dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan mampu memberi manfaat kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran. Kedua-dua program tersebut adalah program perumahan subsidi bersasar, di mana Kerajaan menanggung subsidi bagi memastikan golongan tersebut dapat memiliki rumah.

KPKT juga sedang merancang pembinaan RBM di kawasan Lembah Klang. Inisiatif RBM adalah inisiatif Kerajaan dalam penyediaan perumahan secara transit untuk golongan belia yang berumur 35 tahun dan ke bawah untuk mendiami rumah tersebut bagi suatu tempoh yang dirasakan cukup sehingga mereka dapat mengukuhkan kedudukan kewangan dan seterusnya memiliki kediaman sendiri. RBM yang pertama akan dibangunkan di Mukim Batu, Sentul melibatkan 1,048 unit.

Seterusnya, untuk terus membantu golongan sasar ini memiliki rumah, melalui Belanjawan MADANI 2023, Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) bersedia menjamin nilai pinjaman sehingga RM5 billion bagi memanfaatkan 20,000 peminjam perumahan, khususnya pembeli rumah pertama. Jaminan Kerajaan ini adalah bagi membantu peminjam yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 134

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN CHIEW CHOON MAN (MIRI)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN CHIEW CHOON MAN (MIRI) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kementerian dalam menyediakan satu Anjung Singgah di Miri memandangkan bilangan golongan gelandangan yang semakin meningkat atas sebab Bandaraya Miri telah menjadi satu pusat tumpuan penduduk di bahagian utara Wilayah Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyambut baik dan menyokong pemakluman oleh Majlis Bandaraya Miri berhubung cadangan penubuhan Tempat Transit Gelandangan (TTG) di Bandaraya Miri oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang mempunyai tugas, tanggungjawab, fungsi dan peranan yang hampir menyamai peranan Anjung Singgah yang dibangunkan di bawah KPWKM.

2. Untuk makluman, KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) turut dijemput sebagai rakan strategik dalam menjayakan penubuhan dan pengoperasian TTG ini. Penglibatan YKN adalah melalui sumbangan konsultasi pengoperasian berdasarkan kepada pengalaman dalam membantu gelandangan di Anjung Singgah.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 135

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [**PADANG SERAI**] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bilangan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan di seluruh negara untuk memperkasa komuniti setempat mengikut negeri, dan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan penyertaan anak muda dalam aktiviti kesukarelawanan di Rukun Tetangga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dilancarkan pada 29 Ogos 1975 sebagai organisasi sukarela dan tonggak perpaduan dalam komuniti. Sehingga kini, terdapat sebanyak **8,348 KRT** ditubuhkan **di seluruh negara**. **Pecahan KRT mengikut 16 negeri** adalah seperti berikut:

1.1 Selangor - 1,077
1.2 Sabah - 1,074
1.3 Sarawak - 1,064
1.4 Johor - 849

1.5 Perak - 583
1.6 Pahang - 557
1.7 Pulau Pinang - 511
1.8 Terengganu - 519
1.9 Kedah - 510
1.10 Kelantan - 470
1.11 Negeri Sembilan - 354
1.12 WP Kuala Lumpur - 298
1.13 Melaka - 252
1.14 Perlis - 139
1.15 WP Putrajaya - 55
1.16 WP Labuan - 36

2. JPNIN telah memperkasakan peranan dan memperluaskan akses komuniti dalam KRT menerusi pewujudan **enam kelompok komuniti** mengikut perkembangan zaman, berimpak tinggi dan bersasar mengikut umur. Platform ini termasuk penubuhan Jiran Muda, Jiran Wanita, Jiran Warga Emas, Tunas Jiran, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Skuad Uniti di bawah payung Jawatankuasa KRT.

3. Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap tahap keaktifan penglibatan dan penghayatan generasi muda dalam program kesukarelawan dalam komuniti setempat. Oleh itu, sebanyak **5,915 Jiran Muda** telah wujud tepat pada masanya sebagai salah satu kelompok yang memperkasakan **komuniti belia**.

4. Antara lain, fokus kewujudan Jiran Muda dalam KRT termasuk:

4.1 Melibatkan golongan muda dalam aktiviti-aktiviti kejiranan dan pembangunan komuniti.

4.2 Memberi latihan kepimpinan dan perkembangan jasmani, rohani, emosi dan sosial.

4.3 Menyediakan peluang kepada golongan muda untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka tentang

kepelbagaian kehidupan dalam masyarakat yang berbeza latar belakang dan budaya.

4.4 Menggalakkan golongan muda untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarela.

5. Justeru, berikut adalah pelbagai pendekatan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dari semasa ke semasa:

5.1 Beberapa inisiatif telah digariskan dalam **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** khususnya untuk golongan muda:

(i) Penetapan kuota **sekurang-kurangnya 30 peratus anggota dalam Jawatankuasa KRT** dipegang oleh **golongan muda** yang berumur di antara **18 hingga 35 tahun**.

(ii) **Meningkatkan penglibatan golongan muda sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga** melalui beberapa program seperti Program Pemimpin Muda Lestari, Pemimpin Muda Prihatin, Program *Young, Effective and Smart (YES),* Jelajah Pemimpin Muda, *Midnight Adventure for Youngsters* serta Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif.

(iii) Memperkasakan kelompok komuniti Jiran Muda di bawah Teras Kelima dalam pelan ini melalui dua strategi utama iaitu **memperluaskan penubuhan Jiran Muda dalam kawasan kejiranan** serta **menambah baik program dan aktiviti Jiran Muda.** Terdapat **lebih 20 program dan aktiviti** berkaitan Jiran Muda telah dirangka dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Ini merangkumi Program Usahawan Muda (*MyPreneur*), Program Jejak Kerjaya, Projek Inovasi Jiran Muda, Program *Internet of Thing* (IoT) dan Program Tuisyen Percuma.

5.2 Memberi **<u>pengiktirafan</u> kepada ahli-ahli Jiran Muda** yang berprestasi tinggi dalam penyampaian perkhidmatan dan memberi sumbangan pembangunan yang berimpak tinggi kepada komuniti masing-masing menerusi **Majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga** yang dilaksanakan setiap dua tahun sekali. Pengiktirafan ini sekali gus dapat meningkatkan penglibatan aktif golongan muda dalam komuniti.

5.3 Mewujudkan kerjasama strategik di antara Kementerian dengan pelbagai luar seperti Agensi Kerajaan lain, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan pihak swasta dalam usaha memperbanyakkan dan mempelbagaikan program dan pengisian aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan yang seiring dengan cabaran, keperluan, trend dan minat anak-anak muda masa kini.

6. Kelebihan golongan remeja dengan aura dan usia muda perlu dimanfaatkan sebaiknya. Oleh itu, ahli-ahli Jiran Muda dalam KRT dilihat sebagai denyut nadi dan penggerak kepada pembangunan masyarakat dan perpaduan negara MADANI yang inklusif. Menyedari akan kepentingan ini, Kementerian dan JPNIN akan terus **menyediakan ruang, peluang dan mekanisme yang bersesuaian** agar keterlibatan dan potensi kesukarelawan golongan muda terserlah dan berkembang ke tahap yang sepatutnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 136

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB (TENGGARA)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB (TENGGARA) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah penerima bantuan BAKTIDESA.

SOALAN NO : 136

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akaun Amanah BAKTIDESA (AAB) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 dengan tujuan untuk menerima sumbangan daripada syarikat milikan agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW), syarikat swasta dan individu. Terdapat tiga (3) program utama AAB iaitu Program Bantuan Persediaan Kemasukan (BPK) kepada pelajar luar bandar ke pelbagai peringkat pengajian institusi pendidikan, Program Bantuan Bencana dan Program Bantuan Khidmat Masyarakat *(CSR)*.

Daripada tahun 2019 sehingga 31 Mac 2023, seramai 1,656 orang pelajar luar bandar daripada golongan miskin/ miskin tegar dan berpendapatan rendah telah menerima Bantuan Persediaan Kemasukan (BPK) BAKTIDESA secara *one-off* dengan jumlah bantuan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM1,580,530.00. Selain itu, sebanyak RM450,000.00 telah disalurkan untuk Program Bantuan Bencana dalam bentuk bakul makanan melibatkan seramai 4,500 orang dan sebanyak RM356,772.10 pula telah disalurkan bagi tujuan Program Bantuan Khidmat Masyarakat (*CSR*).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 137

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah-sekolah daif serta tidak selamat di Sabah yang telah dibaiki atau naik taraf sejak 5 tahun kebelakangan ini (dan di mana) dan perancangan Kerajaan untuk membaiki dan menaik taraf sekolah-sekolah yang berkeadaan sedemikian dalam tempoh 5 tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang selamat dan kondusif bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2019 sehingga tahun 2023, sebanyak 154 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah di Sabah telah diluluskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM2.208 bilion. Sehingga 12 Mei 2023, status terkini pelaksanaan projek adalah 60 projek telah siap, 34 projek pada peringkat pembinaan dan 60 projek pada peringkat prabina. Pecahan projek mengikut parlimen adalah seperti berikut 27 projek di Kota Belud, 15 projek di Ranau, 14 projek masing masing di Kudat dan Keningau, 12 projek di Beaufort, sembilan projek di Beluran, lapan projek masing-masing

di Kimanis dan Pensiangan, tujuh projek di Kota Marudu, enam projek masing-masing di Papar dan Tuaran, lima projek masing-masing di Kinabatangan dan Tenom, empat projek di Silam, tiga projek di Tawau, dua projek masing-masing di Penampang, Semporna, Sepanggar, Sipitang dan satu projek masing-masing di Kalabakan, Libaran dan Tuaran. Di samping itu, dalam tempoh yang sama, KPM telah meluluskan peruntukan penyelenggaraan bagi 2,133 buah sekolah di negeri Sabah berjumlah RM209.23 juta.

Berhubung perancangan kerajaan bagi menaik taraf dan pembinaan gantian bangunan yang daif di negeri Sabah, KPM melalui Jabatan Pendidkan Negeri (JPN) Sabah akan meneliti setiap sekolah tersebut berdasarkan keperluan sebenar, enrolmen murid, saiz tapak serta status hak milik tanah. Permohonan projek menaik taraf dan pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif berskala 6 dan 7 dikemukakan secara berfasa kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Walau bagaimanapun kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 138

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) jumlah guru pendidikan khas yang tidak mengikut bidang pengkhususan semasa kursus yang diambil di peringkat sarjana muda; dan
(b) langkah menyelesaikan masalah ini.

SOALAN NO : 138

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan guru yang ditempatkan di program pendidikan khas mempunyai opsyen yang bersesuaian dengan ketidakupayaan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) iaitu masalah pembelajaran, ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan.

Berdasarkan rekod KPM, sehingga 30 April 2023, terdapat seramai 18,491 orang guru mengajar pendidikan khas di sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi. Daripada jumlah tersebut, seramai 17,996 orang guru mendapat latihan dalam bidang pendidikan khas, iaitu 11,258 orang guru dengan opsyen masalah pembelajaran, 567 orang guru dengan opsyen ketidakupayaan pendengaran dan 248 orang guru dengan opsyen ketidakupayaan penglihatan serta 5,923 orang guru merupakan guru opsyen pendidikan khas tanpa bidang pengkhususan. Oleh yang demikian, hanya 495 orang guru merupakan guru bukan opsyen pendidikan khas.

Bagi meningkatkan jumlah guru opsyen pendidikan khas mengikut bidang pengkhususan, KPM melaksanakan pengambilan calon guru di Institut Pendidikan Guru Malaysia bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan bidang masalah pembelajaran, ketidakupayaan pendengaran dan ketidakupayaan penglihatan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 139

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan masalah kekurangan mesin dialisis untuk pesakit-pesakit buah pinggang yang kian bertambah dan juga masalah kelewatan rawatan klinik mata untuk para pesakit yang terpaksa menunggu lebih 6 bulan untuk mendapat rawatan.

NO. SOALAN: 139

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di Malaysia, pesakit yang menjalani rawatan dialisis meningkat setiap tahun dan kajian menunjukkan pesakit buah pinggang tahap akhir akan mencecah lebih dari 100,000 pada tahun 2040.

2. Untuk mengatasi masalah kekurangan mesin dialisis dengan peningkatan pesakit, setiap hospital KKM yang dibina baru akan turut dilengkapkan dengan kemudahan unit hemodialisis. Ini akan dapat meningkatkan kapasiti rawatan hemodialisis, dengan purata pertambahan minimum sebanyak 40-60 pesakit bergantung kepada peruntukan kewangan, bilangan staf dan shift rawatan.

3. KKM juga sedang giat berusaha dalam melaksanakan perluasan *Peritoneal Dialysis* sebagai pilihan rawatan dialisis utama di Malaysia ("*PD First Policy*"), iaitu sebagai hala tuju terkini rawatan pesakit kegagalan ginjal tahap akhir (*end stage kidney disease*). Polisi yang diluluskan pada tahun Oktober 2022 ini bertujuan untuk memastikan kelestarian rawatan dialisis dalam jangkamasa panjang dan meningkatkan akses pesakit kepada rawatan dialisis yang berciri *patient-centred*.

4. Rawatan *peritoneal dialysis* akan menjadi kaedah rawatan utama berbanding hemodialisis di dalam hala tuju pengurusan pesakit kegagalan ginjal tahap akhir (*end stage kidney disease*) di masa hadapan. Kaedah rawatan CAPD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan memberi kelebihan kepada pesakit termasuk dari segi penjimatan masa dan pengurangan kos berulang-alik ke fasiliti dialisis.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi masalah kelewatan rawatan di klinik mata pula, secara keseluruhan terdapat **48** hospital dengan perkhidmatan kepakaran Opthalmologi dengan residen pakar. Kedatangan pesakit Opthalmologi ke klinik-klinik pakar opthalmologi hospital KKM menunjukkan

peningkatan 16 sehingga 20 peratus merangkumi kedatangan sebanyak 1,005,140 pada tahun 2020, kedatangan sebanyak 912,526 pada 2021 dan 1,166,512 pada tahun 2020. Temujanji untuk berjumpa pakar di klinik Opthalmologi khususnya dan amnya di semua Klinik Pakar dibahagikan kepada temujanji untuk kes yang perlu ditangani segera yang akan diberi temujanji secepat mungkin dan temujanji kes kronik yang tidak memerlukan temujanji segera dan diberi temujanji berdasarkan ketersediaan slot temujanji di kinik pakar dan keadaan terkini pesakit itu sendiri.

6. Pelbagai inisiatif telah dan sedang dijalankan bukan sahaja di klinik Opthalmologi malah melibatkan klinik-klinik pakar keseluruhan bagi memastikan pesakit mendapat rawatan yang diperlukan di samping mengurangkan tempoh mendapatkan temujanji merangkumi;

(i) Mengaplikasikan *Lean Healthcare* di klinik pakar dengan memfokuskan kepada keseluruhan proses kerja bagi mengurangkan aktiviti yang tiada nilai tambah demi meningkatkan efisiensi. Proses yang berulang dan menyebabkan ketidaklancaran pergerakan pesakit dapat dikurangkan atau dihapuskan sama sekali bagi memastikan aliran pesakit tidak terganggu. Ini membantu memendekkan masa menunggu semasa temujanji dan slot temujanji untuk mendapatkan rawatan dapat diberikan mengikut kesesuaian kes rujukan disamping mewujudkan lebih banyak slot temujanji bagi mengurangkan waktu menunggu mendapatkan temujanji;

(ii) Menggalakkan kerjasama *networking* di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar terutamanya melalui pelaksanaan Hospital Kluster di mana klinik pakar di buka di hospital tanpa pakar. Ini membolehkan pesakit luar bandar mendapat slot temujanji klinik pakar tanpa perlu dirujuk ke hospital berpakar dan menunggu lebih lama untuk dilihat oleh doktor pakar. Pembentukan sesebuah hospital kluster melibatkan sekurang-kurangnya satu hospital berpakar sebagai hospital utama yang dikenali sebagai *lead hospital* (LH) dan hospital-hospital lain sebagai *non lead* (NLH). Sesebuah kluster

akan menyediakan perkhidmatan kepakaran kepada semua pesakit yang berada di dalam liputan rangkaian kesemua hospital yang terlibat dan kesemua sumber termasuk kepakaran, peralatan, sumber manusia, fasiliti dan lain-lain kemudahan dikongsi di antara kesemua hospital di dalam kluster tersebut;

(iii) Menganjurkan projek pembedahan katarak *outreach*. Projek ini dijalankan dengan mengetengahkan konsep rawatan katarak Klinik Katarak KKM (KK-KKM) dan pusat katarak (KK-KKM Satelit). Sejak ia dilancarkan, sehingga penghujung tahun 2022, sebanyak 12% pembedahan katarak telah dijalankan di luar hospital. Kedua-dua perkhidmatan ini mampu mengurangkan kesesakan di klinik pakar di samping meningkatkan akses kepada rawatan katarak tanpa perlu mengunjungi hospital berpakar. Secara tidak langsung inisiatif ini dapat membantu mengurangkan tempoh masa menunggu Klinik Opthalmologi; dan

(iv) Inisiatif lain yang dijalankan adalah *Mass Cataract Surgery Initiative (MCSI)* atau KK-KKM Karnival di mana pembedahan katarak dijalankan secara beramai-ramai untuk tempoh beberapa hari. Ia membantu dalam mengurangkan tunggakan pembedahan di hospital masing-masing. Jika dijalankan secara berterusan, ia mampu mengurangkan tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan sehingga 50%.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 140

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sekiranya Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf lapangan terbang di Bandar Kudat untuk merancakkan pembangunan dan aliran ekonomi di Kudat melalui ketibaan pelancong dan juga sistem kargo udara.

NO. SOALAN : 140

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan untuk menaik taraf Padang Terbang (*Short Take Off And Landing* - STOLPort) Kudat akan dipertimbangkan dengan mengambil kira jumlah permintaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

2. Dalam hubungan ini, sebarang cadangan untuk menaik taraf atau membina lapangan terbang baharu perlu disokong oleh unjuran-unjuran yang realistik dan tepat, khususnya unjuran permintaan perkhidmatan penumpang dan kargo serta komitmen syarikat penerbangan yang ingin menggunakan STOLPort Kudat.

3. Berdasarkan statistik kendalian penumpang oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), rekod bilangan penumpang STOL Port Kudat dari 2018 ke 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Penumpang
2018	5,067
2019	1,589
2020	636
2021	0
2022	0

4. Berdasarkan permintaan keadaan semasa, pihak Kementerian tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menaik taraf lapangan terbang tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memantau trend penggunaan di semua lapangan terbang termasuk di STOLport Kudat bersama keperluan masyarakat setempat untuk memastikan projek penaiktarafan dapat dirancang dengan lebih awal apabila keadaan memerlukan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 141

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meluaskan skim pencen kepada atlet-atlet negara yang berjaya meraih pingat tertinggi di peringkat antarabangsa sebagai salah satu cara negara menghargai bakat dan usaha lelah mereka dalam mengharumkan nama negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sentiasa memberikan keutamaan kepada atlet-atlet negara sama ada dalam persiapan latihan ke arah peningkatan prestasi, aspek kebajikan, pendidikan dan kerjaya.

Bagi atlet-atlet yang berjaya meraih pingat di pentas Olimpik, MSN telah menyediakan Skim Imbuhan Tetap Sukan Olimpik (SITO) di mana atlet yang meraih pingat emas akan menerima ganjaran bernilai RM5,000, RM3,000 untuk pingat perak dan RM2,000 untuk pingat gangsa. Ganjaran

di bawah SITO ini akan diberikan setiap bulan di sepanjang hayat atlet berkenaan.

Selain itu, Kementerian ini melalui Projek Road to Gold (RTG) sedang mengkaji secara teliti skim pencen dalam bentuk pemberian ganjaran bersesuaian kepada atlet yang mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Pada masa ini Kementerian telah menyediakan Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) kepada atlet berdasarkan kriteria seperti berikut:

A. Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM)

(a) Pecahan Kumpulan Sukan A dan nilai mengikut kelayakan dan pingat semasa temasya seperti berikut:

KELAYAKAN / PINGAT	KUMPULAN A		
	A1	A2	A3
	SUKAN OLIMPIK	SUKAN KOMANWEL	SUKAN SEA
INDIVIDU			
Emas	1,000,000.00	80,000.00	20,000.00
Perak	300,000.00	40,000.00	--
Gangsa	100,000.00	20,000.00	--
PASUKAN (4 ORANG KEBAWAH)			
Emas / Pasukan	1,000,000.00	80,000.00	20,000.00
Perak / Pasukan	300,000.00	40,000.00	--
Gangsa / Pasukan	100,000.00	20,000.00	--
PASUKAN (5 ORANG KEATAS)			
Emas / Individu	150,000.00	15,000.00	5,000.00
Perak / Individu	40,000.00	8,000.00	--
Gangsa / Individu	20,000.00	4,000.00	--

**Temasya Sukan SEA: RM10,000.00 untuk pingat emas (individu) kedua dan seterusnya.*

(b) Pecahan Kumpulan Sukan B dan nilai mengikut kelas kelayakan dan pingat seperti berikut:

BIL.	KELAYAKAN / PINGAT	KELAS 1	KELAS 2
1	**KUMPULAN B1** **(KEJOHANAN DUNIA)** **INDIVIDU** Emas Perak Gangsa **PASUKAN (4 ORANG KEBAWAH)** Emas / Pasukan Perak / Pasukan Gangsa / Pasukan **PASUKAN (5 ORANG KEATAS)** Emas / Individu Perak / Individu Gangsa / Individu	 80,000.00 40,000.00 20,000.00 80,000.00 40,000.00 20,000.00 15,000.00 8,000.00 4,000.00	 20,000.00 10,000.00 5,000.00 20,000.00 10,000.00 5,000.00 4,000.00 2,000.00 1,000.00
2	**KUMPULAN B2** **(KEJOHANAN KOMANWEL/ASIA)** **INDIVIDU** Emas Perak Gangsa **PASUKAN (4 ORANG KEBAWAH)** Emas / Pasukan Perak / Pasukan Gangsa / Pasukan **PASUKAN (5 ORANG KEATAS)** Emas / Individu Perak / Individu Gangsa / Individu	 40,000.00 20,000.00 10,000.00 40,000.00 20,000.00 10,000.00 8,000.00 4,000.00 2,000.00	 10,000.00 5,000.00 3,000.00 20,000.00 10,000.00 5,000.00 2,000.00 1,000.00 500.00

B. Skim Imbuhan Tetap Sukan Olimpik (SITO)

(a) Imbuhan bulanan yang diterima oleh atlet selain daripada Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) adalah seperti berikut:

PINGAT	IMBUHANAN BULANAN
Emas	RM5,000.00
Perak	RM3,000.00
Gangsa	RM2,000.00

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 142

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI]**
TARIKH	**:**	**06 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selain daripada kebenaran memakai pakaian sukan adakah Kementerian akan mengeluarkan Garis Panduan Khusus buat sekolah-sekolah dalam menghadapi cuaca panas sebagai usaha menjaga keselamatan para murid dan guru daripada sebarang kemudaratan.

SOALAN NO : 142

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid termasuk semasa menghadapi keadaan cuaca panas berpanjangan ketika ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM turut sentiasa mengutamakan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid khususnya semasa menghadapi keadaan cuaca di luar jangkaan seperti fenomena cuaca panas berpanjangan ketika ini.

Berdasarkan Surat Siaran KPM Bilangan 5 Tahun 2016: Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Yang Berpanjangan bertarikh 26 April 2016, KPM mengingatkan semua JPN, PPD dan institusi pendidikan agar melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya semasa menghadapi fenomena cuaca panas dan kering berpanjangan atau sebarang keadaan cuaca diluar jangkaan.

Langkah tersebut termasuklah menangguhkan aktiviti luar bilik darjah jika cuaca terlalu panas, memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan dan menggalakkan pengambilan air dalam kalangan murid mengikut kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan. JPN, PPD dan institusi pendidikan juga diingatkan agar sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat cuaca panas.

KPM juga telah memperingatkan sekali lagi berkenaan langkah pencegahan ini melalui Surat Peringatan Berkaitan Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Jerebu bertarikh 26 April 2023.

SOALAN NO : 142

KPM turut menyediakan Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas yang dikeluarkan menerusi Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 28 April 2023 sebagai panduan kepada JPN, PPD dan institusi pendidikan agar dapat mengambil langkah sewajarnya khususnya penutupan institusi pendidikan sekiranya situasi fenomena cuaca panas mencecah tahap gelombang haba.

Terkini, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas yang dikeluarkan menerusi Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023 bertarikh 6 Jun 2023 sebagai panduan kepada semua institusi pendidikan bawah KPM agar dapat mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya semasa melaksanakan aktiviti luar bilik darjah bagi mengurangkan komplikasi akibat cuaca panas. Dengan berkuat kuasa surat siaran ini maka surat KPM berkaitan Penangguhan Aktiviti Luar Semasa Menghadapi Cuaca Panas bertarikh 5 Mei 2023 adalah terbatal.

KPM mengambil berat kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh warganya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 143

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK MATBALI BIN MUSAH [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kemudahan lain, selain kenderaan ambulans yang boleh digunakan oleh masyarakat di pedalaman seperti Long Pasia, Long Mio dan Iburu, Sipitang jika berlaku kecemasan kerana jalan yang sedia ada hanya boleh dilalui menggunakan pacuan 4 roda dan mengambil masa yang agak lama ke Hospital Daerah Sipitang.

JAWAPAN

1. Jalan sedia ada dari Long Pasia, Long Mio dan Iburu yang digunakan oleh masyarakat setempat hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda sahaja dan mengambil masa 6 hingga 8 jam untuk sampai ke Hospital Daerah Sipitang. Tempoh perjalanan ini juga bergantung kepada keadaan cuaca. Ambulans pacuan 4 roda (4WD) disediakan oleh fasiliti kesihatan khas bagi menangani kes-kes kecemasan di dalam kawasan-kawasan tersebut. Selain ambulans pacuan 4 roda, kes-kes kecemasan dikendalikan dengan menggunakan pengangkutan udara iaitu perkhidmatan MEDEVAC (*Medical evacuation*) yang disediakan oleh Hospital Queen Elizabeth.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 144

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah bas henti-henti milik Prasarana Malaysia Berhad yang beroperasi secara optimum setiap hari, jumlah bas yang tidak beroperasi sepenuhnya di Lembah Klang atau tersadai di depot dan faktor mengapa bas-bas tersebut tidak digunakan.

NO. SOALAN : 144

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Rapid Bus (anak syarikat Kumpulan Prasarana) adalah pengendali perkhidmatan bas yang mengendalikan sejumlah 1,757 buah bas yang merangkumi bas yang boleh dioperasikan dan bas dalam pembaikan. Daripada 1,757 buah bas, sekitar 900 buah sahaja yang masih lagi aktif beroperasi. Hal ini kerana 45% daripada jumlah keseluruhan bas terdiri daripada bas yang berusia melebihi 10 tahun yang memerlukan pembaikian dan penyelenggaraan.

2. Rapid Bus menjalankan penyelenggaraan pada semua bas-bas dalam pegangan kami. Jumlah bas yang dalam pembaikan berbanding jumlah bas yang boleh digunakan untuk operasi berubah-ubah mengikut jenis pembaikan yang dilaksanakan terhadap sesuatu bas.

3. Kekurangan kapten bas adalah antara faktor mengapa pengoperasian bas tidak dapat dioptimumkan. Berdasarkan rekod kami, terdapat 867 kekosongan kapten bas yang perlu diisi sehingga hujung tahun 2023. Untuk menangani isu ini, aktiviti pengambilan sedang giat dijalankan dan bagi menarik minat lebih ramai calon berpotensi, penambahbaikan faedah kakitangan telah dilaksanakan seperti kenaikan elaun dan gred untuk kapten bas.

4. Menerusi inisiatif '*Fleet Replacement and Electrification Program'*, Rapid Bus juga sedang menggantikan bas - bas yang sudah lanjut usia serta berisiko untuk mengalami kerosakan dengan kos pembaikan yang tinggi dan tidak ekonomi, kepada bas elektrik dan bas diesel baharu. Berdasarkan rangka kerja program ini, proses penggantian ini dijangka akan bermula pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 145

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI PEMBANGUNAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah ada perancangan serta penyaluran peruntukan daripada Kementerian untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur dan utiliti awam bagi penjaja serta peniaga kecil di Majlis Daerah Bau dan Majlis Daerah Lundu berbanding langkah penswastaan untuk tujuan berkenaan.

SOALAN NO : 145

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menyalurkan bantuan melalui pelaksanaan projek-projek berskala kecil BP1 yang meliputi skop projek infrastruktur, kemudahan awam, sosio-ekonomi dan keselamatan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Skop sosio-ekonomi di bawah BP.1 antaranya adalah projek-projek menaik taraf kemudahan infrastruktur dan utiliti awam bagi penjaja serta peniaga kecil dalam kawasan operasi PBT.

Penyaluran peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek di bawah skop tersebut adalah tertakluk kepada permohonan yang diterima daripada PBT. Berdasarkan rekod tahun 2023, pihak Majlis Daerah Bau dan Majlis Daerah Lundu belum mengemukakan sebarang permohonan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek tersebut. Sehubungan itu, MD Bau dan MD Lundu bolehlah mengemukakan permohonan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek di bawah skop BP1 untuk pertimbangan KPKT selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 146

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan pihak Kementerian menangani masalah klinik desa dan pejabat sub sektor kesihatan yang daif di kawasan Kota Marudu yang berstatus BER (Beyond Economic Repair) dan usang. Fasiliti-fasiliti kesihatan ini adalah menjadi keperluan masyarakat di kawasan luar pekan Kota Marudu yang jauh bagi mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

NO. SOALAN: 146

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenal pasti fasiliti klinik daif di seluruh Malaysia termasuk di kawasan Kota Marudu, Sabah. Peruntukan khas yang diluluskan dalam Bajet Belanjawan Negara 2023 oleh Perdana Menteri untuk menaiktaraf klinik daif di seluruh Malaysia sedang dalam pelaksanaan, termasuk 19 klinik daif di negeri Sabah.

2. Bagi fasiliti di kawasan Kota Marudu, sejumlah RM300,000 peruntukan pembangunan telah disediakan untuk kerja menaiktaraf Pejabat Sub Sektor Sonsogon Sungai Magandai pada tahun 2023. Manakala pada tahun 2024 fasiliti yang bakal di naiktaraf adalah Klinik Desa (KD) Ghosen, KD Masalog, KD Tanjung Batu, KD Timbang Batu, KD Tagaroh, KD Kota Marudu, KD Samparita dan Klinik Kesihatan Ibu & Anak (KKIA) Kota Marudu. Selain itu, Pejabat Subsektor Samparita dan Pejabat Subsektor Marak Parak juga akan dinaiktaraf pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 147

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM** **[PASIR GUDANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk mengatasi isu lambakan rumah siap tidak terjual termasuk rumah mampu milik.

SOALAN NO : 147

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius akan isu rumah siap dibina tidak terjual. Dalam prinsip ekonomi yang sihat, produk yang dibekalkan ke pasaran seharusnya berdasarkan penawaran dan permintaan (*supply and demand*). Antara faktor yang menyebabkan keadaan tidak sepadan (*mismatch*) adalah disebabkan oleh harga yang tidak berpadanan dengan kemampuan pembeli berdasarkan lokaliti, jenis rumah yang tidak diminati dan lokasi yang kurang strategik seperti jauh dari pusat ekonomi serta ketiadaan pengangkutan awam yang sesuai.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengkaji dengan lebih teliti punca berlakunya ketidaksepadanan di antara penawaran dan permintaan yang menyebabkan berlakunya lambakan hartanah yang tidak terjual. Berdasarkan perbincangan bersama Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (*National Property Information Centre*, NAPIC), Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (*Real Estate and Housing Developers' Association*, REHDA) dan Khazanah Research Institute (KRI) data lambakan hartanah tidak terjual perlu diperincikan berdasarkan harga, lokasi, kemampuan lokaliti, jenis kediaman dan sebagainya supaya penyelesaian kepada isu ini dapat dilaksanakan dengan lebih praktikal. KPKT juga amat menggalakkan pemaju untuk membuat kajian kebolehlaksanaan sebelum sebarang pemajuan dilaksanakan.

Di bawah Belanjawan Madani 2023, KPKT telah diberi peruntukan untuk membangunkan sistem Analitis Data Raya (BDA) Perumahan sebagai sumber rujukan berpusat bagi data perumahan. Di masa hadapan apabila BDA telah dibangunkan, KPKT menjangkakan isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan melalui perancangan yang lebih tepat dan teliti. Selain itu, KPKT juga sedang meneliti polisi dan dasar yang bersesuaian untuk menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 148

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah tren yang beroperasi berbanding jumlah keseluruhan tren bagi MRT dan LRT buat masa ini bagi setiap laluan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat ini, terdapat 5 laluan operasi perkhidmatan tren di lima (5) laluan iaitu LRT Laluan Ampang, LRT Laluan Kelana Jaya, Monorel Kuala Lumpur, MRT Laluan Kajang dan MRT Laluan Putrajaya yang dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn. Bhd (RRSB).

2. Jumlah tren yang beroperasi (*train availability*) untuk kesemua lima laluan tersebut adalah seperti berikut:

i. LRT Laluan Ampang: 41 unit tren daripada keseluruhan 50 unit tren;
ii. LRT Laluan Kelana Jaya: 41 unit tren daripada keseluruhan 80 unit tren;
iii. Monorel Kuala Lumpur: 8 unit tren daripada keseluruhan 10 unit tren;
iv. MRT Laluan Kajang: 29 unit tren daripada keseluruhan 58 unit tren; dan
v. MRT Laluan Putrajaya: 45 unit tren daripada keseluruhan 49 unit tren.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berhubung garis panduan kemudahan asas di tadika dan sekolah swasta berdaftar seperti mesin minuman air (*water dispenser*) dan kemudahan tandas mesra kanak-kanak, serta berapa bilangan tadika dan sekolah swasta yang tidak berdaftar dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya.

SOALAN NO : 149

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan institusi pendidikan swasta (IPS) menyediakan perkhidmatan pendidikan yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan dan pendaftaran IPS seperti tadika swasta dan sekolah swasta adalah berdasarkan garis panduan penubuhan, pendaftaran dan pengoperasian yang ditetapkan oleh KPM. Garis panduan ini merangkumi aspek pengurusan dan pentadbiran, kurikulum, premis dan kemudahan termasuk tandas yang bersesuaian mengikut keperluan murid IPS masing-masing.

Walau bagaimanapun, IPS turut diberikan autonomi dalam mengurus dan mentadbir institusi masing-masing. KPM sentiasa memberikan maklumat terkini dan ketetapan berkaitan sebarang isu yang turut melibatkan IPS bagi memastikan kebajikan, keselamatan dan kesihatan murid sentiasa terjaga.

Seksyen 79 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] menetapkan semua institusi pendidikan hendaklah berdaftar dengan KPM. Seksyen ini juga turut memberi kuasa kepada KPM untuk menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi semasa suatu institusi pendidikan tersebut didaftarkan. Sehingga 31 Mac 2023, terdapat 7,565 buah tadika swasta dan 546 buah sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM bawah Akta 550.

KPM mengambil maklum berhubung kewujudan tadika dan sekolah swasta yang tidak berdaftar. Maklumat berkenaan diperolehi daripada pelbagai sumber termasuklah aduan daripada pemain industri dan juga orang awam serta penemuan semasa operasi pemantauan yang dilaksanakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri.

SOALAN NO : 149

Bagi memastikan semua institusi pendidikan swasta berdaftar dengan KPM, program berbentuk *outreach* bagi menyampaikan maklumat dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas IPS yang tidak berdaftar mengikut peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dilaksanakan secara berterusan. Program ini turut disokong oleh pelbagai agensi berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pejabat Kesihatan.

Selain itu, tindakan perundangan turut dilaksanakan terhadap institusi pendidikan swasta yang telah beroperasi tanpa pendaftaran berdasarkan peruntukkan undang-undang yang ditetapkan dalam Akta 550 seperti penawaran kompaun atas kesalahan serta tindakan pendakwaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 150

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 06 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah Tamil untuk Bajet 2023 dan menjelaskan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk memberi bantuan khas atau meningkatkan jumlah bantuan sedia ada untuk pembangunan pendidikan Tamil di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran peruntukan bagi penyelenggaraan di bagi sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan pada tahun 2023 adalah berjumlah RM900 juta. KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah dengan adil dan sewajarnya. Peruntukan penyelenggaraan juga akan diagihkan berdasarkan permohonan dan susunan keutamaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 151

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE** **(BATANG SADONG)**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE (BATANG SADONG) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengenai trend peratusan di dalam domain Sosialisasi Politik di kalangan belia di Malaysia di bawah kajian Indeks Belia Malaysia (IBM) khususnya selepas penguatkuasaan UNDI18 pada tahun 2019 serta perancangan jangka masa panjang Kementerian untuk memastikan golongan belia sentiasa wacana dan matang dalam politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan kajian yang dilaksanakan di peringkat nasional bagi mengukur kualiti dan tahap kesejahteraan hidup belia di Malaysia. Domain Sosialisasi Politik merupakan salah satu daripada enam domain di bawah IBM.

Domain Sosialisasi Politik, Kenegaraan dan Demokrasi diukur berpandukan kepada lapan indikator dan ia diselaraskan dengan kaedah pengukuran antarabangsa untuk menilai *Youth Development Index* (YDI) dan *Global Youth Development Index* (GYDI).

SOALAN NO : 151

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Domain Sosialisasi Politik, Kenegaraan dan Demokrasi ini mengukur tahap keterlibatan dalam aktiviti politik meliputi kewujudan polisi berkaitan belia, kewujudan pendidikan pengundi suara belia secara formal, perbincangan penyertaan dan mengikuti perkembangan berkaitan isu politik kenegaraan dan demokrasi. Skor Domain Sosialisasi Politik pada tahun 2021 mencatatkan skor 60.31 di tahap Sederhana dan pada tahun 2022 mencatatkan penurunan skor kepada 58.64 di tahap Kurang Memuaskan.

Sehubungan itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) telah memberikan fokus kepada pelaksanaan Program Pendidikan Demokrasi bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan golongan belia terhadap sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Hal ini adalah selaras dengan penglibatan formal golongan belia dalam sistem demokrasi, khususnya dengan penurunan had umur pengundi kepada 18 tahun.

Program ini akan dilaksanakan sebagai program jangka panjang melibatkan pelbagai tahap penyampaian berpandukan kepada pelbagai kumpulan sasaran. Sehingga kini, KBS telah melaksanakan **18 sesi *dry run*** program **sepanjang bulan Mei 2023** melibatkan golongan belia di pelbagai peringkat dengan jumlah penyertaan seramai **4,662** peserta.

Bagi memastikan pengisian program ini terus diperkukuh, Kementerian telah melaksanakan sesi libat urus melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk ahli akademik, badan bukan kerajaan dan parti-parti politik.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 152

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

(a) status terkini pengambil alihan semula penyeliaan ruang udara '*Flight Information Region*' (FIR) daripada negara Singapura yang telah dirancang pada tahun 2019 yang mana jangkaan pelaksanaannya selewat-lewatnya pada tahun 2023; dan

(b) berapa kos FIR yang ditanggung oleh syarikat penerbangan bagi setiap penerbangan daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan berapa pula kos yang akan ditanggung jika Kerajaan mengambil alih FIR ini daripada Singapura.

NO. SOALAN : 152

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Kementerian/Agensi lain yang berkaitan telah mewujudkan satu jawatankuasa *High-Level Committee* yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dan rakan sejawatnya, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Singapura bagi tujuan membincangkan pengambilan balik tanggungjawab penyediaan perkhidmatan kawalan trafik ruang udara yang telah diwakilkan kepada negara Singapura melalui *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures And Overflights 1974 (OLOA 1974)* sejurus perbincangan antara Menteri Pengangkutan Malaysia dengan rakan sejawat Singapura pada 23 Januari 2019.

2. HLC telah mengadakan 2 kali Mesyuarat iaitu pada 18 Februari 2019 di Putrajaya dan 28 Jun 2019 bagi membincangkan Terma Rujukan HLC yang antara lain merangkumi bidang kuasa HLC dan fasa pengambilan balik tanggungjawab penyediaan perkhidmatan kawalan trafik ruang udara dari Singapura secara berperingkat mulai 2019 sehingga 2023.

3. Kementerian Pengangkutan bersama-sama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) pada 2021 dan 2022 telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pihak Singapura bagi membincangkan aspek-aspek teknikal yang melibatkan keselamatan penerbangan awam selaras dengan hasrat Kerajaan Malaysia untuk mengambil balik tanggungjawab penyediaan perkhidmatan kawalan trafik ruang udara dari Singapura.

4. Perbincangan mengenai usaha Malaysia untuk mengambil balik tanggungjawab penyediaan perkhidmatan kawalan trafik ruang udara dari Singapura juga telah menjadi salah satu agenda tetap dalam semua Mesyuarat Dua Hala Antara Malaysia dan Singapura serta Sesi

Pemukiman Pemimpin-Pemimpin Kerajaan Malaysia-Singapura (*Leaders' Retreat*) sejak 2019.

5. Selain rundingan dua hala secara diplomatik di peringkat pemimpin negara dan pegawai Kerajaan, proses mengambil-balik tanggungjawab penyediaan perkhidmatan kawalan trafik ruang udara juga perlu mengambil kira ketetapan dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak *International Civil Aviation Organisation* (ICAO).

6. Pada ketika ini, proses rundingan bagi mengambil-balik tanggungjawab penyediaan perkhidmatan kawalan trafik ruang udara daripada pihak Singapura masih berjalan. Dalam hubungan ini, Malaysia sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus terpelihara. Isu-isu yang melibatkan kepentingan strategik pengurusan ruang udara negara akan terus diberi perhatian utama.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Untuk makluman sebahagian besar ruang udara di Laut China Selatan adalah di bawah kawalan dan pengurusan Kerajaan Singapura seperti mana mandat yang telah diberikan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Dalam hubungan ini, setakat ini Singapura tidak mengenakan sebarang caj atau fi bagi mana-mana penerbangan yang menggunakan ruang udara tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 153

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

Tuan Syed Saddiq Bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berdasarkan masalah sistem *e-ticket* di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di mana pelanggan telah membeli tiket secara online namun perlu ke kaunter untuk mendapatkan tiket fizikal, dan masalah bertambah rumit apabila musim kemuncak di mana ramai pengguna terlepas bas kerana beratur terlalu lama di kaunter, apakah langkah penyelesaian oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah menjalankan siasatan berkenaan aduan kesesakan yang berlaku di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) pada 1 Mei 2023. Berdasarkan hasil siasatan, pihak pengurusan TBS memaklumkan bahawa kesesakan ini berpunca daripada masalah teknikal berkaitan integrasi kod QR *GoPass*. Selain itu, penambahan kehadiran pengguna yang mendadak sebanyak 14% mewakili purata 15,000 penumpang sehari yang membuat pembelian secara atas talian ketika cuti umum 1 Mei 2023 menyumbang kepada masalah ini. Keadaan ini berbeza ketika musim perayaan hari raya di mana orang ramai pulang beraya secara berperingkat.

2. Dalam perkembangan sama, beberapa langkah penambahbaikan dan tindakan susulan telah diambil oleh pihak TBS dengan mengoptimumkan kaunter penukaran tiket secara berperingkat serta menambah bilangan petugas semasa waktu puncak bagi melancarkan proses pengguna pada hari kejadian.

3. Pada 2 Mei 2023, APAD telah mengadakan perbincangan bersama pengendali TBS dan NSSIT yang mewakili penyedia sistem terminal. Lanjutan daripada itu, pengendali TBS telah mengadakan beberapa siri perbincangan dari tempoh 3 Mei – 9 Mei dengan syarikat-syarikat *Online Ticketing Agent (OTA)*. Hasil daripada perbincangan tersebut adalah seperti yang berikut:

i. Pihak *BusOnlineTicketing* (BOT) telah menyelesaikan ralat bagi pembelian antara OTA (*cross*-OTA) pada 5 Mei 2023;

ii. Pihak redBus telah menyelesaikan ralat tersebut dan sistem redBus telah memuat naik integrasi QR Kod;

iii. Semua syarikat OTA bersetuju untuk memberi pengecualian caj kepada pengguna sehingga 7 Mei 2023. Walaubagaimanapun, pihak OTA berhasrat untuk menukar kaedah mandatori kepada kaedah pilihan (*opt-in*) bermula 8 Mei 2023 dan pengguna akan dikenakan caj admin sebanyak RM1 bagi yang memilih untuk menggunakan Kod *GoPass*.

4. Kementerian akan meneliti dan memperhalusi keperluan bagi melesenkan OTA berdasarkan situasi semasa melalui perjumpaan dengan pihak terminal-terminal utama dan pengusaha utama OTA. Perkara ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pengangkutan demi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 154

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB (TANJONG MANIS)

TARIKH : 6 JUN 2023 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB (TANJONG MANIS) minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah program-program yang telah dirancangkan untuk meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar di Parlimen Tanjong Manis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah melaksanakan pelbagai program ekonomi sama ada secara individu atau berkelompok bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi masyarakat penduduk luar bandar.

Bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, KKDW telah melaksanakan program khusus untuk membantu penduduk luar bandar di dalam kategori miskin dan miskin tegar seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Bagi tahun 2023, Kerajaan telah meluluskan sebanyak RM105 juta bagi Program Bantuan Rumah untuk Wilayah Sarawak. Disasarkan dengan jumlah ini, sebanyak 320 unit bantuan bina baharu rumah dan 2,382 bantuan baik pulih rumah disediakan untuk keseluruhan Wilayah Sarawak, dengan pengagihan untuk Parlimen Tanjong Manis akan ditetapkan kemudian.

SOALAN NO : 154

Manakala antara program ekonomi untuk penduduk luar bandar secara individu adalah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang menyediakan bantuan peralatan dan latihan yang mensasarkan golongan miskin dan miskin tegar dengan bantuan secara *one-off* bernilai maksimum RM10,000 kepada penerima yang layak dalam bentuk peralatan dan latihan. Untuk tahun 2023, KKDW mengalu-alukan permohonan peserta daripada Parlimen Tanjung Manis untuk mengikuti PPP. Melalui program ini, peserta dijangka dapat meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pendapatan asal.

Selain itu, KEMAS turut melaksanakan Kursus Kemahiran *Quick Win* untuk meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Untuk tahun 2023, seramai 10 orang peserta akan terlibat dengan program berkenaan dengan kos RM40,000. Manakala RISDA juga melaksanakan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) di Sarawak bagi memperbaiki taraf sosio-ekonomi pekebun kecil. Bagi tahun 2023, sebanyak RM2.17 juta telah diperuntukkan untuk Sarawak yang melibatkan 245 peserta. Pekebun kecil RISDA di Parlimen Tanjung Manis boleh memohon program AET pada tahun ini.

Selain itu, belia di luar bandar boleh mendapatkan latihan kemahiran teknikal dan vokasional di bawah GIATMARA sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri atau menceburi bidang keusahawanan. Sejak tahun 2021, seramai 30 orang peserta telah mengikuti latihan kemahiran di Pusat GIATMARA Tanjung Manis, Sarawak. Antara latihan yang ditawarkan di GIATMARA Tanjung Manis adalah *Automotive Workshop Management*, *Electric Motor Vehicle Technology Program* dan *Fashion Design-Casual.*

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 155

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM (PASIR GUDANG)

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM (PASIR GUDANG) minta MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH menyatakan jaminan Kerajaan Persekutuan untuk melindungi rizab Orang Asli di Semenanjung di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan Kanun Tanah Negara (Akta 828) supaya terus dikekalkan untuk kepentingan Orang Asli dan tidak boleh dipindah milik kepada pihak-pihak lain.

SOALAN NO : 155

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kepentingan tanah Orang Asli di Semenjung Malaysia dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan melalui perkara 8(5)(c) dan melalui Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) serta Kanun Tanah Negara (Akta 828).

Walaupun di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 154), Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) perlu dirujuk dan dirundingi sebelum sebarang urusan berkaitan tanah Orang Asli dilaksanakan, Kerajaan Negeri turut mempunyai hak yang lebih besar terhadap urusan berkaitan tanah selaras Jadual 9 (Senarai Negeri), Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan melalui JAKOA dan Kerajaan-Kerajaan Negeri mempunyai persefahaman dan iltizam untuk mempertahankan rizab Orang Asli yang diwartakan melalui pelbagai akta dan undang-undang demi memastikan hak serta kepentingan masyarakat Orang Asli terpelihara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 156

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan merahsiakan penemuan nahas pesawat Double Six sejak lebih 40 tahun lalu. Adakah Kerajaan akan mengusahakan sebarang bentuk pampasan kepada keluarga mangsa akibat tindakan Kerajaan ini.

NO. SOALAN: 156

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan *Fourth Edition Annex 13*, *Aircraft Accident and Incident Investigation, International Civil Aviation Organisation* (ICAO Annex 13), tiada keperluan untuk Kerajaan menyiarkan laporan akhir kepada umum. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dipinda dalam *Tenth Edition Annex 13* pada Julai 2010 di mana laporan penyiasatan kemalangan udara hendaklah disediakan dan disiarkan kepada umum dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh kemalangan atau insiden berlaku.

2. Semenjak penguatkuasaan *Tenth Edition Annex 13* pada Julai 2010, kesemua laporan nahas udara telah didedahkan kepada umum. Antara laporan nahas udara yang telah didedahkan kepada umum termasuk, "Laporan Kemalangan Udara Pesawat MH370 Pada 8 Mac 2014" dan "Kemalangan Udara Helikopter Eurocopter AS350B3e (RP-C6828) di Sungai Batang Lupar, Kuching, Sarawak pada 5 Mei 2016."

3. Mengambil kira nahas tersebut berlaku pada tahun 1976 di mana *Fourth Edition Annex 13* diguna pakai, Kerajaan tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk menyiarkan laporan penyiasatan kemalangan udara Double Six Tragedy kepada umum.

4. Dalam konteks ini, keputusan Kerajaan untuk mengelaskan semula Laporan Akhir Siasatan Kemalangan Udara Pesawat Sabah Air Model GAF N-22B NOMAD, 6 Jun 1976 di bawah seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] untuk didedahkan kepada umum mulai 11 April 2023 adalah sejajar dengan dasar Kerajaan Perpaduan dan aspirasi Malaysia Madani yang antara lain, mementingkan ketelusan dan keterbukaan.

5. Sebarang tuntutan bentuk pampasan sekiranya ada perlu diselesaikan melalui proses perundangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 157

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Kerajaan mengambil masa 47 tahun untuk declassify laporan penyiasatan kemalangan kapal terbang GAF N-22B Nomad milik Sabah Air yang telah mengorbankan 11 orang penumpang termasuk Ketua Menteri, Tun Fuad Stephens. Dan mengapa laporan siasatan tidak menyebut rekod percakapan dari Black Box.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan *Fourth Edition Annex 13*, *Aircraft Accident and Incident Investigation, International Civil Aviation Organisation* (ICAO Annex 13), tiada keperluan untuk Kerajaan menyiarkan laporan akhir kepada umum. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dipinda dalam *Tenth Edition Annex 13* pada Julai 2010 di mana laporan penyiasatan kemalangan udara hendaklah disediakan dan disiarkan kepada umum dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh kemalangan atau insiden berlaku.

2. Semenjak penguatkuasaan *Tenth Edition Annex 13* pada Julai 2010, kesemua laporan nahas udara telah didedahkan kepada umum.

Antara laporan nahas udara yang telah didedahkan kepada umum termasuk, “Laporan Kemalangan Udara Pesawat MH370 Pada 8 Mac 2014” dan “Kemalangan Udara Helikopter Eurocopter AS350B3e (RP-C6828) di Sungai Batang Lupar, Kuching, Sarawak pada 5 Mei 2016.

3. Mengambil kira nahas tersebut berlaku pada tahun 1976 di mana *Fourth Edition Annex 13* diguna pakai, Kerajaan tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk menyiarkan laporan penyiasatan kemalangan udara Double Six Tragedy kepada umum.

4. Dalam konteks ini, keputusan Kerajaan untuk mengelaskan semula Laporan Akhir Siasatan Kemalangan Udara Pesawat Sabah Air Model GAF N-22B NOMAD, 6 Jun 1976 di bawah seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] untuk didedahkan kepada umum mulai 11 April 2023 adalah sejajar dengan dasar Kerajaan Perpaduan dan aspirasi Malaysia Madani yang antara lain, mementingkan ketelusan dan keterbukaan.

5. Hasil penelitian Kementerian terhadap perenggan 1.11 di muka surat 8 Laporan Akhir Siasatan Kemalangan Udara tersebut, laporan akhir siasatan tersebut tidak menyebut mengenai rekod daripada *Black Box / Flight Recorder* pesawat disebabkan pemasangan *Black Box / Flight Recorder* ke atas pesawat jenis Model GAF N-22B NOMAD adalah tidak diperlukan pada masa itu.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 158

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**
TARIKH	**:**	**6 JUN 2023 (SELASA)**

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil untuk mempermudahkan tatacara Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang kini beroperasi cuma dari hari Isnin hingga Khamis supaya tidak adanya kelewatan permit menghantar pulang mayat warga asing.

NO. SOALAN: 158

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pejabat-pejabat Kesihatan di bawah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) telah mula mengambil alih pengurusan permohonan permit import dan eksport mayat dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mulai bulan Mac 2022. Ia diuruskan setiap hari (Isnin hingga Jumaat) termasuk hujung minggu (Sabtu, Ahad) dan cuti umum.

2. Rekod mendapati dalam tempoh setahun, iaitu Mac 2022 hingga Mac 2023; sejumlah 371 permit import eksport mayat dan 624 permit import eksport tisu manusia, organisma atau bahan patogenik telah dikeluarkan. Dari 371 permit mayat yang dikeluarkan, sebahagian besar iaitu 323 permit (87.1%) dikeluarkan pada hari bekerja manakala 50 permit (22.9%) dikeluarkan pada hari Sabtu dan Ahad. Justeru tu, dakwaan bahawa permohonan permit hanya diproses pada hari Isnin hingga Khamis adalah tidak tepat.

3. Rekod turut menunjukkan semua permohonan yang melalui sistem permohonan atas talian BLESS (*Business Licencing Electronics Support System)* serta lengkap dengan dokumentasi yang diperlukan telah berjaya diproses oleh Pejabat Kesihatan mengikut tempoh yang ditetapkan, iaitu dalam masa 24 jam. Kelewatan menghantar pulang mayat warga asing bukanlah disebabkan oleh kelewatan memperolehi permit eksport mayat dari Pejabat Kesihatan, tetapi sebaliknya ia melibatkan proses-proses lain di luar kawalan Pejabat Kesihatan, seperti kelewatan memperolehi dokumentasi-dokumentasi yang diperlukan.

4. Satu sesi libat urus antara Pengarah Kesihatan Negeri, JKWPKL&P dengan agen pengusaha kasket telah diadakan pada 9 Mei 2023. Ia bertujuan memberi penerangan berkenaan proses terlibat serta membincangkan isu yang dialami oleh agen serta tindakan kedua belah pihak bagi melancarkan pengurusan permit import eksport mayat ini dan mengelakkan kelewatan. Antara inisiatif baru yang diperkenalkan adalah:

i) Memperluaskan penglibatan Pejabat Kesihatan di JKWPKLP dari tiga (PK Lembah Pantai, PK Titiwangsa dan PK Cheras) kepada kesemua lima Pejabat Kesihatan. Iaitu menambah PK Kepong dan PK Putrajaya. Ini dapat mengagihkan beban memproses permohonan yang semakin meningkat;

ii) Mengadakan Latihan Penggunaan Sistem BLESS (*refresher course*) pada 17-18 Mei 2023 untuk agen pengusaha kasket dan anggota lapangan; dan

iii) Merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengimportan dan Pengeksportan Mayat, Tisu manusia, Organisma dan Bahan Patogenik), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, setiap permohonan permit import dan eksport mayat dikenakan fi sebanyak RM100. Bayaran ini boleh dilakukan secara tunai di pejabat kesihatan atau melalui atas talian di dalam sistem BLESS. Bagi memudahkan proses bayaran dan pengeluaran permit ini mesyuarat tersebut juga telah bersetuju untuk membenarkan “Pegawai yang diberi kuasa” di lapangan menerima bayaran terus dari agen pengusaha kasket dan mengeluarkan resit rasmi sekiranya cara bayaran secara online melalui Sistem BLESS tergendala pada hari tidak bekerja dan cuti umum. Peraturan sama juga mentafsirkan pegawai yang diberi kuasa, ertinya mana-mana pegawai kesihatan, inspektor kesihatan atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 3; Akta Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

5. Pihak JKWPKL&P serta Pejabat-pejabat Kesihatan sentiasa komited dan serius dalam menambahbaik perkhidmatan kesihatan awam termasuk menjalankan tindakan penguatkuasaan secara telus lagi berintegriti.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 159

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN GANABATIRU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan saban hari kita mendengar isu rasis dan ekstrem dijadikan modal tuduhan berkaitan perkauman dan agama oleh pihak-pihak tertentu dan ini telah mempengaruhi sentimen sesuatu kaum di negara ini. Adakah dalam masa terdekat Kerajaan akan mengusulkan suatu undang-undang seperti anti perkauman *hate speech* atau undang-undang *minority protection act* dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Perlembagaan Persekutuan** telah memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak untuk mendapat perlindungan yang sama rata dan adil. Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan Persekutuan, **diskriminasi terhadap warganegara tidak boleh diamalkan** semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, warna kulit, tempat lahir atau jantina.

2. Pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara. Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa, antara lain, di bawah akta-akta yang berikut:

i. Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] iaitu kesalahan menghasut;

ii. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;

iii. Seksyen 295 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu kesalahan membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan;

iv. Seksyen 296 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menganggu perhimpunan yang menjalankan sembahyang;

v. Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebut perkataan-perkataan atau melakukan perbuatan-perbuatan

lain dengan niat sengaja hendak melukakan perasaan agama seseorang;

vi. Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyebabkan, atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan;

vii. Seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;

viii. Seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan

ix. Seksyen 506 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.

3. Justeru, Kementerian ini berpendapat **tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu** pada masa ini dan memadai dengan **meningkatkan penguatkuasaan** undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, kalau keadaan mendesak dan Kerajaan memikirkan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula untuk pindaan bagi mengekang sesetengah percakapan (***hate speech***) atau **perbuatan provokasi** yang boleh menggugat keharmonian, maka Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 160

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan dapat meluluskan permohonan Kementerian Pengangkutan sebanyak RM60 juta bagi melaksanakan projek menaik taraf Lapangan Terbang Miri demi kepentingan rakyat setempat dan untuk menggalakkan perkembangan industri pelancongan di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan (MOT) mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Miri (LT Miri) dengan meningkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 2 juta penumpang setahun kepada 3 juta penumpang setahun. Pada tahun 2019, LT Miri telah mengendalikan sebanyak 2.4 juta orang penumpang iaitu melebihi kapasiti sedia ada sebanyak 20 peratus.

2. Cadangan untuk menaik taraf LT Miri telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi di bawah Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP4 RMK-12) Tahun 2024 untuk pertimbangan. Perlaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan dan kemampuan Kerajaan Pusat.

Sekian, terima kasih.